




Gawat
Gagalnya Formula
Mahathir

DINSMAN



1

Gagalnya Satu Formula Mahathir

SEBAGAI Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada satu formula untuk mengangkat Malaysia menjadi negara maju, setaraf dengan negara maju lain di dunia. Setaraf dengan Amerika dan setaraf dengan Jepun, iaitu dari segi kemajuan ekonomi, dan kemajuan sains dan teknologi.

Kunci utama Formula Dr Mahathir ialah ekonomi. Malaysia mesti maju dalam ekonomi, kerana hanya kemajuan ekonomi yang dunia pandang pada hari ini. Dunia tidak akan pandang kita kalau ekonomi kita tidak maju. Dunia tidak akan hormat kita kalau ekonomi kita tidak maju. Oleh itu ekonomi kita mesti dimajukan terlebih dahulu. Yang lain-lain boleh tunggu. Ekonomi mesti diutamakan. Ekonomi adalah prioriti.

Bagaimana caranya supaya ekonomi kita maju? Jawabannya, antara yang penting, ialah dasar Pandang ke Timur. Belajar dengan Jepun dan Korea Selatan, kerana mereka berjaya memajukan ekonomi mereka dalam tempoh yang singkat. Ikut cara Jepun, pakai konsep *Japan Incorporated* atau Persyarikatan Jepun.

Kita buat Persyarikatan Malaysia, dan laksanakan penswastaan. Beri peluang dan kemudahan supaya pihak swasta dapat memainkan peranan mereka secara maksimum. Dalam hal memajukan ekonomi, swasta dipercayai lebih cekap daripada kerajaan. Ikut sistem kapitalis liberal. Kita serahkan peranan memajukan ekonomi ini kepada swasta, dan kita tolong swasta. Sektor swasta menjadi jentera pertumbuhan - *the engine of growth*.

Terbukti Mahathir berjaya. Dalam tempoh yang tak berapa lama ekonomi Malaysia telah muncul sebagai satu contoh kejayaan di kalangan negara-negara membangun. Dan dalam masa yang sama orang Melayu pun mulai yakin akan kemampuan mereka. "Apa yang orang lain boleh buat, kita pun boleh buat." Mahathir selalu kata begitu kepada orang Melayu. Maka lahirlah kata-kata hikmat "Malaysia Boleh!".

Malaysia boleh buat kereta sendiri. Malaysia boleh buat kapal terbang sendiri. Malaysia boleh buat bangunan yang paling tinggi dalam dunia. Orang Malaysia boleh daki gunung Everest sampai ke puncak. Malaysia boleh ada satelit sendiri. Malaysia boleh buat lapangan terbang yang terbesar dan terancang di rantau ini. Dan macam-macam lagi.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malay-

sia mencapai kadar pertumbuhan purata 8.9 peratus mulai 1988 hingga 1996, dengan kadar inflasi yang rendah, purata 3.5 peratus. Kadar pengangguran pada tahun 1996 ialah 2.5 peratus. Manakala kadar simpanan adalah antara yang tertinggi di dunia, iaitu 38.5 peratus (1996).

Dalam satu wawancara dengan majalah *Time* (15 Jun 1998), Dr Mahathir sendiri menegaskan bahawa “Jika anda mengimbas pada perubahan-perubahan yang berlaku dalam negara ini selepas saya mengambil alih, semuanya bersifat ekonomi. Itulah puncanya kami berkembang pesat.”

Wawasan 2020 pula adalah satu program pembentukan minda kebangsaan yang cukup cemerlang. Sasaran mencapai taraf negara maju pada tahun 2020 itu berjaya menyatukan dan mendisiplinkan arah pemikiran rakyat. Dengan itu kita mempunyai satu set minda kebangsaan, yang amat jarang boleh didapati di mana-mana negara di dunia. Ia juga menjadi pemangkin yang berkesan dalam usaha memajukan ekonomi negara.

Dalam sebuah puisi saya berjudul “Engkau Mengubah”, terdapat tiga rangkap yang merakamkan kejayaan Mahathir, seperti berikut:

Engkau mengubah sikap Malaysia
 Engkau mengubah fahaman Malaysia
 Dulu rakyat takutkan raja
 Sekarang raja takutkan rakyat
 Dulu kita merayu Britain
 Sekarang Britain merayu kita

Engkau mengubah
kotor menjadi bersih
pesimis menjadi optimis
tak percaya menjadi yakin

Engkau mengubah cara Malaysia
Engkau mengubah gaya Malaysia
Engkau mengubah warna Malaysia
Engkau mengubah rentak Malaysia
Dulu ramai yang malu rakyat Malaysia
Sekarang semua berbangga rakyat Malaysia

Mahathir sangat memerlukan rakyat yang rajin, berdisiplin dan kuat bekerja. Ini penting, kerana kita tidak ada banyak masa. Kita telah lama tertinggal di belakang, dan kita kena kejar kemajuan. Tanpa pekerja yang rajin, berdisiplin dan kuat bekerja kita tak mungkin berjaya. Maka dengan dibantu oleh beberapa orang tokoh ekonomi dan pengusaha yang rapat dengan dia, dan yang dia percaya, seperti Tun Daim Zainuddin, Tan Sri Halim Saad, Tan Sri Vincent Tan, Tan Sri Ananda Krishnan, Tan Sri Tajuddin Ramli dan Tan Sri Ting Pek Khiing, Mahathir pun melancarkan satu demi satu projek ekonominya, termasuk beberapa projek mega yang menjadi kebanggaannya.

Projek mega Mahathir yang paling hebat dan mutakhir ialah *Multimedia Super Corridor* (MSC) atau Koridor Raya Multimedia. Ia dikatakan satu projek yang paling canggih, dan yang pertama seumpamanya di dunia. Belum ada lagi dibuat begitu

oleh mana-mana negara pun di dunia ini. Seluruh kemajuan terkini dari seluruh dunia akan dikumpulkan di MSC. Mahathir melantik tokoh-tokoh multimedia dan teknologi maklumat yang terkemuka dan tersohor dari seluruh dunia menjadi Panel Penasihat Antarabangsa MSC. Ia termasuklah tokoh komputer dan perisian terhebat dan orang paling kaya di dunia - Bill Gates.

Multimedia Super Corridor - Inilah dunia masa depan. Semuanya serba canggih. Kerajaan tanpa kertas. *Tele-conferencing*. Tele-perubatan. Kad pintar (*smart card*). Sekolah bestari. Semuanya berada di Malaysia. Tidak syak lagi, dengan adanya MSC Malaysia akan menjadi negara yang paling maju di dunia.

Tup tup, ekonomi gawat. Matawang dan pasaran saham kita diserang. Ringgit yang dulu (April 1997) nilainya RM2.48 bagi US\$1, menjunam ke paras RM4.88 pada awal Januari 1998. Ertinya untuk membeli barang import yang bernilai US\$1, dulu kita bayar RM2.48, pada awal Januari 1998 kita kena bayar RM4.88. Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang pernah mencapai 1,278 mata pada 26 Februari 1997, kini menjunam ke paras 315.66 mata (18 Ogos 1998). Ramai orang tiba-tiba menjadi miskin. Kekuatan ekonomi kita dengan tiba-tiba saja runtuh berkecai. Macam istana pasir.

Oleh kerana kekuatan pimpinan Mahathir terlalu tertumpu kepada ekonomi, dan formula kepimpinannya untuk mengangkat maruah dan martabat bangsa dan agama pun bergantung pada kekuatan ekonomi, maka kepercayaan dan keyakinan kita terhadap

pimpinan dan Formula Mahathir pun wajarlah dipersoalkan semula.

Mempersoalkan kepemimpinan Mahathir disebabkan kejatuhan ekonomi kita oleh serangan dari luar tentulah nampak kita tidak adil dan tidak bertimbang rasa terhadap Mahathir. Sepatutnya kita membantu dia di waktu yang susah dan genting begini. Tetapi sejauh manakah benarnya ekonomi kita jatuh disebabkan serangan dari luar semata-mata? Memang Mahathir mendakwa demikian. Tetapi ramai pakar ekonomi berpendapat sebaliknya.

Lee Kuan Yew, bekas Perdana Menteri Singapura yang kini Menteri Kanan republik itu, pun menyalahkan Dr Mahathir. Dalam satu wawancara majalah *Newsweek* dengannya, (dilaporkan dalam *Utusan Malaysia* 17 Jun 1998), Lee Kuan Yew berkata krisis kewangan di Asia sepatutnya tidak berapa teruk sekiranya pemimpin-pemimpin Malaysia, Thailand dan Indonesia faham tentang betapa pantas pasaran bertindak balas terhadap kata-kata mereka.

Dr Mahathir “menjadi berang akibat kejatuhan menjunam pasaran saham dan nilai ringgit,” kata Lee Kuan Yew, dan beliau “meluahkan kemarahannya kepada spekulator matawang, khususnya George Soros dari Amerika dan Yahudi. Ini menyebabkan semua matawang dan pasaran saham di rantau ini jatuh lagi.”

Sebenarnya kita tidak mempertikaikan kepemimpinan Dr Mahathir semata-mata disebabkan ekonomi kita jatuh. Kita mempertikaikan kepemimpinannya adalah disebabkan formulanya memajukan bangsa dan

agama melalui kekuatan ekonomi, telah terbukti gagal.

Selama 17 tahun kita memberi peluang kepada Dr Mahathir untuk melaksanakan formulanya. Sambil itu kita telah mengorbankan pendapat kita yang berbeza dengannya, terutama dalam pembangunan budaya, agama dan sosial, semata-mata untuk menyokong dia membuktikan kebenaran formulanya.

17 tahun bukan waktu yang pendek. Tetapi selama itu kita telah membiarkan bahasa kita dihina, agama kita disalah tafsir dan disalah tadbir, dan akhlak anak-anak muda kita rosak binasa. Tidak lain tujuan kita hanya kerana menyokong Mahathir memajukan bangsa dengan formulanya.

Kita boleh rela hati terus menyokong Mahathir membangunkan semula ekonomi Malaysia sekiranya dalam tempoh 17 tahun lalu itu dia tidak menganiaya budaya, agama dan akhlak bangsa kita. Cubalah fikir! Kiranya kita terus menyokong kepemimpinannya membangunkan semula ekonomi Malaysia dengan cara dan gayanya seperti tahun-tahun yang lalu, bilakah pula masanya budaya, agama dan akhlak bangsa kita akan diperjuangkan?

Setelah segala yang dibangunkan selama ini menjadi sia-sia begitu sahaja, apakah alasan untuk kita memberikan Mahathir peluang sekali lagi? Cubalah fikirkan semula. Kiranya dalam tempoh 17 tahun lalu itu sambil ekonomi dimajukan, budaya dan agama serta akhlak juga turut dimajukan, sudah tentu kegawatan ekonomi tidak akan menyebabkan segala-galanya menjadi sia-sia.

Budaya yang telah dimajukan tidak akan musnah

disebabkan kegawatan ekonomi. Akhlak anak-anak muda yang telah dipelihara dan dibina teguh tidak akan musnah disebabkan kegawatan ekonomi. Keimanan dan ketaqwaan yang ditanam ke dalam diri umat berserta syi'ar Islam yang telah dimajukan, tentu tidak akan musnah disebabkan kegawatan ekonomi. Bahkan kegawatan ekonomi pun besar kemungkinan tidak akan berlaku sekiranya budaya, agama dan akhlak bangsa turut dipelihara dan dimajukan.

Kenapa saya kata demikian? Okey, cuba fikirkan kembali. Apa sebab berlakunya kegawatan ekonomi? Kerana kita terlalu percaya kepada sistem ekonomi kapitalis liberal yang lebih 90 peratus daripada nilai perdagangannya adalah spekulatif, berniaga di atas angin, dengan sistem kewangan berasaskan riba, memberi penghormatan kepada manusia yang pandai mengeksploitasi sifat tamak dan haloba, dan membiarkan rasuah dan penyalahgunaan kuasa berleluasa. Semua itu adalah bertentangan dengan ajaran Islam.

Dari segi analisa ekonomi moden memanglah kegawatan ekonomi berlaku disebabkan oleh faktor-faktor seperti serangan spekulator matawang terhadap ringgit, ekonomi yang meruap (*overheating*) dan sebagainya, seperti yang dihuraikan oleh Profesor Dr Jomo KS, Profesor Dr Barjoyai Bardai, Dr Ismail Salleh dan Dr Mohd Hafiah Piei dalam bab 4, bab 5 dan bab 9 buku ini. Tetapi dari sudut pandangan Islam ialah faktor-faktor yang saya sebut itu.

Maka sekiranya kita mengawal kegiatan-kegiatan perdagangan yang spekulatif, meminimumkan pemakaian riba dalam sistem kewangan (sambil

berusaha secara bersungguh-sungguh dan berterusan untuk menghapuskannya), tidak menghormati orang yang tamak dan haloba, dan membanteras amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa, sudah tentu kegawatan ekonomi tidak akan melanda kita.

Tegas Dr Ismail Salleh (bekas Timbalan Ketua Pengarah ISIS): "Mungkin kalau sistem ekonomi kita tidak mengamalkan riba, sebaliknya kita mengamalkan sistem pinjam-meminjam yang benar-benar berasaskan kepada sistem perkongsian untung, atau cara-cara lain yang dianjurkan oleh Islam, mungkin kita dapat mengasingkan ekonomi kita daripada masalah kegawatan ini." (*Tamadun*, September 1998)

Jangan kita kata situasi itu satu situasi ideal yang tak mungkin kita capai dalam arus perkembangan globalisasi hari ini. Boleh. Kita boleh mencapai situasi ekonomi Islam itu sekiranya Perdana Menteri kita memberikan tumpuan usahanya bersungguh-sungguh terhadap membina dan memajukannya seperti Dr Mahathir menumpukan usahanya membina dan memajukan ekonomi kapitalis selama ini. Memang ada usaha dibuat untuk mewujudkan sistem perbankan Islam. Tetapi setakat usaha mewujudkannya sahaja. Tidak bersungguh-sungguh memajukannya dengan tujuan untuk menggantikan sistem kewangan konvensional.

Demikianlah saya berharap tidak timbul salah faham mengatakan kita hendak menolak pimpinan Mahathir disebabkan kegawatan ekonomi melanda negara kita, sedangkan kegawatan itu berlaku bukan kerana salah beliau; dan sekiranya tidak berlaku

kegawatan ekonomi tentulah kita semua akan menikmati kemewahan hasil daripada usaha gigih beliau itu.

Saya sebenarnya seorang yang mengkagumi Mahathir. Selama lebih 17 tahun saya mengkaguminya. Oleh kerana saya kebetulan meminati bidang penulisan puisi, saya telah merakamkan kekaguman dan sanjungan serta pelbagai lagi pernyataan saya terhadap Mahathir dalam bentuk puisi. Buku saya *Puisi Panjang Untuk Mahathir* (yang mengandungi 39 buah puisi, kebanyakannya panjang-panjang) menjadi buktinya. Saya akan jelaskan cerita ini dalam bab 15 buku ini nanti.

Sanjungan kita kepada Mahathir terjadi kerana beberapa sebab. Antara yang penting adalah berdasarkan harapan akan tercapainya kemajuan ekonomi yang dijanjikan oleh formulanya. Tetapi, seperti yang akan diterangkan selanjutnya nanti, dalam proses Mahathir mengejar kemajuan ekonomi itu dia telah melakukan banyak kesalahan dalam bidang budaya, agama dan sosial. Selama ini kita memaafkannya, demi memberi dia peluang membuktikan kebenaran formulanya, kerana kita percaya kehadirannya sebagai pemimpin dengan kualiti kepemimpinan yang begitu tinggi tidak mungkin ada gantinya, sekiranya kita ingin mencapai kemajuan ekonomi yang setaraf negara maju.

Kita majukan ekonomi dulu, kata Formula Mahathir. Bahasa Melayu akan maju dengan sendirinya apabila orang Melayu maju. Nah, sekarang apa yang terjadi? Bahasa Melayu sudah jadi rojak. Dalam program televisyen bahasa Melayu bercampur aduk dengan bahasa Inggeris. Anak-anak remaja kita dilatih

supaya berbangga bertutur bahasa rojak. Sekarang di mana-mana saja orang lebih mengutamakan bahasa Inggeris. Bahasa Melayu sudah hilang maruah dan martabatnya.

Siapakah pemimpin yang sangat lantang bercakap pasal makna kemerdekaan sebenar, kalau bukan Mahathir? Cuma Mahathir mentafsirkan makna sebenar itu dari sudut ekonomi. Kita pun fikir betul-betul kita telah merdeka ekonomi apabila peniaga dan pengusaha British dan Australia pun terpaksa meminta maaf kepada kita dan merayu supaya kita memberi peluang mereka berniaga dengan kita. Tetapi apabila spekulator matawang dan pelabur portfolio Barat menyerang dan berjaya menjatuhkan ringgit dan pasaran saham kita, di manakah kemerdekaan ekonomi kita itu?

Mahathir sendiri mengaku, segala usaha pembangunan ekonomi kita selama 40 tahun habis dimusnahkan dalam masa 10 hari sahaja oleh penyangak-penyangak dari Barat yang mempunyai wang berbilion dolar. Di manakah kemerdekaan kita? Di manakah maruah dan martabat kita? Di manakah kehormatan kita? Bukan sahaja ekonomi kita hancur, bahasa kita pun hancur menjadi rojak. Maruahnya dipijak-pijak.

Kalau orang-orang budaya terasa dihina dan disihkan oleh Mahathir, demikian jugalah orang-orang agama. Selama ini kita cuba terima sikap dan tindakan Mahathir berhubung dengan agama, semata-mata kerana mempercayai dia akan berjaya memajukan ekonomi orang Islam setanding dengan orang-orang Barat, dan mengharapkan dengan itu imej Islam di arena

antarabangsa akan dihormati. Harapan kita orang-orang Islam tidak akan dihina dan diperbudakkan serta dianiaya lagi seperti yang berlaku ke atas orang-orang Palestin, Bosnia dan Iraq. Memang saya pernah percaya yang Mahathir akan berjaya melakukan itu melalui formulanya yang berkuncikan ekonomi.

Apabila Mahathir sendiri tanpa segan silu menghina wanita Islam yang memakai tudung dan purdah dengan memfitnah wanita yang berpakaian demikian sanggup memijak dan membunuh bayi (dalam risalah teks ucapannya di Perhimpunan Agung Umno 1997), saya kira dia telah melampaui batas-batas kewajaran seorang pemimpin Islam. Waktu itu saya benar-benar mengharapkan Mahathir akan meminta maaf atas kesalahannya itu. Tetapi nampaknya sehingga sekarang pun dia belum insaf.

Mahathir berhujah mempersoalkan hukum dan peraturan aurat berdasarkan tujuan untuk mengekang nafsu seks. Maka dia mempersoalkan apa perlunya lagi orang tua yang sudah kehilangan nafsu seks menutup aurat? Rupanya dia memahami hukum Islam semata-mata berdasarkan rasional berfikir. Itu tentulah satu asas yang silap. Bukan satu kesilapan yang kecil, tetapi satu kesilapan besar.


Tidak hairanlah dia enggan bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri pimpinan Datuk Nik Aziz yang hendak melaksanakan Hukum Hudud. Diberinya gambaran-gambaran yang menakutkan dan zalim serta mengerikan sekiranya Hukum Hudud dilaksanakan. Padahal kalau dia ikhlas hendak memperjuangkan kemuliaan syi'ar Islam, dia boleh berunding untuk

melaksanakannya secara beransur-ansur, yang sama sekali tidak akan timbul langsung gambaran ngeri, zalim dan menakutkan seperti yang ditimbulkan dalam hujahnya.

Bukan kita hendak menafikan sekian banyak sumbangan membina yang telah dibuat oleh pimpinan Mahathir terhadap pembangunan Islam di negara ini. Banyak juga sumbangannya, bukan tak banyak; hingga orang di negara-negara Timur Tengah pun mulai melihat ke Malaysia sebagai satu alternatif pentadbiran negara Islam yang patut dicontohi.

Kita telah berjaya melaksanakan perbankan Islam, insurans Islam dan pajak gadai Islam, walaupun kita kurang bersungguh-sungguh berusaha untuk meluaskan dan memajukan pelaksanaannya. Kita juga telah membina sebuah Universiti Islam Antarabangsa, di samping sekian banyak sekolah menengah agama kebangsaan. Dan macam-macam lagi. Itu semua kita akui. Tetapi....

Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) (Januari 1996 – April 1998)



Sumber: MIER, *Currency Turmoil and the Malaysian Economy*, hal. 11.

MEIR mengakui wujudnya serangan spekulator matawang ke atas ringgit, tetapi dengan tegas menyatakan bahawa “spekulator-spekulator itu tidak akan berjaya sekiranya tidak ada kelemahan dalam fundamental ekonomi mikro dan makro.”



Kalau Mahathir
memang ikhlas
memperjuangkan citra dan
syi'ar Islam, dia akan berasa
amat malu membiarkan statistik
terus menunjukkan yang
remaja Melayu-Islam paling
ramai terlibat dalam
gejala sosial negatif
di negara ini.

2

Terhina Kerana Lemah Ekonomi, Tidak Yang Lain

MEMANG kita tidak menafikan sekian banyak sumbangan pimpinan Mahathir terhadap pembangunan Islam di Malaysia. Tetapi dalam masa yang sama kita juga tidak boleh menafikan bahawa akhlak anak-anak muda kita orang Melayu-Islam, semakin porak peranda. Dibandingkan dengan anak-anak muda yang bukan beragama Islam, anak-anak muda beragama Islam lebih teruk akhlaknya.

Tengok saja misalnya statistik penagih dadah yang dikeluarkan oleh Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) pada 25 Jun 1998. Tujuh puluh lima peratus daripada 17,000 penagih baru yang dikesan pada tahun 1997 adalah golongan belia Melayu. Lapan peratus daripada belia Melayu itu berumur di bawah 19 tahun. Kadar penagih Melayu ini pula tidak berkurangan sejak 20

tahun lalu, walaupun pelbagai program pencegahan telah dijalankan oleh pelbagai pihak.

Itu penagihan dadah. Tidak kurang ngerinya, malah bagi sesetengah golongan lebih mengerikan, ialah gejala bohsia atau seks bebas suka-suka di kalangan remaja Melayu Islam yang begitu berleluasa. Ada pesta seks lagi mereka buat di Alor Setar. Siapa? Remaja Melayu-Islam! Apabila mengandung dan dapat anak di luar nikah, jadilah pula gejala buang bayi di merata-rata. Masya Allah! Tak ada bezanya dengan perangai Arab di Zaman Jahiliyah dulu.

Inilah imej atau citra Islam di negara yang hendak jadi negara Islam contoh. Mahathir pun pergilah ke negara Barat dan berkata dengan bangganya di hadapan para cendekiawan Eropah di Universiti Oxford: “Lihatlah Islam di Malaysia. Tidak ada keganasan dan tidak ada *terrorism*.” Cuma dia tak kata: “tetapi ada ramai bohsia dan banyak bayi baru lahir yang dibuang merata-rata”. Kalau dikatakan kita ada banyak bohsia pun tidak mengapa, kerana Barat tak kisah dengan gejala bohsia. Itu perkara biasa di negara mereka. Itulah kebebasan individu. Malah mereka mungkin memuji kita kerana menunjukkan sikap liberal.

Agaknya kerana itulah juga Mahathir pun tak berapa ambil kisah sangat dengan gejala keruntuhan akhlak di kalangan remaja Melayu-Islam di negara ini. Itu semua masalah kecil saja bagi dia. Lagipun masyarakat Barat tidak akan hilang hormat kepada kita walaupun gejala bohsia berleluasa. Tetapi berbeza dengan gejala penagihan dadah. Mahathir sanggup dikecam oleh Barat kerana melaksanakan hukum

bunuh mandatori ke atas pengedar dadah. Sebab dia tahu dunia memberi perhatian kepada isu itu. Biarlah Barat kata dia Barbarian pada mulanya, tak mengapa. Hukum bunuh ke atas pengedar dadah tetap dilaksanakan. (Jangan Hukum Hudud. Tak boleh.)

Tetapi gejala penagihan dadah tak juga berkurangan. Pasal apa? Pasal hanya pengedar yang dapat ditangkap sahaja yang dibunuh. Sedangkan faktor yang menyebabkan orang jadi penagih dadah ada banyak lagi. Yang banyak lagi itu tidak pula diberi perhatian sewajarnya. Lagipun Mahathir lebih percaya kepada kepandaian otak dia sendiri daripada firman Allah. Mahathir cuma hukum keras ke atas pengedar dadah. Banyak hukum lain yang telah ditentukan oleh Allah sendiri yang Mahathir kata tak sesuai untuk dilaksanakan sekarang, sedangkan semua itu ada sangkut pautnya. Hukum Hudud bukannya nak potong tangan macam itu sahaja. Kajilah dulu kesempurnaan hukum itu. Kalau kita ikhlaslah!

Pasal gejala bohsia - tengoklah macam mana sikap pemimpin-pemimpin kita. Semuanya jadi gempar sekejap saja. Apabila media mendedahkannya masa itu sibuklah segala menteri dan pemimpin nak cakap. Kita patut buat inilah patut buat itulah untuk mengatasi gejala bohsia. Sekejap saja, lepas itu semua orang pun buat tak kisah balik. Mahathir pun serupa juga. Tak macam projek Langkawi - dia ulang-ulang pergi tengok dah bertahun-tahun tak habis-habis lagi. Sebab apa?

Sebab Langkawi itu dia boleh panggil orang dari seluruh pelosok dunia datang tengok macam mana

dalam “sekelip mata” dia boleh bangunkan sebuah pulau yang tak ada apa-apa bertukar menjadi destinasi pelancongan bertaraf dunia yang lengkap dengan segala serba-serbi. Sekian banyak hotel mewah lima bintang dan enam bintang. Dua tahun sekali ada pameran kapal terbang dan kapal laut yang datang dari seluruh dunia. Ada perlumbaan basikal yang ketiga terbesar di dunia. Ada galeria perdana. Ada macam-macam lagi.

Tidakkah itu menakjubkan? Tentulah menakjubkan. Siapa yang buat? Siapa lagi kalau bukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Maka Mahathir pun bolehlah kata kepada rakyat: “Tengok! Kalau kita betul-betul berusaha dengan rajin dan tekun, ulang-ulang buat dengan penuh disiplin, tak ada benda yang kita tak boleh buat.”

Betul! Memang betul. Mahathir telah menunjukkan satu contoh yang cukup jelas dan terang, bagaimana sesuatu perlu diusahakan dengan bersungguh-sungguh, diulang-ulang buat dan dibuat terus sebanyak kali yang mungkin, hingga akhirnya usaha itu tidak ada sebab untuk tidak berjaya. Memang betul. Saya sendiri pernah menemui beliau di lapangan terbang Langkawi, bertanya dengan beliau mengapa kerap sangat datang ke Langkawi? Maka begitulah jawabnya. Hendak memastikan yang pembangunan Pulau Langkawi berjalan dengan lancar, dan begitu juga persiapan untuk Pameran Antarabangsa Maritim dan Aerospace (LIMA).

Itu cara Mahathir bekerja. Dan itu pun bolehlah juga dianggap sebahagian daripada unsur penting dalam formulanya. Memang dia kuat bekerja. Ramai orang yang berkenaan menceritakan mereka tak sanggup

mengikut jadual Mahathir bekerja. Mereka hairan dari mana Mahathir mendapat tenaganya yang begitu banyak, kuat dan tahan.

Itulah.... Mahathir telah menunjukkan satu formula kerja. Buat dan terus buat tanpa kenal penat dan letih, tanpa kenal jemu dan bosan, hingga berjaya. Fokus betul-betul hingga kepada hal-hal yang terperinci. Ambil tahu semuanya.

Tetapi itulah... dia bekerja begitu hanya untuk projek-projek ekonomi sahaja. Tidak untuk projek-projek bagi melaksanakan hukum hakam Islam yang telah ditentukan oleh Allah. Tidak juga untuk projek-projek membentuk akhlak mulia generasi muda.

Dalam sebuah sajak panjang saya berjudul "Puisi Panjang Untuk Mahathir (III)", saya telah mengirimkan pesan berikut kepada Mahathir:

Lakukanlah perubahan apabila diperlukan, Mahathir
membina Malaysia negara industri gagah sedunia
binalah juga adab akhlak manusia mulia
anak sekolah jangan semakin hilang arahnya
ikut-ikut *rock-rap* gaya filem-video iklan barat
memuja kebebasan generasi baru gaya sensasi tv
lepas liar bebas bergaul dadah tiada sempadan
tanyalah para guru apa terjadi murid-murid kini
lihatlah mereka terpinga-pinga terkeliru
membaca produk paradoks orang dewasa

Seperti engkau ulang-ulangi Langkawi, Mahathir
ulang-ulangi jua anak-anak sekolah
generasi Wawasanmu

Pesan ini terdapat dalam buku *Puisi Panjang Untuk Mahathir*, di halaman 87. Buku tersebut disampaikan kepada Mahathir pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno 1997, dan sekali lagi diberikan kepadanya oleh Ibu Pejabat Umno sewaktu mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada 11 November 1997. Maka saya percaya Mahathir ada membacanya.

Tetapi mengapa Mahathir tidak ulang-ulang tengok projek memperbaiki akhlak remaja Melayu-Islam, supaya gejala bohsia dan penagihan dadah dapat dihapuskan? Apakah kerana di situ tidak ada apa-apa yang boleh dibanggakannya kepada masyarakat antarabangsa? Saya kira sebabnya ialah kerana perkara itu bukan prioritinya. Mengikut Formula Mahathir, prioriti hanyalah kepada projek-projek ekonomi. Projek bukan ekonomi biarlah orang lain sahaja yang menguruskannya.

Sebenarnya kalau Mahathir memang ikhlas hendak memperbaiki citra Islam dalam masyarakat pelbagai agama hari ini, supaya Islam dipandang tinggi dan mulia, dia pasti beri tumpuan usahanya untuk mengatasi masalah gejala sosial remaja Melayu-Islam. Kalau dia memang ikhlas memperjuangkan citra dan syi'ar Islam, dia akan berasa amat malu membiarkan statistik terus menunjukkan yang remaja Melayu-Islam paling ramai terlibat dalam gejala sosial negatif di negara ini.

Tetapi, sungguh menghairankan saya, Mahathir kelihatannya tidak serius untuk mengatasi masalah akhlak remaja Melayu. Barangkali dia tidak berasa

malu seperti yang kita rasa. Kita rasa sangat malu, tetapi kita tak punya peluang dan kuasa untuk mengubahnya. Sedangkan Mahathir punyai peluang dan kuasa untuk mengubahnya, tetapi dia tidak berasa malu seperti yang kita rasa. Mahathir hanya berasa malu apabila melihat bangsanya dihina kerana lemah dalam ekonomi. Anak-anak gadis menjadi bohsia tidak mengapa, kerana hal itu tidak dipandang hina oleh masyarakat antarabangsa.

Maka demikianlah juga dengan soal bahasa Melayu. Setelah 41 tahun merdeka, bahasa Melayu belum berdaulat di negaranya sendiri. Bahasa Melayu tidak mempunyai nilai ekonomi. Pengiklan lebih percayakan media berbahasa Inggeris dan Cina daripada media berbahasa Melayu. Bagi kita itu satu penghinaan. Tetapi Mahathir tidak merasai penghinaan ini. Mengapa?

Kerana dia tidak ada sensitiviti terhadap bahasa Melayu. Oleh kerana terlalu sangat memfokus kepada kemajuan ekonomi dan material dan fizikal, Mahathir hilang sensitiviti terhadap bahasa Melayu. Dia lupa bahawa sejarah perjuangan membangunkan semula maruah dan martabat bangsa Melayu diasaskan pada kebanggaan terhadap bahasa Melayu dan kesucian agama Islam. Mahathir tidak pernah berada dalam kelompok ini. Dia sejak bersekolah lagi telah memulakan perjuangannya melalui penulisan rencana untuk akhbar dalam bahasa Inggeris.

Bahasa Melayu sebenarnya sejak awal lagi sudah menjadi sebahagian daripada jiwa bangsa Melayu. Mahathir bolehlah menafikannya kerana dia tidak

pernah berada dalam kelompok pejuang bahasa dan kebudayaan Melayu. Tetapi para budayawan Melayu tidak akan menerimanya. Mereka mungkin mendiamkan diri buat sementara selagi Mahathir berkuasa. Tetapi itu tidak bermakna mereka bersetuju dengan Mahathir.

Bahasa Melayu adalah teras budaya dan jatidiri Melayu. Apabila teras budaya dan jatidiri ini tidak dipedulikan oleh Mahathir, para budayawan Melayu memang terasa mereka disisihkan oleh pimpinan Mahathir. Namun betapa pun disisihkan mereka tetap terus menghayati dan memperjuangkan budaya Melayu. Hanya mereka tidak mengharapkan tunjangan daripada Mahathir. Dan mereka terpaksa menahan diri melihat bahasa Melayu dihina di sana sini.

Sekarang mari kita bertanya: Berjayakah Mahathir mengangkat maruah dan kehormatan bangsa Melayu dengan dia mengagung-agungkan bahasa Inggeris selama ini?

Kalau ekonomi tidak gawat mungkin dia berjaya. Tetapi andaian “kalau ekonomi tidak gawat” itu jangan disebut. Ekonomi sudah pun gawat. Tak ada lagi kalau-kalau ekonomi tak gawat. Kebanggaan kita akan kejayaan ekonomi pun sudah hancur berkecai. Terimalah hakikatnya, bahawa ekonomi kita sudah hancur. Formula pembangunan maruah bangsa ciptaan Mahathir pun turut runtuh. Nilai kepemimpinan Mahathir pun wajar dipersoalkan semula.

Kita mesti pandai bahasa Inggeris, kerana dalam bahasa Inggeris ada banyak ilmu yang boleh memajukan kita. Demikian kata Mahathir. Jangan terlalu

fanatik dengan bahasa Melayu sehingga boleh menjadikan kita mundur dalam bidang sains dan teknologi. Nak belajar mengenai agama Islam pun boleh belajar melalui bahasa Inggeris. Terjemahan al-Quran dalam bahasa Inggeris pun ada. Kita boleh baca melalui komputer yang berukuran kecil, yang boleh kita bawa ke mana-mana. Dan Mahathir pun menunjukkan komputer yang mengandungi terjemahan al-Quran itu, yang katanya selalu dibawanya ke mana-mana kerana mudah dia membuat rujukan.

Dia minta orang Melayu jangan fanatik dengan bahasa Melayu. Belajarlah bahasa Inggeris, kerana dengan itu kita boleh pelajari ilmu secara terus dari bahasa asalnya. Itu lebih baik daripada membaca terjemahan ke bahasa Melayu, kerana terjemahan kadangkadang ada yang tak betul. Tetapi untuk mempelajari agama Islam tidak pula disuruhnya kita belajar bahasa Arab, sedangkan bahasa Arab itu bahasa asli al-Quran. Sepatutnya Mahathir sendiri pun kena belajar bahasa Arab, supaya orang tak boleh "pekunun" dia mengenai Islam, sebab dia menuntut *direct* melalui sumber asal. Tetapi tidak pula demikian sikap dia.

Nampak benar yang Mahathir fanatik dengan bahasa Inggeris. Sebagai seorang yang mementingkan ilmu seperti dia, tidak ada alasan yang boleh mengatakan dia tak perlu belajar bahasa Arab. Dia minta orang mentafsir semula al-Quran kerana tafsiran yang ada semuanya tak sesuai dengan zaman sekarang; sedangkan dia sendiri tak boleh membaca sekian banyak tafsiran al-Quran yang terdapat dalam bahasa Arab. Dia hendak berhujah mengenai hukum aurat

perempuan, tetapi daripada kitab manakah dia belajar? Daripada buku dalam bahasa Inggeriskah?

Bayangkan Mahathir sanggup bercakap begitu keras mengenai aurat perempuan, sedangkan apa yang dicakapkannya terang-terang tidak betul. Kemana perginya alim ulama Pusat Islam dan IKIM? Mengapa mereka tidak menasihat Mahathir supaya membetulkan kesalahannya itu? Bukankah kerajaan pimpinan Mahathir telah menubuhkan Pusat Islam dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)?

Golongan ilmuwan Islam kita pun satu hal juga. Pusat Islam itu sepatutnya benar-benar menjadi “pusat Islam”, iaitu tempat dimana para alim ulama Islam bekerja meningkatkan syi’ar Islam secara bebas dan menasihat pimpinan kerajaan apabila mendapati pimpinan kerajaan perlu dinasihat berdasarkan ajaran Islam. Bukannya terbalik, mereka yang mendengar nasihat mengenai hal ehwal Islam daripada pimpinan kerajaan, dan mereka sekadar melaksanakan kehendak kerajaan sahaja.

Kemudian, cuba kita lihat pula pada budaya Umno sendiri, yang Dr Mahathir menjadi Presidennya. Perhimpunan khas membincangkan bagaimana menghapuskan politik wang di dalam Umno sudah pun diadakan. Tetapi jangan kata nak hapus, kurang pun tidak. Macam mana nak kurang? Dia dah jadi sebatikan dengan cara hidup kebanyakan ahli-ahli Umno yang aktif dalam parti. Hendak dibuktikan kepada Jawatankuasa Disiplin memanglah susah. Tetapi siapa yang tak tahu gejala ini berleluasa merebak dan membarah dalam politik Umno?

Saya tidak pernah aktif dalam politik. Tetapi menjelang pemilihan Ketua Pemuda Bahagian dan Ketua Bahagian pada awal 1998, saya mengikuti dari dalam bersama kawan-kawan yang bertanding. Peraturannya tidak dibenarkan berkempen. Tetapi siapa yang tak tahu bagaimana hebatnya kempen berjalan!

Mendengar aduan orang-orang yang terlibat tentang bagaimana Exco Kerajaan Negeri memanipulasi peruntukan kawasannya untuk dia mengumpul penyokong bagi mengundinya dalam pertandingan Ketua Bahagian, dan bagaimana dia menyalahgunakan kuasanya menukar jawatan orang, menggertak orang dan sebagainya... ah, saya bertanya di dalam diri: Inikah maknanya perjuangan pada hari ini? Tidak lain tidak bukan rakyat hanya alat untuk mereka pergunakan bagi mengejar kuasa dan wang.

Etika letak sebelah, tanggungjawab menentukan keadilan letak sebelah, perjuangan membela nasib rakyat letak sebelah. Yang dipegang hanya perjuangan menentukan kemenangan diri sendiri dalam pertandingan merebut jawatan dalam parti. Ada kuasa gunakan untuk itu, ada kekuatan gunakan untuk itu, ada wang gunakan untuk itu. Pastikan kemenangan, kerana kemenangan menjanjikan lebih banyak wang dan kuasa. Kemenangan juga menjanjikan martabat dan penghormatan.

Inikah dia makna perjuangan pada hari ini? Inikah dia moral ahli-ahli Umno pada hari ini? Walau apa pun jawapannya, yang pasti demikianlah watak dan peribadi orang yang akan menentukan masa depan bangsa, negara dan agama kita. Demikianlah watak

dan peribadi pemimpin yang naik di bawah pimpinan Mahathir.

Bagaimana boleh jadi sampai begitu? Jawabnya ialah kerana Mahathir hanya sensitif dan berasa terhina apabila melihat bangsanya lemah ekonomi. Bagi Mahathir, kerana kita lemah ekonomilah maka orang asing boleh hina kita dan jajah kita. Apabila ekonomi kuat, yang lain semua dengan sendirinya akan jadi kuat juga, dan orang tak akan boleh hina kita lagi. Maka dalam proses dia tumpu pada usaha ekonomi itu, macam-macam lah berlaku di sana sini, dia tak peduli sangat. Sampai budaya politik Umno dah jadi teruk begitu sekali pun, Mahathir tak sedar lagi.

Menjelang mesyuarat agung Umno Bahagian Kubang Pasu (Mahathir jadi Ketua Bahagian) pada awal 1998, kawan saya, bekas Setiausaha Politik Mahathir, ada berjumpa dengan Mahathir dan bercakap pasal budaya Umno yang semakin teruk.

“Kalau tak diperbaiki lama-lama orang akan jadi meluat dengan Umno,” katanya kepada Mahathir.

Mahathir dengar cakap kawan saya itu. Dalam ucapannya di mesyuarat itu dia pun bercakap mengenai hal itu. Tetapi habis di situ sahajalah, kerana ia bukan projek ekonomi. Kalau ia satu projek ekonomi baha-rulah Mahathir akan ulang-ulangi sampai jadi.

Kemudian, apabila saya dan kawan-kawan duduk berbincang mengenai perkara ini dengan seorang menteri (yang sehingga ini saya masih percayakan moral, peribadi serta perjuangannya), menteri itu meminta kami menyiapkan satu laporan untuk dikemukakan kepada pihak Presiden Umno dan Timbalan Presiden.

“Dr Mahathir mungkin tidak begitu faham mengenai perkara ini. Dia dari generasi lama. Gejala ini tidak wujud dalam generasi dia dulu. Ini fenomena generasi baru dalam Umno,” kata menteri itu.

Bercakap pasal
projek mega itu projek
mega ini, ada satu projek
mega di Malaysia yang orang
jarang menyebutnya.

Kerajaan pun tidak
mengumumkannya. Tetapi
kalau kita rajin mengikuti
apa yang Mahathir buat dan
cakap, kita boleh tahu.

Ia merupakan projek khas Mahathir
bersama Tun Daim, iaitu
Projek Mencipta *Billionaire* Malaysia
(PMBM)

3

Anak-anak Emas Bernafsu Besar

MENJELANG Perhimpunan Agung Umno 1998 pada 19-21 Jun, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Ketua Pergerakan Pemuda, telah menggegarkan suasana dengan membangkitkan satu isu, iaitu isu nepotisme dan kronisme dalam pembahagian kontrak kerajaan dan projek-projek penswastan.

Berlatarbelakangkan isu nepotisme yang dijuarai oleh Zahid Hamidi itu, maka ucapan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim merasmikan Perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno di PWTC pada 18 Jun, adalah dinanti-nantikan dengan penuh minat dan debar.

Orang menanti hendak melihat macam mana Anwar akan menyentuh isu nepotisme itu. Sentuhan Anwar sangat penting, kerana ia akan memberi sig-

nal kepada reaksi-reaksi yang akan dibuat selepas itu. Tetapi Anwar nampaknya lebih banyak menghuraikan permasalahan kegawatan ekonomi pula dalam ucapannya. Hampir tak berbeza dengan kebanyakan ucapan Mahathir sendiri, kecuali pada gaya bahasa dan nada pidatonya. Dia tidak menyentuh pun isu nepotisme secara langsung, tetapi banyak memperjelaskan maksud reformasi dalam perjuangan Umno.

Namun bagi mereka yang mempunyai pendengaran dan pemerhatian yang peka dan tajam, pasti akan tertumpu perhatian kepada satu bahagian dalam ucapan Timbalan Presiden Umno itu, iaitu bahagian berikut:

“Kita tidak akan dapat keluar dari kegawatan sekarang jika ada golongan yang mengambil sikap enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing. Golongan bernaftu besar ini mahukan mereka sentiasa didahulukan. Dalam zaman mewah mereka mahu membolot segala habuan. Tatkala kita berdepan dengan kesusahan mereka mahukan mereka dibantu dengan segera, terlebih dahulu dari yang lain dan dengan apa cara sekalipun. Bahkan mereka menggertak sesiapa saja termasuk institusi-institusi kerajaan agar memberikan keutamaan terhadap menyelesaikan masalah mereka. Mereka ini merasakan diri mereka sebagai anak emas, perlu sentiasa ditatang, kemahuan mereka mesti dilayan, martabat mereka lebih tinggi daripada seluruh rakyat jelata yang lain.”

Memang tidak banyak Anwar menyentuh isu yang ditunggu-tunggu itu. Sedikit sahaja. Tidak panjang. Kendatipun sentuhannya yang pendek tetapi padat itu

sangat bermakna, bertenaga dan cukup *power*. Ia menjawab banyak soalan, terutamanya soalan apakah Anwar juga sependapat dengan Zahid mengenai wujudnya nepotisme dalam pembahagian kek ekonomi negara?

Anwar tidak menyebut perkataan nepotisme atau kronisme dalam ucapannya, tetapi dia berkata terdapat golongan bernaftu besar yang mahu membolot segala habuan pada waktu negara dalam kemewahan, dan kini di zaman kegawatan mereka menggertak sesiapa sahaja, termasuk institusi-institusi kerajaan, agar memberikan keutamaan terhadap menyelesaikan masalah mereka.

Siapakah mereka ini? Kenapa mereka merasakan diri mereka "anak emas" yang perlu ditatang dan dilayan segala kemahuan mereka terlebih dahulu daripada orang lain, dan "dengan apa cara sekalipun"? Mengapakah mereka merasakan yang martabat mereka lebih tinggi daripada seluruh rakyat jelata negara ini?

Memang jelas sejelas-jelasnya. Sudah terang lagi bersuluh, kata orang. Sah dan sahii. Timbalan Perdana Menteri sendiri yang mengesahkannya. Ada golongan anak emas yang selama ini sentiasa ditatang dan dilayan segala kemahuan mereka, hingga mereka berasa yang martabat mereka adalah lebih tinggi daripada seluruh rakyat negara ini. Oleh sebab itu mereka boleh menggertak sesiapa sahaja, tak kira institusi kerajaan pun. Mereka mesti diutamakan dalam segala hal.

Masya Allah! Sampai begitu sekali. Orang macam itu pun ada dalam dunia ini. Dan lebih pelik lagi ada pula orang berkuasa dalam kerajaan memberikan me-

reka keistimewaan dalam segala segi. Siapakah mereka ini? Kenapa kerajaan kita melayan mereka sampai macam itu? “Dengan apa cara sekalipun” yang mereka mahu, kata Timbalan Perdana Menteri sendiri. Apakah kerana mereka itu membayar cukai yang banyak kepada kerajaan? Atau pun kerana sebab-sebab yang lain.

Ah, kalau begitu memang betul kata Zahid Hamidi: “Kelompok ini ketika ekonomi sedang memuncak diberi peluang kerana mereka membayar cukai korporat, tetapi ketika gawat golongan ini yang diutamakan kononnya mereka juga membayar cukai korporat.”

Dan memang tak salahlah apabila Zahid berhujah, bahawa “jika kita diberikan peluang sepertimana orang ini, kita bukan saja boleh bayar cukai korporat, malah boleh beri derma dan pertolongan serta tidak melupakan tanggungjawab sosial.”

Nepotisme dan kronisme-lah tu. Apa lagi! Walaupun Anwar tak sebut dua perkataan itu (kerana dia tahu Datuk Seri Dr Mahathir sangat marah kalau dia sebut), tetapi itulah maknanya. Tak ada makna lain lagi. Dan Anwar sudah berkata: “Kita tidak akan dapat keluar dari kegawatan sekarang jika ada golongan yang mengambil sikap enau dalam belukar” seperti ini. Apa pula maknanya tu, kalau bukan bermakna dia mahu supaya golongan itu dihapuskan? Kerana selagi masih ada golongan seperti itu dalam negara, kita tidak akan berjaya mewujudkan keadilan sosial, sedangkan keadilan sosial adalah salah satu matlamat dalam perjuangan Anwar.

Maka sebelum mengakhiri ucapannya, Anwar ber-

kata: "Kita perlu memperjuangkan keadilan sosial dan pengagihan saksama hasil ekonomi *agar kekayaan tidak berlegar di kalangan orang-orang kaya*". Itu kemahuan Allah *subhanahu wa-ta'ala* yang tersurat dalam al-Quran surah al-Hasyar, ayat 7, yang dijadikan dasar perjuangan oleh Anwar: "Agar kekayaan tidak berlegar di kalangan orang-orang kaya".

Jelas dan nyata, dan sah, ada golongan yang dijadikan "anak emas" oleh kerajaan pimpinan Mahathir selama ini. Tanpa menyebut nama-nama mereka pun kita semua tahu siapa mereka. Cuma selama ini kita ingat mereka berjaya kerana mereka berusaha gigih dan bekerja kuat seperti yang selalu disebut oleh Mahathir. Rupa-rupanya mereka ditatang bagai minyak yang penuh dan diberi semua apa yang mereka mahu (dengan apa cara sekalipun). Tak hairanlah mereka boleh berjaya. Siapa-siapa pun boleh berjaya kalau dilayan macam itu.

Ini bukan tuduhan melulu dan bukan fitnah. Ini Timbalan Perdana Menteri sendiri yang cakap. Tetapi hairan jugalah. Mengapa tidak ada perwakilan Pemuda yang cuba timbulkan perkara ini dalam persidangan mereka? Bukankah cerita Timbalan Perdana Menteri ini dengan sah dan nyata menjadi bukti wujudnya amalan nepotisme dan kronisme dalam pentadbiran kerajaan?

Walau bagaimanapun tidak mengapalah. Perkara sudah berlalu. Mahathir sendiri pun tidak menafikan cerita itu. Mengapakah gerangannya dia tidak menafikannya? Tentulah kerana cerita itu memang betul.

Selaku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad selalu berkata, kita patut bantu dan beri keutamaan kepada golongan kaya di negara kita, kerana merekalah yang memberi wang kepada kerajaan. Mahathir selalu kata, kalau syarikat-syarikat swasta mendapat banyak untung, kerajaan juga akan dapat banyak duit, kerana mereka mesti bayar cukai sebanyak 28 peratus daripada keuntungan mereka kepada kerajaan. Sebab itu kita kena bantu mereka supaya mereka boleh buat keuntungan besar. Lagi besar untung mereka, lagi banyak kerajaan dapat duit. Mahathir selalu sebut perkara ini supaya rakyat Malaysia yang tidak kaya jangan iri hati melihat kekayaan dan kemewahan golongan korporat.

Dalam ucapan akhirnya di perhimpunan agung Umno 1998 pun (seperti juga dalam perhimpunan agung Umno sebelum ini) Mahathir sekali lagi membela golongan ini. Malah dia mengaku yang dia berbangga dengan mereka. Dia berbangga kerana di Malaysia pun ada peniaga dan usahawan yang berjaya jadi *billionaire*. Bukan di negara-negara Barat saja ada *billionaire*.

Kata Mahathir: "Apa salahnya kalau ada orang kita yang mahu jadi kaya? Salahkah? Bagi saya tak salah. Bahkan saya berbangga tengok orang Melayu nak jadi kaya. Saya seronok, dia beli kapal terbang, beli Mercedes, beli kapal laut. Apa salahnya? Orang kita. Bangsa kita."

Itulah logik Mahathir dan itulah rasionalnya. Macam itulah cara Mahathir berfikir, dan itulah strategi yang digunakannya untuk membangun dan memajukan bangsa dan negara. Malaysia mesti maju dari

segi ekonomi, kerana hanya kemajuan ekonomi yang dunia pandang pada hari ini. Dunia tidak akan hormat kita kalau ekonomi kita tidak maju. Sebab itu kita mesti kuatkan ekonomi terlebih dahulu. Ekonomi adalah prioriti nombor satu. Yang lain-lain boleh tunggu kemudian. Kita mesti tingkatkan pendapatan per kapita. Kita mesti tambahkan bilangan peniaga dan pengusaha yang kaya. Kita mesti ada *billionaire* yang bertaraf dunia.

Maka kita semua jangan tak tahu! Bercakap pasal projek mega itu projek mega ini, ada satu projek mega di Malaysia yang orang jarang sangat menyebutnya. Kerajaan pun tidak pernah mengumumkannya. Tetapi kalau kita rajin mengikuti apa yang Mahathir buat dan cakap, kita boleh tahu wujudnya projek ini. Ia merupakan projek khas Mahathir bersama Tun Daim, iaitu Projek Mencipta *Billionaire* Malaysia (PMBM).

Seperti kita sedia maklum, bangunan paling tinggi dalam dunia boleh kita bina. Gunung paling tinggi dalam dunia pun boleh kita daki. Takkanlah kita tak boleh ciptakan orang paling kaya dalam dunia? Bukankah kita ada kata-kata hikmat "Malaysia Boleh"? Tak berhikmatlah slogan "Malaysia boleh" kalau kita tak boleh ciptakan *billionaire* bertaraf dunia. Biarlah orang Malaysia tak cekap menguruskan bekalan air bersih. Tak mengapa. Itu kurang penting. Boleh bekalkan air dengan sempurna pun bukannya boleh masuk dalam apa-apa senarai atau rekod dunia.

Projek yang dijalankan secara diam-diam oleh Mahathir-Daim dengan dibantu oleh beberapa orang kroni ini bertujuan untuk mencipta beberapa orang

billionaire Malaysia, termasuk orang Melayu, yang boleh disenaraikan dalam majalah *Forbes*, sebaris dengan nama-nama *billionaire* bertaraf dunia yang terkemuka. Dan serentak dengan itu juga mereka hendak bina beberapa syarikat gergasi Malaysia bertaraf dunia juga, yang boleh disenaraikan bersama dengan sebilangan kecil syarikat gergasi dunia yang akan muncul sebagai “kuasa baru” dunia tanpa sempadan.

Bukankah akhir-akhir ini, sejak ucapannya di Tokyo pada 4 Jun 1998, Mahathir bercakap pula mengenai ancaman kapitalis baru yang berupa syarikat-syarikat gergasi dunia dari negara-negara Barat yang akan menjajah semula negara-negara Asia? Mengikut ramalan Mahathir, proses penggabungan dan pengambilalihan syarikat yang sedang berlaku di negara-negara kaya sekarang menjurus kepada pembentukan beberapa buah syarikat gergasi sahaja, yang akan muncul sebagai kuasa baru di dunia, dan akan berkuasa ke atas negara-negara membangun.

Jadi, berdasarkan ramalan dan teorinya itu, Mahathir berpendapat sekiranya Malaysia tidak mahu dijajah oleh kapitalis baru, terpaksa kita cepat-cepat membina syarikat gergasi kita sendiri, supaya mampu bersaing dengan syarikat-syarikat gergasi dari Barat. Perkara ini samalah juga dengan ramalan dan teorinya mengenai teknologi maklumat (IT), yang akhirnya membawa kepada tertubuhnya Koridor Raya Multimedia (MSC), yang kononnya merupakan ciptaan yang pertama seumpamanya di dunia.

Begitulah sedikit sebanyak latar belakang pengetahuan am yang patut juga kita ambil kira dalam usaha

kita untuk memahami bagaimana boleh wujudnya golongan anak emas bernaflu besar yang disebut oleh Timbalan Perdana Menteri itu. Tidak salah kita mencuba untuk memahaminya.

Walhasil kesimpulannya bolehlah kita katakan bahawa nepotisme dan kronisme memang wujud dalam usaha kerajaan pimpinan Mahathir untuk menjadikan Malaysia sebuah negara kaya dan menjadikan beberapa orang istimewa daripada rakyat Malaysia sebagai orang-orang kaya bertaraf dunia.

Tidak salah. Niat Mahathir itu memang baik. Mengangkat taraf dan martabat ekonomi sesebuah negara dan sesuatu bangsa, memang usaha yang bagus. Kita tidak persoalkan usaha itu. Zahid Hamidi dan Pergerakan Pemuda Umno pun tidak persoalkan usaha itu. Yang mereka persoalkan ialah apakah dalam melaksanakan usaha tersebut, keadilan sosial dan pengagihan saksama hasil ekonomi juga dilaksanakan, *"agar kekayaan tidak berlegar di kalangan orang-orang kaya"* semata?

Sekarang mari kita perhatikan kembali ucapan dasar Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang ditunggu-tunggu oleh ramai orang yang skeptikal dan waswas terhadap pendiriannya yang pernah dilihat tidak konsisten. Apakah kali ini Zahid akan konsisten? Atau dia akan goyang lagi?

Ternyata Zahid konsisten dan tidak kendur sehingga ucapan dasarnya pada 18 Jun itu. Dia tetap lantang dan tegas mempertahankan pendiriannya. Nepotisme dan kronisme mesti dibanteras. Kalau tidak rakyat akan hilang hormat dan keyakinan terhadap Umno dan

pemimpinnya. Dan dengan keras dia bertanya: “Apakah dengan tidak menampilkan isu ini, ahli akademik, golongan profesional dan usahawan boleh terus dibohongi bahawa salah laku tidak wujud dalam pelaksanaan dasar kita?”

Zahid mempertahankan pendiriannya untuk berbeza pendapat dan menegur kepincangan dalam parti dan kerajaan. Katanya: “Adalah malang jika perbezaan pendapat dilihat sebagai penentangan. Adalah mendukacitakan apabila suara akar umbi ditafsir sebagai suara yang boleh membawa kepada perpecahan. Lebih mengecewakan suara yang bertujuan untuk melihat kerajaan lebih telus, parti lebih mantap dan pemimpin lebih bertanggungjawab, dikatakan mengikut telunjuk orang asing.”

Zahid juga secara khusus telah menyentuh aspek ketelusan dalam sistem perbankan. Dia mendedahkan bagaimana sebuah bank tempatan jatuh baru-baru ini akibat pelaksanaan keputusan kredit perbankan yang tidak mengikut tatacara perbankan sebenar. Terdapat peminjam yang tidak membayar hutang masing-masing sebanyak RM50 juta, RM100 juta, RM300 juta dan lebih. Walaupun Zahid tidak menyebut nama bank tersebut, orang tahu bank mana yang dimaksudkannya, kerana hanya ada sebuah bank sahaja di Malaysia yang jatuh baru-baru ini, iaitu Sime Bank.

“Ada pinjaman yang diluluskan tanpa mengikut garis panduan perbankan dan tanpa cagaran yang munasabah. Ada juga yang tiada cagaran tetapi mendapat pinjaman begitu mudah.” Sedangkan pada masa yang sama, kata Zahid lagi, ramai usahawan kecil dan

sederhana terpaksa menunggu cukup lama untuk mendapatkan pinjaman sebanyak RM50,000 atas alasan mereka tidak ada cagaran.

Sebagai seorang yang terlibat secara langsung dalam kegiatan perbankan, iaitu selaku Pengerusi Bank Simpanan Nasional, Zahid memang layak untuk bercakap mempersoalkan perjalanan bank. Dan apabila dia menimbulkan soal-soal yang berhubung dengan bank dan pinjaman, Zahid sebenarnya menyuarakan rasa tidak puas hati dan keresahan majoriti orang Melayu golongan biasa yang selama ini tidak mendapat layanan seperti yang sepatutnya dari bank-bank tertentu.

Apabila kita bercakap soal bank, orang ramai akan segera mengatakan bahawa urusan bank adalah terletak di bawah Kementerian Kewangan, dan menterinya yang bertanggungjawab ialah Anwar Ibrahim. Sedangkan kedudukan sebenarnya tidak semestinya begitu, kerana ada orang lain pula selain Anwar, yang berkuasa mengarahkan bank supaya mengeluarkan pinjaman beratus-ratus juta ringgit kepada pihak-pihak tertentu walaupun pihak tersebut tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Kita bukan tidak pernah dengar cerita kawan-kawan kita sendiri yang tiba-tiba meningkat nilainya menjadi beratus-ratus juta ringgit, padahal dia pun macam kita saja, tak ada lebih apa-apa. Lebih kita lagi daripada dia, ada. Cuma dia ada satu kelebihan yang kita tak ada, iaitu kabel yang kuat (bukan kebal tapi kabel, *cable*) dengan seseorang yang ada kuasa boleh mengarahkan bank supaya mengeluarkan pinjaman

kepadanya, walaupun sebenarnya kita lebih layak daripada dia. Dia tak pernah berniaga pun, boleh dapat pinjaman beratus juta; sedangkan kita dan ramai kawan-kawan kita yang sudah bertahun-tahun jatuh bangun dalam perniagaan, tidak boleh dapat kemudahan bank.

Betullah yang Mahathir dan menteri-menteri dok kata, kadang-kadang ada orang yang mereka tak kenal pun buat permohonan, apabila didapati mereka cukup syarat dan layak, permohonan mereka diluluskan. Memang betul ada yang begitu. Tetapi yang tak cukup syarat dan tak layak tetapi ada kabel kuat pun banyak juga yang dapat limpah kurniannya. Yang cukup syarat dan layak pun banyak juga yang ditolak. Bukan susah. Mereka sendiri yang menentukan siapa layak siapa tak layak. Kita layak pun kalau mereka kata tak layak, maka tak layaklah kita. Itu saja.

Bak kata Zahid, “jika kita diberikan peluang seperitmana orang ini, kita bukan saja boleh bayar cukai korporat, malah boleh beri derma dan pertolongan.” Dia boleh beri sumbangan RM10 juta kerana dia ada RM800 juta. Macam mana dia boleh ada RM800 juta? Kerana dia terpilih menyertai projek PMBM. Macam mana dia boleh terpilih menyertai projek PMBM? Kerana dia ada kabel yang kuat. Macam mana dia boleh ada kabel yang kuat? Ha, itu kenalah pergi tanya mereka yang berkenaan.



“Sistem kewangan
kita bukan untuk insan
kerdil seperti kita, dan
bukan untuk usahawan kecilan.
Ia sistem untuk orang di Wall Street,
orang di City of London,
dan di sini untuk orang yang
seperti Rashid Hussein.
Mereka yang boleh ambil
kesempatan dan peluang-peluang
yang ada dalam
sistem itu.”

4

Gawat Angkara Mahathir dan Kroninya

KEGAWATAN ekonomi berlaku bukan kerana satu sebab. Ada banyak sebab. Mengikut Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad, sebabnya yang paling utama ialah serangan spekulator matawang dari Barat ke atas ringgit kita. Sebab yang kedua ialah perancangan pihak-pihak berkuasa Barat yang iri hati dengan kejayaan kita. Tidak ada langsung faktor dari dalam negeri. Dan pastinya bukan kerana kelemahan atau kesilapan dalam pengurusan ekonomi dan kewangan oleh pihak kerajaan.

Tentulah tidak adil kalau kita hanya mendengar pendapat Dr Mahathir seorang sahaja. Dia takkan nak mengaku kelemahan dan kesilapan dia sendiri, sekiranya ada pun. Maka marilah kita dengar pula beberapa pandangan lain.

Dalam bab ini saya akan kemukakan pandangan

daripada seorang profesor ekonomi yang rajin membuat penyelidikan dan telahpun menghasilkan beberapa buah buku mengenai ekonomi Malaysia, Bukunya yang terharu, *Tigers in Trouble*, diterbitkan oleh Zed Books Ltd, London, 1998, mengandungi tulisan bersama pakar-pakar ekonomi dunia, yang cuba menganalisis fenomena kegawatan ekonomi yang melanda negara-negara Asia Timur, termasuk Malaysia. Beliau ialah Dr Jomo KS.

Saya bertemu dengan Dr Jomo di pejabatnya di Universiti Malaya pada awal Jun, dan membuat wawancara khusus dengannya membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kegawatan ekonomi di Malaysia. Edisi penuh wawancara tersebut disiarkan dalam majalah *Tamadun*, keluaran Julai 1998.

Profesor Dr Jomo sama sekali tidak menafikan serangan pedagang matawang antarabangsa mempunyai peranan penting menyebabkan berlakunya kegawatan ekonomi di negara-negara Asia Tenggara. Tetapi sekiranya ekonomi dan kewangan kita kukuh, kita dapat mengelak. Contohnya ialah Singapura.

Saya tanya Dr Jomo kenapa Singapura tidak dilanda kegawatan ekonomi? Dia jawab: "Kerana simpanan dia tinggi. Sebenarnya Singapura juga kena jangkitan krisis ini, tetapi dia dapat merancang supaya tidak merebak. Taiwan juga begitu."

Saya tanya lagi: "Orang kata Amerika memang tidak mahu serang Singapura?" Jawabnya: "Yang serang pun bukan Amerika Syarikat sahaja. Memang yang memulakannya ialah orang-orang George Soros. Tetapi selepas itu ramai orang yang ambil bahagian."

Pasaran matawang dan juga pasaran saham bukan-nya satu pasaran yang rasional. Orang yang menentukan pasaran ini duduknya di New York, London, Tokyo dan di mana-mana saja. Mereka bukannya tahu sangat sempadan negara-negara di rantau ini. Dan bagi mereka semua pasaran adalah bersangkut paut. Maka selepas serangan ke atas matawang Thailand dilakukan, dan baht jatuh, mereka juga turut menjual matawang negara-negara Asia Tenggara, termasuk ringgit kita.

Oleh kerana pasaran matawang mempunyai kesan terhadap pasaran saham, keadaan di pasaran kewangan seluruhnya menjadi panik. Semua orang hendak jual apa-apa yang mereka miliki, bukan kerana suatu pertimbangan yang rasional, tetapi semata-mata berdasarkan "semangat haiwan" (*animal spirit*). Dan ini bukan pelabur asing sahaja yang terlibat, tetapi pelabur tempatan juga terlibat.

Mengikut Jomo: "Terdapat juga pihak di dalam negeri, orang-orang kaya yang menyimpan banyak wang, orang kelas menengah, yang melarikan wang mereka keluar. Apabila melihat baht jatuh mendadak, mereka takut ringgit juga akan jatuh, mereka pun cepat-cepat selamatkan duit mereka." Sedangkan pada asalnya serangan dari luar ke atas ringgit kita tidak besar.

Seterusnya Jomo menegaskan: "Akhirnya lima ekonomi yang menjadi mangsa adalah yang tidak mempunyai banyak simpanan. Lima ekonomi yang boleh bertahan pula ialah yang mempunyai banyak simpanan, iaitu Jepun, Taiwan, China, Hong Kong dan Singapura."

Negara-negara yang dapat bertahan itu, menurut

Jomo, tidak semestinya mempunyai banyak perbezaan dari segi pengurusan ekonominya dengan negara-negara yang menjadi mangsa. Tetapi kerana negara-negara itu mempunyai banyak simpanan, maka pihak yang hendak berspekulasi akan berfikir dua tiga kali. Untuk menjatuhkan baht mereka lebih yakin, kerana simpanan Thailand hanya cukup untuk membeli bagi tempoh empat bulan sahaja.

Selain kerana tidak mempunyai simpanan (*reserve*) yang mencukupi, faktor lain yang menyebabkan ekonomi kita dapat dimusnahkan oleh spekulator (dari luar negeri dan juga dari dalam negeri), ialah apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam usaha menangkis kesan daripada gerombolan spekulator tersebut.

“Walaupun tidak disengaja,” jelas Jomo, “ia telah memburukkan keadaan. Misalnya kita mengambil tindakan mengenakan peraturan *designation* terhadap 100 kaunter komponen Indeks Komposit di BSKL. Maknanya untuk menjual saham-saham 100 kaunter tersebut kita mesti memiliki skrip atau sijil saham itu terlebih dahulu. Tujuannya untuk menghapuskan jualan singkat (*short selling*), iaitu jualan yang dibuat oleh orang yang tidak memiliki saham berkenaan.”

Tujuan diadakan *designation* itu mungkin baik, kerana kegiatan jualan singkat pada waktu itu boleh mempercepatkan kejatuhan nilai saham dan matawang. Tetapi ia gagal mencapai tujuan, kerana syarat itu menyebabkan orang susah hendak menjual-beli saham. Akibatnya harga saham di pasaran jatuh mendadak.

Kita tentu masih ingat, pada waktu itu tersebar

khabar angin yang kuat mengatakan Tan Sri Rashid Hussein telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), kerana dikatakan beliau membantu kegiatan jualan singkat. Caranya, mengikut Jomo: "Sesiapa yang memiliki saham tetapi tidak mahu mengurusniaga dengan saham-sahamnya, boleh menyimpan sijil-sijil saham tersebut dengan syarikat Rashid, dan mendapat bayaran. Rashid pula akan menyewakan sijil-sijil tersebut kepada orang yang hendak menjual-beli saham tetapi tidak mempunyai saham, yang biasanya terdiri daripada pelabur asing yang hendak berspekulasi."

Satu lagi tindakan kerajaan yang memburukkan lagi keadaan kegawatan, kata Jomo: "ialah pengumuman kabinet mengenai 'tabung' RM60 bilion untuk menyelamatkan rakyat Malaysia yang terpilih. Itu dianggap satu tindakan pilih kasih yang jelas. Sekarang kita panggil kapitalisme kunci atau *crony capitalism*. Reaksi di pasaran mengatakan kabinet hendak menyelamatkan orang-orang dia sahaja; kerana waktu itu orang ramai tahu yang anak Mahathir terlibat, anak Ling Liong Sik terlibat. Ini menghampakan orang ramai. Orang tidak ada keyakinan bahawa pemerintah Malaysia boleh berlaku adil dalam menghadapi kegawatan ekonomi."

Pada waktu itu juga terdapat satu pengumuman korporat yang menggemparkan masyarakat pelabur di pasaran saham, yang dibuat oleh pihak syarikat UEM-Renong. Kesan daripada pengumuman itu, mengikut kajian Jomo, telah berlarutan selama dua bulan - dari pertengahan November hingga pertengahan

Januari. Cara kerajaan mengambil tindakan terhadap peristiwa tersebut telah dianggap sebagai satu pilihan. Akibatnya, “dalam tempoh tiga hari pertama selepas pengumuman berkenaan, nilai saham-saham di BSKL jatuh sebanyak RM70 bilion, untuk menyelamatkan Halim Saad,” kata Dr Jomo.

(Anda semua tentu tahu siapa Halim Saad, bukan? Yang dimaksudkan Jomo ialah Tan Sri Halim Saad, orang yang mengawal banyak syarikat yang tersenarai di BSKL, iaitu orang kaya yang pernah kita lihat melalui televisyen memberi derma di sana juta di sini juta. Memang kaya sungguhlah dia. Dan bila ada orang mempersoalkan mengenai Halim Saad, Dr Mahathir sendiri membela dia dalam Perhimpunan Agung Umno sebelum ini.)

Demikianlah, beberapa peristiwa yang disebut oleh Jomo jelas menunjukkan wujudnya nepotisme dan kronisme dalam kepimpinan kerajaan. Bagaimana Mahathir boleh menafikannya? Itulah dia... apabila terlalu lama mengamalkannya (walaupun belum seteruk di Indonesia, kerana belum begitu lama seperti di Indonesia) hingga sudah menjadi satu perkara biasa. Tidak terasa lagi itu satu penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Tak tahu lagi itu adalah nepotisme dan kronisme.

Inilah bahayanya apabila sesuatu penyelewengan kecil dibiarkan. Ia menjadi semakin membesar dan membesar dengan tidak disedari. Akibatnya kita bukan sahaja menerima segala kelemahan, keburukan, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam sistem kita, tetapi kita malah hendak mempertahankannya.

Di sinilah Jomo melihat bagaimana kepemimpinan Mahathir bukan sahaja hendak mempertahankan sistem yang korup, tetapi malah hendak menyelamatkan “setengah daripada apa yang boleh dikatakan penjenayah yang terbesar.”

Apakah atau siapakah yang dimaksudkan oleh Jomo sebagai “penjenayah yang terbesar” yang hendak dipertahankan oleh kepemimpinan Mahathir itu? Tidak pula saya bertanya dengan dia. Tetapi saya percaya anda boleh memahaminya dengan cara anda sendiri.

Sementara itu mari kita kembali kepada faktor kegawatan ekonomi. Satu faktor yang selalu dinafikan oleh Mahathir.... Waktu itu kita selalu menyaksikan Mahathir terus menafikan keadaan teruk yang sedang terjadi. Inggeris kata *denial syndrom*.... Okey, satu faktor yang selalu dinafikan oleh Mahathir ialah kelantangan dia bercakap. Ini tentu anda tahu maksudnya. Tentu anda masih ingat lagi waktu itu, setiap kali Mahathir membuka mulutnya, nilai ringgit dan saham akan jatuh.

Kata Jomo: “Tidak semestinya apa yang Mahathir cakap itu salah. Betul atau salah cakupnya tidak penting. Yang penting ialah apa yang dia cakap itu mengurangkan lagi keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia, terutama terhadap pemerintah.”

Contohnya, dalam wawancara dengan akhbar *South China Morning Post*, sebelum persidangan Bank Dunia/IMF di Hong Kong, Mahathir memberi gambaran seolah-olah dia akan mengharamkan jual-beli matawang asing di Malaysia. Akibatnya pelabur

bertindak keluar cepat dari pasaran Malaysia, kerana mereka anggap Mahathir akan tukar peraturan pasaran di Malaysia.

Saya bertanya Jomo: Bagaimana kalau selepas kejatuhan baht itu kita mengambil tindakan yang betul, tidak ada *designation* untuk 100 kaunter saham Indeks Komposit di BSKL, tidak ada pilih kasih dalam usaha menyelamatkan individu atau syarikat, dan Mahathir pun tidak bercakap lantang, apakah kita dapat mengelak daripada kegawatan?

Tidak juga begitu, jelas Jomo, kerana masalah ini mula berlaku bukan pada pertengahan tahun 1997, tetapi pada pertengahan 1995 lagi. Lantas Jomo pun menerangkan mengenai dasar pertukaran matawang: “Kalau kita tidak terus mengikut dolar, sebaliknya kita mengikut dasar yang kita umumkan, iaitu nilai ringgit adalah berasaskan *a basket of currencies of major trading partners* atau sekumpulan matawang negara-negara rakan perdagangan utama, kita selamat. Negara rakan perdagangan utama kita ialah Jepun. Tetapi apabila yen turun, kita tidak ikut yen. Kita terus pegang pada dolar, yang semakin kuat. Kalau kita tidak mengikut dolar mulai tahun 1995, kita lebih selamat.”

Tetapi faktor ini langsung tidak pernah disentuh pun oleh Mahathir. Bagi Mahathir ekonomi kita sangat baik, *fundamentals* kita sangat kukuh, diuruskan dengan cara yang betul dan cekap, dan dikendalikan oleh orang-orang yang baik, yang tidak membuat salah dan silap. Semuanya pakar-pakar dan profesional, dan semuanya berkemampuan belaka.

Yang Bank Negara rugi RM16 bilion atau RM30

bilion (angka yang sebenar dirahsiakan) pada tahun 1992 kerana “berjudi” di pasaran matawang itu, bukan salah kitakah? Yang kilang besi Perwaja di Trengganu dua kali telingskup berbilion ringgit itu, nak kata salah siapa pula? Yang Sime Bank, salah sebuah bank terbesar di negara ini boleh runtuh dalam sekelip mata tu, diserang oleh anasir asing dari mana?

Yang menjatuhkan ekonomi kita, kata Mahathir, ialah kuasa asing yang iri hati dengan kejayaan kita. Yang jahat ialah George Soros dan kuncu-kuncunya di Barat. Kita tak ada buat salah apa-apa. Sebelum gawat dulu kitalah juga yang mentadbir negara ini dan mendapat pujian dari serata dunia. Sekarang pun kita juga yang memerintah. Jadi, bukan kita yang salah. Orang luar yang jahat. Oleh itu kita hendaklah bersatu menentang anasir luar tersebut.

Itulah hujah Mahathir. Itulah taktiknya dan itulah strateginya hendak mempertahankan kedudukannya. Kadang-kadang kita ini tidak sedar bahawa apa yang kita cuba pertahankan itu sebenarnya memang sudah tidak boleh dipertahankan lagi. Seperti kita cuba pertahankan nilai ringgit daripada jatuh. Kata Jomo: “kita menahan ringgit selama lebih daripada satu minggu, yang mengakibatkan kita rugi lebih daripada RM9 bilion. Kita cuba pertahankan sesuatu yang tidak dapat dipertahankan.”

Mengenai sikap Mahathir yang terlalu sangat menunjukkan marah kepada pelabur asing yang berspekulasi dan menyebabkan kejatuhan ekonomi kita, dan kemudian mendakwa mereka ada konspirasi hendak menjajah kita, Jomo berhujah mengatakan: “Tetapi

sebelum ini dia sendiri yang pergi ke luar negeri panggil pelabur-pelabur datang melabur di negeri kita. Mahathir pergi, Daim pergi, Anwar pergi, buat *road show* di Wall Street, di *City of London*, panggil orang datang melabur di Malaysia. 'Jual murah'. Dan mereka berjaya. Ramai pelabur asing datang. Harga-harga saham di BSKL pun meningkat, melambung tinggi."

Waktu itu kita semua suka. Tetapi apabila sampai masa pelabur-pelabur asing itu mengaut keuntungan hasil pelaburan mereka, kita marahkan mereka. Sebenarnya siapa yang salah? Pelabur asing itu memang tujuan mereka hendak cari untung besar. Takkan fakta ini pun Mahathir dan Daim tak tahu? Kalau pelabur tak nampak mereka boleh kaut untung besar, takkan mereka nak datang. Apakah kita fikir mereka itu datang dengan niat ikhlas nak tolong ekonomi kita? Jadi, faham-fahamlah!

Satu lagi kritikan Jomo ialah terhadap sistem kewangan kita keseluruhannya, yang dianggapnya tidak adil. Bagi Jomo, sistem kewangan kita "bukan untuk insan yang kerdil seperti kita, dan bukan untuk usahawan kecilan. Ia sistem untuk orang di Wall Street, orang di *City of London*, dan di sini untuk orang yang seperti Rashid Hussein. Merekalah yang boleh ambil kesempatan dan peluang-peluang yang ada dalam sistem itu."

Jelasnya, sistem kewangan kita lebih banyak memihak kepada golongan kaya, menyediakan pelbagai kemudahan untuk golongan kaya, tetapi amat sedikit faedahnya untuk golongan sederhana, apatah lagi untuk golongan miskin. Banyak keburukan terdapat

dalam sistem yang digunakan oleh kerajaan sekarang.

“Kita lihat dalam usaha hendak menyelamatkan kepentingan tertentu,” kata Jomo. “Jelas sekali kapitalisme kunci memainkan peranan mempengaruhi siapa yang hendak dipilih. Misalnya tabung RM60 bilion itu, atau kes UEM-Renong, ataupun tiga usaha penyelamatan yang diumumkan pada bulan Mac lalu, melibatkan Mirzan Mahathir (Konsortium Perkapalan Berhad), KUB (koperasi Umno) dan Tajuddin Ramli (MAS). Jelas ketiga-tiganya melibatkan orang yang rapat dengan orang di atas.”

Satu faktor lagi ialah industri-industri yang berkembang pada pertengahan 90-an bukan industri yang berdaya saing, tetapi industri yang dilindungi, seperti projek KLCC, empangan Bakun dan lain-lain projek mega. Harga jualan elektrik daripada empangan Bakun, misalnya, lebih tinggi daripada harga jualan elektrik IPP (projek janakuasa bebas), sedangkan harga jualan elektrik IPP pun begitu mahal hingga menyebabkan keuntungan Tenaga Nasional merosot dengan banyak, kerana terpaksa membeli tenaga dari IPP.


Projek-projek seperti itu bukan meningkatkan daya saing, sebaliknya menjadi beban kepada ekonomi kita, kerana sebahagian kesan buruk projek itu boleh ditanggung pada waktu ini, tetapi sebahagian lagi akan terus ditanggung selama-lamanya. Misalnya harga elektrik yang lebih tinggi kalau kita terpaksa membelinya dari syarikat Ting Pek Khiing sekiranya projek Bakun tidak tergendala, akan terpaksa kita tanggung selama-lamanya. Walaupun kemudahan utiliti yang dulu disediakan oleh Majlis Daerah atau Majlis Perbanda-

ran, sekarang semakin banyak kita terpaksa bayar kerana telah diswastakan.

Semua ini bermakna bahawa kos hidup kita terus bertambah. Dulu orang suka tinggal di Malaysia kerana kos hidup di sini murah. Tetapi sekarang kos hidup sudah meningkat. Di samping kita terus membayar cukai seperti dulu, sekarang kita juga terpaksa membayar tambahan untuk utiliti seperti kepada IWK (Indah Water Konsortium) dan sebagainya.

Satu contoh lagi ialah telefon. Sebelum Telekom dikorporatkan dulu kita membayar 10 sen untuk satu panggilan. Kemudian dinaikkan menjadi 13 sen. Sekarang 13 sen untuk 3 minit. Kalau kita guna 4 minit kena tambah lagi 13 sen. Begitu juga kalau kita guna Internet.

“Dengan cara ini Telekom dapat menambahkan pendapatannya, kerana dulu ia menghadapi kesulitan,” jelas Jomo. “Apabila telefon bimbit diperkenalkan, ia diswastakan dan semuanya diberikan kepada Tajuddin Ramli. Keuntungan dari telefon bimbit itu begitu banyak hingga dalam tempoh kurang daripada lima tahun Tajuddin boleh beli MHS (Malaysia Helicopter Services), dan kemudian syarikat helikopter itu dapat membeli syarikat kapal terbang MAS. Cuba bayangkan berapa banyak untungnya. Kalau di negara lain monopoli seperti itu diberikan kepada pihak awam, bukan pihak swasta.”



Jangan terlalu
terikat usaha kita kepada
pasaran saham dan matawang.
Kedua-dua pasaran itu bukannya
rasional. Kenapa kita mesti
jadikan sesuatu yang tak rasional
itu begitu penting hingga boleh
menentukan jatuh-bangunnya
sesuatu bangsa dan negara?

Apakah kita pun nak
ikut jadi tak rasional juga?

Janganlah!

5

Gawat Itu Fitrah Ekonomi. Mengapa Panik?

DALAM bab ini saya nak bentangkan satu perspektif lain mengenai kegawatan. Lain daripada yang selalu kita dengar diperkatakan orang sejak berlakunya kegawatan ekonomi di Malaysia. Apa lainnya? Kegawatan dikatakan satu fenomena semula jadi, atau satu fitrah ekonomi. Setiap 10 tahun ia mesti jadi sekali.

Ia satu perkara biasa saja, yang patut dilihat secara positif. Tak perlu panik, dan tak perlu gelabah. Tetapi perlulah memahaminya. Dan oleh kerana ia satu perkara yang semula jadi, atau fitrah kehidupan, kita sepatutnya jangan cuba menghalangnya, jangan cuba menentangnya, dan jangan cuba menyekatnya. Sebaliknya kita patut bersedia menerimanya, dan membiarkan ia berlaku secara *natural*, iaitu secara fitrah juga.

Tetapi apa yang kita perhatikan di sekeliling kita,

pemimpin-pemimpin kerajaan habis semua jadi panik dan gelabah, dan sibuk mencari pihak lain untuk disalahkan.

Releks! Dalam al-Quran pun perkara ini sudah dijelaskan. Allah menceritakan kisah Nabi Yusuf itu bukanlah untuk saja-saja. Banyak hikmatnya bagi orang yang rajin membaca dan mempelajarinya, serta mengamalkannya.

Allah berfirman dalam surah Yusuf, ayat 47-49: “Yusuf berkata: Kamu bertani selama tujuh tahun seperti biasa, hasilnya hendaklah kamu simpan, kecuali sedikit untuk kegunaan. Selepas itu akan datang tujuh tahun yang kemarau, memakan apa yang kamu simpan, kecuali sedikit untuk benih. Selepas itu akan tiba pula tahun yang makmur....”

Tujuh tahun yang makmur dan tujuh tahun yang kemarau. Itu memang satu pusingan ekonomi. Mengikut seorang profesor dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang juga seorang pengusaha di bidang pelaburan di peringkat antarabangsa, kajian-kajian telah membuktikan bahawa memang terdapat pusingan sedemikian dalam ekonomi.

“Dalam al-Quran surah Yusuf ada mengatakan memang ada pusingan,” katanya, “dimana ada tujuh tahun yang mewah dan tujuh tahun yang susah. Cuma mungkin kita tak perlu ambil maksud tujuh itu secara literal, kerana dalam bahasa Arab sesuatu yang lebih daripada dua adalah tujuh.”

Profesor yang saya maksudkan ialah Dr Barjoyai Bardai, Presiden Perdana Technology Venture Sdn Bhd, sebuah syarikat yang mencari ciptaan-ciptaan

teknologi tinggi yang perlu untuk umat Islam bagi abad ke-21 di seluruh dunia, untuk dilabur dan kemudian disenaraikan di pasaran saham di Amerika. Setiap kali disenaraikan, pelabur-pelaburnya yang melabur untuk tempoh satu hingga dua tahun, menikmati keuntungan sebanyak 400 - 500 peratus.

Saya menemui beliau di pejabatnya, di The Mines Waterfront Business Park, Seri Kembangan, pada 10 Julai 1998, untuk wawancara bagi majalah *Tamadun*. Hasil wawancara yang lengkap disiarkan dalam majalah tersebut, keluaran Ogos 1998.

Dr Barjoi menjelaskan teori pusingan ekonomi semula jadi itu seperti berikut:

"Mengikut analisa ahli ekonomi, kemelesetan akan berlaku apabila pasaran hartanah memuncak. Hal ini berlaku di Malaysia satu setengah atau dua tahun yang lalu. Selepas pasaran hartanah mencapai puncak, bank akan menaikkan kadar faedah, dan kemudian kecairan dalam pasaran menjadi kecut. Ini merupakan permulaan kepada kemelesetan.

"Selepas itu kecairan sepatutnya semakin mengecut dalam pasaran, sehingga peniaga-peniaga menjadi sesak dan pasaran saham serta-merta akan turun, kerana tidak ada kecairan untuk menyokong. Apabila pasaran saham turun, kita akan lihat fenomena *corporate failure*. Banyak pemimpin korporat akan jatuh bankrap.

"Selepas pemimpin korporat jatuh bankrap, ekonomi akan mengecut, kerana banyak perniagaan ditutup. Eksport akan turun. Import pun akan turun, kerana kuasa beli sudah kurang. Itu akan mendesak semua

orang untuk mencairkan hartanah mereka. Jual balik hartanah. Pada masa itu nilai hartanah akan turun dengan banyak. Waktu itu kita berada di tahap paling bawah.

“Selepas itu kita akan lihat pula sistem bank tiba-tiba menjadi berani, membuka pintu untuk memberi pinjaman bagi membeli hartanah dan juga saham. Pada masa itu juga kadar faedah akan turun dengan banyak. Pasaran saham... pun akan menuju ke arah puncak. Apabila pasaran saham memuncak, yang lain akan mengikut. Akhirnya hartanah akan memuncak lagi. Maka lengkaplah satu pusingan, yang mengambil masa 10 tahun. Lima tahun menurun, lima tahun menaik. Atau enam tahun. Lebih kurang begitu.”

Saya bertanya Dr Barjoyai, sekiranya tidak ada serangan daripada pedagang matawang, apakah kita masih akan mengalami kegawatan ekonomi? Jawabnya, “kita memang akan mengalami kegawatan.”

Seterusnya dia menjelaskan: “Kita sepatutnya sudah mengalami kemelesetan tiga atau empat tahun lepas, kalau mengikut pusingan yang normal. Tetapi kita telah mengolah ekonomi itu dan menolaknya dengan cara yang tidak natural. Misalnya dengan melaksanakan pelbagai projek mega, dan menolak naik nilai pasaran hartanah. Itu memberi sumbangan yang banyak terhadap kenaikan Keluaran Negara Kasar (KNK). Jadi walaupun sebenarnya ekonomi sedang mengalami situasi menurun, ia disembunyikan oleh projek-projek mega ini.”

Satu projek mega yang bernilai RM4 bilion hingga RM5 bilion boleh menyumbang kenaikan sebanyak

satu peratus dalam KNK. Pada suatu waktu dulu, kata Barjoiyai, kita ada beberapa projek mega yang nilainya berjumlah RM80 bilion. Itulah yang menyembunyikan keadaan kemelesetan negara pada waktu itu.

Sebenarnya sejak empat-lima tahun lepas lagi pakar-pakar ekonomi dan kewangan, tempatan dan luar negeri, mengingatkan kita supaya menurunkan sedikit pertumbuhan ekonomi, sebab kita akan mengalami *overheating* (ekonomi yang meruap). Waktu itu kita sudah mengalami pertumbuhan lebih 8 peratus selama enam tahun berturut-turut. Tetapi Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad menolak pandangan itu.

Dr Mahathir hendak buktikan kita boleh menafikan teori ekonomi itu. Dia mahu kita terus berkembang pada kadar 8 peratus selama-lamanya, untuk mencapai Wawasan 2020. Sekarang terbukti Mahathir telah gagal, walau apa pun alasan dia.

Alasan Mahathir yang hampir setiap hari diasakannya ke dalam benak kita ialah bahawa kita jatuh gawat kerana nilai ringgit dijatuhkan dan harga-harga saham di BSKL dijatuhkan, oleh spekulator penyangak dari Barat. Kalau nilai ringgit dan saham-saham kita tidak dijatuhkan, kita tidak akan gawat.

Saya pun berhujah demikian dengan Dr Barjoiyai. Kata saya: Kalau tak ada serangan matawang itu, duit kita tak jatuh dengan begitu teruk. Kalau duit tak jatuh begitu, pasaran saham pun tak jatuh seperti yang jatuh sekarang.

Balas Dr Barjoiyai: "Konsep serangan matawang ini merupakan satu perkara yang perlu kita lihat secara terperinci. Memang betul ada serangan matawang.

Tetapi siapa yang menyerang? Kita kata Soros menyerang. Mengapa dia menyerang? Dia bukan menyerang sebab dia tidak suka Malaysia atau sebab dia orang Yahudi. Dia menyerang sebab dia melihat peluang di Malaysia, kerana ekonomi kita sudah menjadi semakin *fragile* (rapuh), semakin goncang, dan dia menjangkakan matawang kita akan turun, iaitu apabila berlaku kemelesetan.”

George Soros dan lain-lain spekulator matawang itu memang profesyen mereka “membuat duit” atau mencari untung besar melalui spekulasi di pasaran matawang. Mereka memang bijak, cepat, cekap dan pintar bertindak. Kalau tidak, masakan mereka boleh membuat keuntungan berbilion dolar dalam masa beberapa hari sahaja? Mereka mempunyai pakar-pakar penganalisa ekonomi di seluruh dunia, bekerja untuk mereka. Oleh itu apabila mereka nampak yang ekonomi kita akan jatuh dan matawang kita pun akan jatuh, mereka cepat-cepat bertindak.

Dalam sistem pasaran saham dan pasaran matawang antarabangsa, ada satu senjata yang sangat merbahaya. Sangat-sangat merbahaya. Apatah lagi kalau ia digunakan oleh orang-orang yang banyak duit. Senjata tersebut ialah *short-selling*, atau jualan singkat.

Apabila kita menjangkakan ringgit akan jatuh, kita pun jual ringgit dengan banyaknya, walaupun kita tidak memilikinya. Apabila kita jual dengan banyak, ringgit pun akan jatuh nilainya. Apabila ringgit jatuh nilainya, kita pun beli. Itu bermakna kita membeli pada harga rendah dan kita menjualnya pada harga tinggi.

Perbezaan harga itu adalah keuntungan untuk kita.

Padahal benda yang dijual dan dibeli itu tidak wujud pun. Hanya angka-angka di skrin komputer sahaja. Dari segi rasionalnya pula, bagaimanakah anda menjual sesuatu yang anda tidak miliki, atau sesuatu yang tidak ada? Dan bagaimanakah anda menjualnya dahulu dan kemudian baru membelinya, dan anda membuat untung?

Semua itu memang tidak rasional dan tidak logik. Tetapi itulah yang berlaku secara besar-besaran di dunia hari ini.

Soalnya, apakah itu yang menyebabkan kita gawat? "Jawapannya pasti bukan," jawab Dr Barjoyai. "Tetapi itulah yang menjadi penyebab atau alasan memulakan kemelesetan ekonomi. Itulah yang *trigger* ekonomi kita menjadi meleset. Tetapi kalau itu tidak ada pun, ekonomi kita akan mengalami kemelesetan juga. Menunggu masa sahaja."

Maknanya, kita mengalamai kegawatan hari ini bukanlah kerana serangan pedagang-pedagang matawang Barat, seperti yang dijaja oleh Mahathir di mana-mana. Serangan ke atas matawang itu hanya satu kebetulan sahaja. Kalau tidak ada serangan itu pun, ekonomi kita dah memang nak jatuh dah.

Dalam hal ini Barjoyai sependapat dengan Dr Jomo. Kata mereka matawang kita diserang kerana asas fundamental ekonomi kita lemah. Mereka menolak dakwaan Mahathir dan lain-lain pemimpin kerajaan yang selalu menegaskan bahawa fundamental ekonomi Malaysia adalah kukuh.

Sekiranya ekonomi kita kukuh, seperti Singapura

misalnya, kita boleh menangkis serangan spekulator matawang, seperti yang dilakukan oleh Singapura. “Dia tidak ada hutang luar langsung,” kata Barjoyai. “Simpanan negaranya pula sangat besar berbanding dengan pendapatannya. Orang tidak akan minat untuk cuba jual singkat dolar Singapura, sebab mereka tahu matawang itu kukuh.... Kalau mereka jual singkat pun, matawang itu tidak akan jatuh, sebab dia ada simpanan yang besar.”

Maksudnya bukan serangan luar itu yang menyebabkan kita gawat. Sebaliknya kelemahan ekonomi kita sendiri yang menjadi faktor asas dan faktor utamanya. “Ekonomi kita memang *fragile*,” kata Barjoyai.

“Tetapi itu bukanlah sesuatu yang sangat negatif, kerana kita memang memerlukan kemelesetan,” tambahnya lagi, menegaskan kewajaran teori pusingan semula jadinya.

“Kenapa kita memerlukan kemelesetan?” tanya saya.

“Kerana kita sudah berkembang pada kadar 8 peratus selama 10 tahun berturut-turut,” jawabnya. “Tidak ada sebuah negara yang tidak mempunyai batas dalam kapasiti untuk membangun. Semua negara ada batasannya. Cuma kita yang tidak mahu menerima batasan itu. Bagaimanapun kita memang perlu mengumpul kapasiti baru, untuk membuat satu loncatan yang baru.”

Saya bertanya lagi, untuk mendapatkan kepastian: “Katakanlah negara kita mengamalkan sistem ekonomi dan kewangan Islam, apakah pusingan itu akan

berlaku juga?"

"Ia akan berlaku juga," jawab Barjoyai. "Itu sudah terbukti kerana ia berlaku di zaman Nabi Yusuf. Pusingan itu sebenarnya merupakan satu ujian. Tiap-tiap kali pusingan berlaku, orang yang tidak sedar akan menjadi mangsa yang pertama. Orang yang sentiasa ingat kepada Allah, dia akan berjaya. Tetapi walaupun pusingan itu wujud, kalau semua orang menyedari yang pusingan itu akan berlaku, kita akan mengambil langkah yang sewajarnya, seperti yang dinasihatkan dalam surah Yusuf, iaitu sewaktu tujuh tahun yang mewah kita menyimpan sebahagian besar daripada kemewahan itu, untuk menghadapi zaman meleset."

Saya belum berpuas hati juga dengan pendapatnya mengenai serangan luar itu. Bukan apa. Hendak menolak hujah Dr Mahathir bukannya mudah. Kita mesti mempunyai hujah yang betul-betul gagah. Maka saya pun berhujah lagi dengan Dr Barjoyai.

"Kita tengok hal yang ketara sekali dalam kegawatan ini, yang pertamanya ialah kerana nilai ringgit jatuh, dan keduanya nilai saham juga jatuh. Ini bukan disebabkan oleh faktor dalaman."

Dalam membalas hujah ini Dr Barjoyai mengambil perspektif lain pula. "Pasaran saham tidak sepatutnya menjadi asas menentukan daya maju sesuatu ekonomi," katanya. "Kadar pertukaran matawang pun tidak objektif, kecuali kalau kita balik kepada kaedah matawang Islam."

Dan dia menjelaskan lagi: "Maka berasaskan itu, walaupun pasaran matawang dan pasaran saham digu-

nakan sebagai asas menentukan kekukuhan ekonomi, tetapi kedua-duanya tidak objektif. Kedua-duanya tidak menentukan asas fundamental. Yang sepatutnya menentukan asas fundamental ialah kadar pertumbuhan ekonomi, kadar inflasi, kadar import-eksport atauimbangan perdagangan, dan kadar tabungan negara.”

Beliau melihat perkara itu dari perspektif yang lain sama sekali. Langsung tidak terpengaruh dan tidak tergugat dengan hal-hal yang spekulatif dari pasaran saham dan pasaran matawang. Tumpuannya betul-betul pada asas fundamental.

“Kita tidak perlu menjadikan kegawatan ini sebagai satu isu yang besar,” kata Barjoyai. “Kalau kita boleh lihat ini sebagai satu proses semula jadi, kita melihatnya secara positif.”

Maksudnya, tak perlulah kita menggelupur nak melawan pedagang-pedagang matawang dan spekulator pasaran saham dari Barat itu, seperti yang menjadi obsesi Mahathir selama setahun lalu. Nak bekerja kuat berlipat ganda tidak mengapa. Tetapi janganlah terlalu terikat usaha kita kepada pasaran saham dan matawang. Kedua-dua pasaran itu bukannya rasional. Kenapa kita mesti jadikan sesuatu yang tak rasional itu begitu penting hingga boleh menentukan jatuh-bangunnya sesuatu bangsa dan negara? Apakah kita pun nak-ikut jadi tak rasional juga? Janganlah!

Dan janganlah marah-marah. Kita asyik mendakwa ekonomi kita kukuh, boleh jadi model untuk diikuti oleh negara-negara membangun lain dan sebagainya, tiba-tiba apabila ia diuji oleh spekulator asing, ia terus jatuh merudum. Mana kukuhnya?

Maaflah ya! Mengikut Profesor Barjoyai, faktor utama di dalam menentukan jatuh-bangunnya sesebuah ekonomi berdasarkan teori pusingan semula jadi itu, ialah faktor hartanah. Apabila sektor hartanah telah memuncak, itu adalah tanda-tanda yang ekonomi tersebut akan mengalami kemelesetan.

Di Malaysia, tiga-empat tahun yang lepas perkembangan sektor hartanah begitu melampau-lampau, seolah-olah tidak dapat dikawal lagi. Jumlah pinjaman yang diberikan oleh bank-bank kepada sektor hartanah dua tahun lalu hampir 40 peratus daripada jumlah pinjaman. Ini menimbulkan masalah yang sangat serius, kerana sektor hartanah adalah sektor yang paling tidak produktif.

Bank Negara (BNM) sendiri menyedari yang bank-bank kita telah terlebih mengeluarkan kredit kepada sektor hartanah dan dagangan saham. Oleh itu pada bulan April 1997 ia mengambil langkah kawalan dengan mengetatkan kredit ke atas dua sektor berkenaan. Tetapi ternyata langkah tersebut sudah terlewat.

Mengikut Barjoyai, Malaysia mempunyai lebih daripada 250 buah padang golf, dengan pelaburan melebihi RM15 bilion. Dalam sektor perumahan ber-konsep *homestead* pula, ada tapak rumah yang dijual pada harga RM200 satu kaki persegi. Ini adalah sesuatu yang tidak ada asas ekonomi.

"Bayangkan orang membeli tapak rumah berharga RM2 juta atau RM3 juta. Untuk apa? Semata-mata untuk kepuasan diri. Ia tidak memberikan apa-apa sumbangan kepada ekonomi," kata Barjoyai.

Maka demikianlah. Kehidupan ini memang dipe-

nuhi dengan pelbagai sistem pusingan. Masing-masing dengan tempoh yang telah ditentukan. Sampai tempohnya hari pun malam. Sampai tempohnya malam pun siang semula. Sampai tempohnya lagi hari pun malam semula. Demikian juga dengan pusingan musim dan seterusnya. Agar manusia jangan terus lalai dan alpa.

Maka janganlah marah! Terimalah hakikat itu. Jangan asyik pandang ke luar nak salahkan orang lain. Pandanglah ke dalam. Lihatlah segala macam kebobrokan yang ada dalam ekonomi sendiri. Macam-macam bobrok ada. Tidak semuanya boleh diselamatkan lagi, apabila tiba waktunya....

Memang spekulator
matawang antarabangsa boleh
membahayakan negara. Tetapi
strategi Mahathir yang terlalu
mengutamakan segelintir gergasi
korporat, sehingga sanggup
mengorbankan hal-hal
lain, sanggup menggunakan
segala sumber yang boleh dicapai
demi membantu golongan kaya
kroninya, itu pun
tentulah tidak kurang
bahayanya.

6

Mana Lebih Bahaya: Spekulator atau ...?

ANARKI dalam arena kewangan antarabangsa. Orang individu boleh buat apa mereka suka, yang boleh membinasakan orang lain. Idea-nya, kamu buat duit dengan apa cara sekalipun untuk diri sendiri, tanpa peduli apa terjadi pada orang lain.”

Itu katanya kepada majalah *Review*, 2 Julai 1998. Kepada majalah *Time* pula dia berkata: “Anda tahu negara-negara Asia Tenggara mengambil masa 40 tahun membangunkan ekonomi. Dalam tempoh dua bulan sahaja, dengan menjatuhkan nilai matawang mereka, kini mereka menjadi miskin.”

“Kebolehan mereka menjatuhkan matawang begitu hebat sekali hingga kami tak boleh buat apa-apa untuk memulihkan keadaan.” (*Time*, 15 Jun 1998).

“Keadaan ekonomi kita begitu sekali dikuasai oleh pedagang matawang dan juga mereka yang meniagakan

saham-saham kita. Mereka boleh dengan mudahnya menurunkan lagi nilai saham kita mengikut sesuka hati mereka.... Jadi saya berpendapat mereka akan terus menekan jika ini menguntungkan mereka.”

Itu katanya dalam Wawancara dengan televisyen RTM pada 14 Julai. Di Parlimen pula pada 20 Julai, menjawab satu soalan dia berkata:

“Kita tidak akan mencapai kejayaan selagi kuasa ada di tangan pedagang matawang yang mahu meruntuhkan ekonomi negara membangun. Kita lihat mereka (bergerak) daripada sebuah negara ke sebuah negara... tidak ada kerja lain melainkan runtuhkan ekonomi untuk memperoleh keuntungan yang besar.” (*Utusan Malaysia* 21 Julai 1998).

Itulah kata-kata Mahathir. Hampir setiap hari, kalau dia memberi ucapan atau persidangan media atau interviu, dia akan menyalahkan pedagang matawang antarabangsa sebagai pihak yang bertanggungjawab menjatuhkan ekonomi kita.

Sebenarnya itulah strategi Mahathir. Jangan tak tahu. Mahathir seorang yang cekap menyusun strategi bagi mencapai sesuatu yang dikehendaki atau yang menjadi matlamatnya. Dan dia selalunya sangat fokus kepada sesuatu perkara yang telah dipilihnya sebagai bahan strateginya.

Cubalah anda imbaskan kembali, sejak negara dilanda kegawatan ekonomi, apakah yang menjadi fokus Mahathir? Bukankah sejak dari mula-mula lagi, sejak Julai 1997 hinggalah sekarang (Ogos 1998), Mahathir tidak henti-hentinya menyalahkan spekulator matawang?

Sejak dari mula-mula lagi, dalam ucapannya di Okayama City, (waktu itu dia berada di Jepun) pada 21 Julai 1997, Mahathir berkata serangan spekulatif ke atas matawang negara-negara Asia Tenggara adalah atas inisiatif seorang tokoh kewangan antarabangsa. Mahathir terus mengecam spekulator itu dengan menggelarnya penyangak (*rogue*), dan menyeru supaya diadakan peraturan dalam pasaran matawang antarabangsa. Pada 24 Julai dia menamakan George Soros sebagai orang yang bertanggungjawab membuat serangan itu. Dan dengan cara demikian Mahathir sekali lagi menjadi perhatian dunia, sementara ringgit dan saham-saham di BSKL merudum jatuh dan terus jatuh.

Oleh kerana negara-negara lain yang pemimpinnya tidak mengecam Barat pun ekonominya jatuh seperti Malaysia juga, bahkan ada yang lebih teruk daripada Malaysia, maka Mahathir bertegas mengatakan bukanlah kerana mulut lancangnya yang menyebabkan ringgit dan BSKL terus jatuh. Tetapi pedagang-pedagang matawang itulah yang jahat.

Kalau pada awal mulanya sasaran kecaman Mahathir hanya seorang individu yang bernama George Soros, ia kemudiannya berkembang merangkumi spekulator-spekulator lain juga, dan akhir-akhirnya Mahathir menuduh bahawa kuasa politik Barat sendiri memang ada konspirasi untuk "menjajah" negara-negara Asia, dalam bentuk penjajahan yang baru.

Mengikut gambaran yang tak jemu-jemu diucapkan oleh Mahathir, para pedagang matawang itu mempunyai kuasa yang begitu luar biasa sekali, hingga kita tidak berupaya untuk berbuat apa-apa lagi bagi memu-

lihan ekonomi kita.

Mereka itu umpama raksasa yang sangat ganas dan kuat, yang boleh menyerang dan membinasakan kita pada bila-bila masa sahaja. Kita kini hidup dalam ketakutan, mengharapkan belas ehsan raksasa yang bernama spekulator matawang dari Barat itu. Selagi spekulator antarabangsa itu tidak dihapuskan, selagi itulah segala usaha kita untuk memulihkan ekonomi tidak akan berjaya. Dan selagi itulah kita terdedah kepada bahaya yang sangat menggerunkan.

Demikianlah Mahathir memasang strateginya. Dia memang seorang yang rajin menghuraikan sesuatu perkara. Maka masalah kegawatan ekonomi ini pun dihuraikannyalah demikian pada setiap hari. Baik di dalam negeri mahupun di luar negeri. Yang bersalah hanya pedagang matawang. Pemimpin-pemimpin politik kita tidak bersalah, dan tokoh-tokoh korporat kita yang tamak dan rakus pun tidak bersalah, biarpun ramai di antara mereka itu yang menjadi “lanun”, menyamun hak-hak dan peluang-peluang rakyat.

Saban hari Mahathir mengasak hujah dan huraian-nya bertubi-tubi ke dalam kepala rakyat, agar rakyat menerima hujah dan huraian-nya itu. Tetapi cubalah fikir. Masukkah di akal?

Sebenarnya kita bukanlah hendak menafikan wujudnya serangan oleh pedagang matawang dari Barat. Tidak siapa pun hendak menafikannya. Memang serangan itu yang memulakan krisis kewangan yang berpanjangan ini. Tetapi serangan itu hanya sekadar mencetuskannya sahaja. Bukan itu yang penyebab sebenarnya. Penyebab sebenarnya ialah kelemahan dalam

sistem ekonomi kita sendiri. Serangan itu hanya satu kebetulan saja.

Fikirlah. Apabila serangan dilancarkan, belum tentu lagi siapa yang akan menang. Tidak semua serangan berjaya mengalahkan pihak yang diserang. Ada serangan yang mengalami kegagalan. Sekiranya pihak yang diserang itu kuat, serangan yang dibuat ke atasnya tidak akan mencapai kejayaan. Demikian jugalah dengan kes serangan oleh spekulator ke atas matawang kita. Sekiranya ekonomi kita benar-benar kukuh, kita tidak akan mengalami kegawatan.

Hal ini diakui juga oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER). Dalam satu penerbitannya berjudul *"Currency Turmoil and the Malaysian Economy - Genesis, Prognosis and Response"*, ia mengakui peranan spekulator matawang dalam krisis ekonomi kita, tetapi menegaskan bahawa serangan itu tidak akan berjaya sekiranya tidak terdapat kelemahan dalam fundamental ekonomi mikro dan makro.

"...it is to be noted that speculators would not have succeeded had there been no weaknesses in the micro and macroeconomic fundamentals in the first place." (hal 33)

Sekarang ini pun kerajaan membuat bermacam-macam usaha untuk memulihkan semula ekonomi. Ada cara Mahathir, ada cara Anwar, dan yang terakhir ialah cara Daim. Sedangkan Mahathir terus mengatakan bahawa selagi puak-puak penyangak spekulator itu dibiarkan bebas berdagang, mereka boleh serang kita bila-bila masa, hancurkan ekonomi kita dan angkut semua kekayaan kita. Kita tak boleh buat apa-apa. Penya-

ngak-penyangak spekulator itu terlalu berkuasa, dan terlalu jahat.

Mana satu yang betul? Kalau sudah katakan buat apapun tak berguna selagi pedagang matawang masih bebas berspekulasi, kalau dah sampai macam itu sekali keadaannya, untuk apa kita melancarkan bermacam-macam langkah pemulihan itu?

Sebenarnya ekonomi kita boleh pulih. Semua orang percaya. Memang ada cara untuk memulihkannya walaupun penyangak-penyangak spekulator itu ada. Hakikat ini dengan sendirinya menolak kebenaran huraian-huraian Mahathir itu.

Jadi, tidakkah nampak dengan jelas bahawa itu semua adalah strategi Mahathir belaka! Tujuannya hanya satu, hendak menutup kelemahan dan kesalahan pimpinannya sendiri.

Mahathir berusaha mengalihkan semua perhatian dan kemarahan dan kekecewaan rakyat kepada pihak luar, dan konon-kononnya pihak luar itu pula begitu berkuasa dan jahat, dan mengancam keselamatan kita. Walaupun usahanya itu sesuatu yang tidak munasabah, dia tetap mengharapakan dan dia percaya bahawa apabila sesuatu itu setiap hari diasak-asakkan ke dalam kepala orang, akhirnya orang percaya juga walaupun tidak munasabah.

Jangan sebut pasal lain sekarang ini. Jangan sebut langsung pasal kelemahan kerajaan. Walaupun tak boleh disembunyikan yang lapangan terbang KLIA mengalami pelbagai masalah di hari-hari awal operasinya, itu jangan disebut. Sebaliknya laporlah kebaikan dan keistimewaan sahaja. Ini strategi.

Inilah strategi Mahathir. Sebab itulah dia jadi tersangat marah dan tak boleh hendak bertolak ansur lagi dengan Zahid Hamidi, Johan Jaaffar (Ketua Pengarang Kumpulan akhbar Utusan Melayu) dan Nazri Abdullah (Pengarang Kumpulan akhbar Berita Harian). Orang bertiga itu cuba hendak menunjukkan bahawa di samping wujudnya serangan spekulator matawang dari luar, sistem di dalam kerajaan kita sendiri pun ada juga kelemahannya dan perlu juga diperbaiki sekiranya kita hendak mengatasi kegawatan ekonomi. Faktor inilah juga yang ditekankan oleh MIER dalam penerbitannya yang disebut tadi.

Tetapi Mahathir menolaknya, kerana pandangan itu akan merosakkan strateginya. Oleh itu Zahid mesti dibelasah cukup-cukup, supaya dia tak boleh bercakap lagi. Johan dan Nazri mesti dikeluarkan dari suratkhabar, supaya akhbar di dalam negeri tidak akan siar lagi laporan-laporan yang boleh merosakkan strategi Mahathir.

Apa strategi Mahathir? Strateginya sekarang ialah: tanamkan ke dalam fikiran dan perasaan rakyat bahawa kita sedang menghadapi musuh dari luar yang hendak menjajah kita semula. Ini satu strategi psikologi.

Spekulator matawang dan media asing dijadikan Mahathir sebagai satu ancaman kebangsaan. Apa pun, mereka itulah yang disalahkan. Macam di zaman Tunku Abdul Rahman dahulu, apa pun, komunislah yang disalahkan. Sikit-sikit, komunis. Sikit-sikit, komunis. Tetapi takkanlah kita nak duduk dalam ketakutan kepada komunis sepanjang masa?

Macam itu jugalah sekarang. Takkanlah kita nak

duduk ketakutan kepada pedagang matawang dan media asing terus-terusan? Apakah sudahnya?

Hanya Mahathir yang tahu apakah sudahnya. Bagi Mahathir taktik dan strategi meletakkan kesalahan sepenuhnya kepada pedagang matawang antarabangsa dan media asing itu sangat penting. Kerana dengan adanya taktik dan strategi itulah Mahathir boleh memberi alasan dan hujah untuk membantu syarikat-syarikat korporat yang besar-besar.

Kononnya syarikat-syarikat korporat itulah yang membiayai kerajaan selama ini. Sekarang mereka mengalami kerugian besar dan kekurangan modal disebabkan oleh serangan spekulator dari Barat. Kita hendaklah menolong mereka, kerana mereka jatuh bukan disebabkan kelemahan mereka, tetapi disebabkan serangan oleh penyangak yang menjadi musuh negara kita.

Nampak tak? Begitu pintar sekali Mahathir menggunakan taktik dan strategi menyalahkan pihak luar itu, untuk tujuannya hendak mengumpul wang bagi membantu syarikat-syarikat kroninya yang bermasalah. Oleh kerana selama ini mereka itulah yang memberi duit kepada kerajaan, sekarang apabila mereka jatuh susah, kita mestilah cari duit banyak-banyak untuk berikan kepada mereka, bagi menyelamatkan mereka.

Maka dalam hal ini kita perlulah berhati-hati. Kita perlu faham betul-betul kedudukan sebenar. Kalau kita tersilap sedikit sahaja dalam memahami kedudukan perkara yang rumit ini, kita akan terperangkap dan akan nampak yang hujah Mahathir itu betul, sedangkan itu bukan hakikat kedudukan yang sebenarnya. Jadi hen-

daklah kita berhati-hati sangat dalam memahami perkara ini.

Mahathir berhujah kononnya syarikat-syarikat itulah yang menyumbangkan pendapatan besar kepada negara, melalui cukai yang mereka bayar kepada kerajaan. Lagi banyak untung mereka lagi banyaklah cukai yang mereka bayar dan lagi banyaklah pendapatan kerajaan, dan seterusnya lagi banyaklah kerajaan boleh bantu rakyat melalui duit cukai mereka itu. Oleh yang demikian kita mestilah menolong mereka supaya mereka boleh terus membuat keuntungan besar, dan boleh terus membayar cukai.

Hujah Mahathir itu seolah-olah mengatakan bahawa sekiranya syarikat-syarikat besar itu tidak membayar cukai, maka kerajaan kita akan bankrap, kerana tidak ada pendapatan. Macamlah itu sahaja satu-satunya sumber pendapatan kerajaan. Kalau macam itu, tidak pandailah Mahathir memerintah. Ada satu sahaja sumber pendapatan. Kalau apa-apa terjadi pada sumber itu, macam mana?

Tidakkah itu satu keadaan yang sangat membahayakan negara?

Memang spekulator matawang boleh membahayakan negara. Tetapi strategi Mahathir yang terlalu mengutamakan segelintir gergasi korporat, sehingga sanggup mengorbankan hal-hal lain, sanggup menggunakan segala sumber yang boleh dicapai demi membantu golongan kaya kroninya, itu pun tentulah tidak kurang bahayanya.

Sekarang ternyata, apabila sumber korporat itu menghadapi masalah, kerajaan terpaksa menggunakan wang dari sumber lain pula untuk menolong mereka.

Misalnya kerajaan telahpun menggunakan sumber dari Petronas, berbilion ringgit banyaknya, untuk mengangkat semula beberapa pihak kroninya yang telah jatuh, termasuklah Konsortium Perkapalan Berhad (KPB) milik anak Perdana Menteri sendiri. Apakah itu satu tindakan yang wajar?

Dan apa yang paling membimbangkan orang ramai ialah kemungkinan Mahathir akan menggunakan wang sumber dari KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) pula untuk tujuan tersebut. Hal ini telah beberapa kali disebut oleh Mahathir. Bahawa kita masih mempunyai dana yang banyak di dalam KWSP. Apakah tujuannya menyebut demikian kalau tidak dengan hasrat untuk menggunakannya?

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar menjelaskan pinjaman KWSP kepada sektor perbankan sehingga 18 Julai 1998 berjumlah RM1.66 bilion. Jumlah pelaburan ekuitinya pula, sehingga 31 Disember 1997 ialah RM24.98 bilion, atau 19.24 peratus daripada asetnya.

Lim Kit Siang, Ketua Pembangkang, mendakwa yang Affifuddin telah mengelirukan sidang Parlimen kerana menafikan KWSP ada melabur dalam Renong Bhd dan UEM berjumlah beratus-ratus juta ringgit. Affifuddin menjeaskan bahawa maksudnya ialah KWSP tidak melabur dalam dua syarikat itu selepas kegawatan ekonomi. Tetapi Lim mendakwa pelaburan KWSP itu dibuat pada bulan Oktober 1997, selepas kegawatan bermula. Jawab Affifuddin, pembelian saham itu adalah untuk tujuan pelaburan, bukannya "*bail out*".

Demikianlah sedikit maklumat dari sidang Parlimen

pada 30 Julai 1998.

Sekarang cubalah anda fikir! Dan bandingkan hujah Mahathir dengan hujah Anwar Ibrahim yang telah kita bincangkan dalam bab 3. Mahathir kata, kita tidak akan berjaya memulihkan ekonomi selagi pedagang matawang antarabangsa dibiarkan bebas berspekulasi. Anwar kata, kita tidak akan dapat keluar dari kegawatan sekarang selagi “anak-anak emas yang bernafsu besar” di dalam negeri kita sendiri dibiarkan terus menimbun kekayaan buat diri mereka.

Mahathir menekankan pentingnya membantu segelintir syarikat gergasi yang bermasalah agar mereka boleh terus membayar cukai besar kepada kerajaan. Anwar menekankan bahawa golongan berkenaan “dalam zaman mewah mereka mahu membolot segala habuan” dan dalam zaman gawat mereka mahukan segera dibantu “terlebih dahulu dari yang lain dan dengan apa cara sekalipun”.

Jelaslah terdapat dua pendekatan dan strategi yang sangat berbeza dan bertentangan antara satu sama lain. Yang satu hendak mewujudkan segelintir gergasi ekonomi yang memonopoli kekayaan negara, manakala yang satu lagi hendak melaksanakan firman Allah “agar kekayaan tidak berlegar di kalangan orang-orang kaya”.

... tidak mengapa,
salahgunakan kuasa dan rasuah
tidak mengapa.
Perbuatan itu tidak salah.
Dulu lagi mereka sudah
lakukan perbuatan macam itu
dan ekonomi negara mencapai
pertumbuhan yang tinggi,
dan semua rakyat
mempunyai pekerjaan.
Tidak mengapa...

7

Mahathir Yang Degil dan Marah-marah

O*ne Angry Man*". Dengan muka Mahathir sepenuh kulit depannya, keluaran 15 Jun 1998, itulah panggilan sebuah majalah antarabangsa, *Time*, terhadap Dr Mahathir. "Seorang Lelaki Yang Marah".

Mahathir - *One Angry Man*. Seorang lelaki yang marah. Atau lebih sedap lagi terjemahannya: "Lelaki yang marah-marah". Di dalamnya, interviu mereka dengan Mahathir diberi tajuk: "*How Dare You Say These Things!*" Dalam bahasa Inggeris bila seseorang yang berkaliber seperti Perdana Menteri dengan nada yang serius berkata "*How dare you say...*", itu menunjukkan orang itu memang betul-betul marah. *How dare you say...* bermakna "Berani kamu cakap..." atau dalam bahasa kasarnya "Kurang ajar kamu" atau "Biadap kamu".

Dan Mahathir pun nampaknya memang betul-betul marah. Tidak pernah dia semarah-marah macam itu. Bukankah Mahathir sebelum ini pernah disifatkan sebagai seorang yang sukar dibaca fikiran dan perasaannya, kerana dia selalu berjaya mengawal fikiran dan perasaannya hingga tidak tergambar pada air mukanya, dan tidak juga terpancar pada tutur katanya?

Itulah salah satu kekuatan Mahathir sebelum ini. Itu juga salah satu keistimewaan yang membina ketokohan dan kewibawaannya. Apakah kekuatan dan keistimewaan itu sudah luntur? Apakah benteng pertahanan diri yang kukuh itu pun sudah retak?

Betapa tidak! Fikirkanlah - seorang pemimpin yang tengah ghairah dipupuk oleh sekian pujian dan sanjungan serta kejayaan pelbagai projek ekonomi yang dijalankannya selama ini, yang mulai menjadi ikutan negara-negara membangun di seluruh dunia, tiba-tiba dihempap oleh satu kekalahan yang tak pernah dijangkakan langsung olehnya.

Dia hanya ada satu sumber kekuatan, iaitu ekonomi. Dia hanya ada satu senjata, iaitu ekonomi. Fikiran dan ideanya disanjung selama ini, kerana kejayaannya membangunkan ekonomi. Sikap berani bercakap lantang dan terus-terangnya disanjung selama ini, kerana kejayaannya membangunkan ekonomi. Strategi, hujah dan taktiknya diperhatikan selama ini, kerana kejayaannya membangunkan ekonomi. Pemimpin-pemimpin dari negara-negara Islam mula menghormatinya, pun kerana kejayaannya membangunkan ekonomi.

Tiba-tiba ekonomi yang dibangunkannya selama

17 tahun itu runtuh, diruntuhkan (katanya) oleh spekulator matawang dan pasaran saham dari Barat. (Barat yang selama ini dikecamnya dengan pelbagai alasan dan hujah). Fikirkanlah apa perasaan dan fikirannya. Tentulah dia marah.

Tidak ada orang yang lebih marah daripada dia. Tidak ada orang yang lebih kecewa daripada dia.

Ibarat seekor harimau yang garang. Dia telah ditembak dan dilukakan, dikurung di dalam kandang, kemudian mereka interviu dia, tanya dia itu-ini soalan-soalan yang diketahui akan terus membangkitkan kemarahan dan kekecewaannya. Macam sengaja hendak menyakitkan hatinya.

Dia pun jadi berang dan geram. Tetapi tak berdaya lagi berbuat apa-apa untuk menyerang lawannya.

Itulah Mahathir yang tergambar dalam imaginasi saya sewaktu membaca interviu lengkap majalah *Time* dengannya, di tapak web internet <http://www.time.com/asia>. Membaca interviu itu saya jadi sangat bersimpati dengan Mahathir. Kalau boleh memang saya ingin benar hendak membantu dia. Ikhlas....

Tetapi apakah daya! Kerosakan telahpun berlaku. Banyak pula tu. Bukannya sedikit kerosakan yang telah berlaku. Orang-orang yang komited dengan perjuangan Islam, orang-orang yang komited dengan perjuangan bahasa Melayu, orang-orang yang komited dengan akhlak anak-anak muda Islam.... Mereka telah lama kecewa dengan pimpinan Mahathir.

Dan yang terakhir pula, Mahathir membelasah Ketua Pemuda si Zahid Hamidi itu begitu teruk sekali, hingga timbul simpati ahli-ahli Pemuda di seluruh

negara terhadap Zahid.

Kerosakan telahpun berlaku. Kalau Mahathir dengan ikhlas meminta maaf secara terbuka kepada rakyat, khasnya orang Melayu-Islam, mungkin mereka boleh memaafkan. Tetapi sama ada mereka bersetuju memberi peluang Mahathir terus memimpin negara memasuki alaf baru, tidaklah dapat dipastikan. Bukan soal rakyat tidak mahu mengenang jasa Mahathir. Soalnya rakyat telah lama bersabar memberi Mahathir peluang untuk membuktikan formulanya itu betul.

Sekarang terbukti Formula Mahathir tidak betul. Maka apakah lagi yang akan mereka harapkan?

Mahathir sudah 17 tahun diberi peluang dan amanah itu. Bersyukurlah kepada Allah yang maha pemuah dan maha adil. Sepanjang waktu itu, sebagai manusia biasa Mahathir janganlah menafikan ada membuat silap. Kadang-kadang dia tersilap menunjukkan sifat dan sikapnya yang degil. Ada tempat-tempatnya memang baguslah dia berdegil, macam dalam projek membuat kereta nasional Proton Saga itu. Tetapi dalam beberapa perkara berhubung dengan agama Islam, Mahathir sepatutnya menunjukkan sikap menghormati alim ulama. Janganlah dengan alim ulama pun nak tunjukkan degil, nak tunjukkan kita lebih betul daripada mereka dan mereka itu kolot dan sebagainya. Itu sudah tergelincir.

Begitu juga dengan kes terhadap bahasa Melayu. Nak suruh rakyat belajar bahasa Inggeris pun janganlah sampai menghina bahasa Melayu dan orang-orang yang memperjuangkan bahasa Melayu. Dan kalau hendak memajukan ekonomi pun janganlah sampai

akhlak anak-anak muda dibiarkan ikut jadi apa nak jadi asalkan industri hiburan maju, industri pelancongan maju dan sebagainya. Itu pun dah tergelincir tu.

Maka apabila Perdana Menteri yang saya kagumi itu tiba-tiba menjadi umpama harimau garang yang ditembak dan dilukakan lalu dikurung di dalam kandang dan ditikam dengan soalan-soalan yang sengaja menyakitkan hatinya, saya hanya mampu bersimpati. Tidak dapat membantu apa-apa walaupun hati teringin sangat hendak membantu.

Soalan-soalan yang ditujukan oleh *Time* kepada Mahathir bukan sahaja provokatif, malah kasar dan sarkastik. Dan Mahathir pun seperti biasa, tetap menyalahkan pedagang matawang dari Barat.

“Kebolehan mereka menjatuhkan matawang begitu sekali hingga kami tak boleh buat apa-apa untuk memulihkan keadaan,” katanya.

Begitu sekali berkuasanya pedagang matawang yang digambarkan Mahathir. Hingga dia pun tak boleh buat apa-apa. (Betulkah sampai begitu?) Dan Mahathir mengaku: “Kami hidup dalam ketakutan.”

Menceritakan situasi Malaysia yang dalam ketakutan itu Mahathir berkata: “Dalam satu kes di sebuah negara mereka boleh turunkan nilai matawangnya sehingga 600 peratus. Negara kami hanya 50 peratus, masih panjang perjalanan ke tahap itu. Jika itulah cara mereka membuat wang, mereka akan melakukannya.”

Selepas itu *Time* mengemukakan satu soalan panjang: “Mengapa orang melihat apa yang anda cakap dan apa yang Menteri Kewangan cakap begitu berbeza? Contohnya dalam satu ucapan di depan Majlis

Perhubungan Luar Amerika Syarikat, Anwar bercakap mengenai ‘kemusnahan kreatif’ (*creative destruction*), bermaksud mungkin inilah peluang untuk memperbaiki ekonomi. Anda pula berkata ‘kami hidup dalam ketakutan’. Nampak seperti pendekatan yang berbeza.”

Mahathir menjawab: “Dia pun tahu takut. Tetapi dia fikir dia perlu sembunyikan perasaannya, untuk bercakap perkara yang dianggap betul. Anda pun kenal saya, saya selalu berterus terang. Itulah perbezaan antara dia dan saya. Tetapi pada dasarnya idea kami sama sahaja.”

Mahathir selalu menekankan perihal itu. Bahawa antara dia dan Anwar sama sahaja. Tak ada beza. Sedangkan orang memang nampak perbezaan antara mereka begitu jelas.

Anwar mengambil pendekatan yang jelas positif, manakala Mahathir tidak demikian. Mahathir melihat kegawatan telah memusnahkan seluruh usaha pembangunan negara selama 40 tahun, manakala Anwar melihatnya sebagai satu peluang untuk membina sistem baru yang lebih kukuh. Kegawatan menyebabkan Mahathir hidup dalam ketakutan, tetapi kegawatan memberi rangsangan kepada Anwar untuk membangunkan sistem baru yang lebih baik. Mahathir meratapi kekayaan yang hilang, sebaliknya Anwar mengalu-alukan kedatangan yang baru.

Tidakkah itu cukup jelas berbeza? Kenapa hendak dinafikan? Anwar bercakap tentang kemusnahan kreatif itu sewaktu dia di Amerika, dan kemudian mengulanginya lagi di Kuala Lumpur. Sewaktu merasmikan

seminar pengurusan perakaunan di Kuala Lumpur pada 13 Julai 1998, pun Anwar terus menekankan pendekatan positif dan kreatifnya itu. Barangkali - seperti juga dengan Profesor Barjoyai Bardai - Anwar pun sudah menjangkakan dan menantikan berlakunya kegawatan, dan sudahpun bersedia untuk membuat pelancaran baru.

Melihatnya dari aspek lain, Anwar boleh bersikap demikian kerana dia tidak mempunyai ikatan sentimen sekuat yang dirasakan oleh Mahathir terhadap kejayaan-kejayaan ekonomi negara yang telah musnah. Anwar boleh meletakkan dirinya terpisah daripada reruntuhan ekonomi itu, untuk melihatnya secara positif bagi menjadikannya titik tolak untuk memulakan satu usaha baru.

Hal yang demikian tidak mungkin bagi Mahathir, kerana reruntuhan itu adalah sebahagian daripada dirinya. Ditambah pula dengan terlibatnya anak sendiri di dalam kancah kegawatan itu. Dia tidak mungkin melupakannya. Reruntuhan dari kejayaan-kejayaannya yang musnah itu asyik datang menjelma dalam fikiran dan perasaannya. Oleh itu dia sentiasa berada dalam ketakutan.

Inilah masalah dalaman diri Mahathir. Dia terlalu obses dengan kejayaan ekonominya yang hilang lesap dalam sekelip mata. Dia tidak dapat menerima hakikat itu. Oleh yang demikian dia selalu menyebutnya di mana-mana. Umpama orang bercinta - asyik dan maksiyuk atau Laila dan Majnun - yang tiba-tiba kehilangan kekasih dan dia tak boleh melupakan kekasihnya itu, maka dia akan menceritakan perihal cantik

dan baiknya kekasihnya itu kepada sesiapa sahaja yang ditemuinya.

Mahathir pun lebih kurang begitulah ibaratnya, walaupun sebenarnya tidak begitu. Asyik meratapi kehilangan kekasihnya, iaitu kejayaan ekonominya yang pernah dipuji dan disanjung orang. Dia juga sentiasa diganggu oleh bayang-bayang spekulator yang disifatkannya sebagai penyangak, yang telah merampas kekasihnya. Maka kepada majalah *Time* pun disebutkan juga hal yang selalu disebut-sebutnya di mana-mana itu. Katanya:

“Anda tahu negara-negara Asia Tenggara mengambil masa 40 tahun membangunkan ekonomi mereka. Dan dalam tempoh dua bulan, hanya dengan menjatuhkan nilai matawang mereka, mereka kini menjadi miskin. 20 juta rakyat Indonesia kini tidak ada pekerjaan. Dunia sepatutnya bersimpati dengan nasib mereka, tetapi dunia hanya berkata, ‘Ah, mereka itu teruk.’ Memang, saya tidak berkata kami bebas daripada rasuah, kronisme dan nepotisme yang dituduhkan ke atas kami. Tetapi anda tidak dapat menafikan negara-negara Asia Tenggara mampu membangun dengan cara mereka sendiri, menggunakan dasar-dasar yang membolehkan mereka maju. Berapa banyak negara lain mampu mencapai pertumbuhan seperti ini? Sekarang anda dapati negara-negara yang tidak berkembang sama sekali itu bebas pula daripada serangan seperti ini. Kenapa kami diserang?”

Dalam meratap-ratap itu Mahathir mengaku, “Memang, saya tidak berkata kami bebas daripada rasuah, kronisme dan nepotisme yang dituduhkan ke

atas kami. Tetapi anda tidak dapat menafikan negara-negara Asia Tenggara mampu membangun dengan cara mereka sendiri.”

Ketika menjawab soalan lain, Mahathir mengaku lagi: “Kalaupun anda dibuang kerja dan anda tidak punya wang untuk membeli makanan dan ubat. Tetapi apa yang dunia buat? Mereka kata, ‘Ah, mereka itu tak boleh diperbaiki lagi. Mereka ambil wang dan berikan kepada keluarga mereka.’ Tetapi mereka pernah ambil wang dan berikan kepada keluarga mereka sebelum ini, tetapi rakyat semua bekerja. Sekarang rakyat tidak bekerja.”

Itulah dia. Bagi Mahathir, rasuah, kronisme, nepotisme dan ambil wang beri kepada keluarga sendiri, itu semua perkara kecil dan tak jadi hal asalkan negara boleh buat banyak duit, ekonomi semakin maju dan rakyat ada kerja. Dia marahkan kuasa Barat kerana menyebabkan berlaku kegawatan ekonomi dan ramai orang hilang pekerjaan. Bila dituduh pemimpin negara mengambil wang untuk keluarga sendiri, Mahathir hanya menjawab, “mereka pernah ambil wang dan berikan kepada keluarga mereka sebelum ini, tetapi rakyat semua bekerja.”

Maksudnya tidak mengapa, salahgunakan kuasa dan rasuah tidak mengapa. Perbuatan itu tidak salah. Dulu lagi mereka sudah lakukan perbuatan macam itu dan ekonomi negara mencapai pertumbuhan yang tinggi, dan semua rakyat mempunyai pekerjaan. Tidak mengapa, asalkan pertumbuhan ekonomi mencapai lapan peratus ke atas.

Soal lain semuanya perkara kecil sahaja. Nepotis-

mekah, kronismekah, rasuahkah, itu semua soal kecil yang boleh dibereskan dengan tidak banyak masalah. Soal yang besar ialah memajukan ekonomi. Asalkan ekonomi maju, apa pun tak mengapa.

Ai! Tak kan macam tu kot...!

Maka sampai di satu peringkat dalam soal jawab dengan majalah *Time* itu, Mahathir kelihatan benar-benar tidak dapat mengawal perasaannya lagi. (Saya salinkan bahagian itu dalam bab selepas ini). Tidak seperti dulu-dulu, dia sangat pintar menghadapi apa jua bentuk soalan yang diajukan oleh para wartawan antarabangsa kepadanya.

Saya cukup suka mengikutinya. Dulu, Mahathir ada seni tersendiri dalam menjawab soalan-soalan pemberita. Datanglah bagaimana pun soalan, Mahathir pasti menjawabnya dengan cara yang cukup menarik.

Tetapi hal yang begitu nampaknya sudah pun berlalu.



“Berani kamu
cakap benda-benda ni!
Dia beli syarikat-syarikat
di Hong Kong. Apakah anda
fikir saya ada pengaruh
di Hong Kong? Dia juga
beli syarikat-syarikat
di Jerman. Apakah anda
fikir saya ada pengaruh
di Jerman?”

8

"How Dare You Say ..."

Berani Kamu!

SATU hal yang menarik diperhatikan ialah cara bagaimana Mahathir menyambut salah satu soalan pemberita majalah *Time*. Mereka belum habis lagi bertanya. Mereka baru berkata: "Kami ada satu soalan yang tidak akan menggembirakan anda...", Mahathir terus jawab: "Saya tahu, mengenai anak saya...."

(Kalau betul demikian - maksudnya tidak terjadi demikian itu kerana sengaja diedit jadi begitu)... tidakkah itu sangat jelas menggambarkan betapa keadaan minda Mahathir begitu terganggu? Terganggu disebabkan oleh keterlibatan anaknya sendiri di dalam bisnes.

Sama ada betul atau tidak Mahathir terbabit sama dalam urusan bisnes anaknya, atau sama ada betul atau tidak anak dia dipercayai oleh bank untuk diberi pinja-

man sebanyak US\$250 juta itu kerana dia anak Perdana Menteri - ternyata minda dan konsentrasi Mahathir memang terganggu kerana hal anaknya itu.

Maka itulah sebabnya orang kata anak Perdana Menteri seelok-eloknya tak usahlah berniaga besar-besar begitu. Hakikatnya kita anak beranak... nak kata kita tak terlibat, macam mana? Memang tak boleh elak. Mahu tak mahu pun mesti turut terheret terlibat juga.

Maka berikut ini diperturunkan bahagian akhir interviu majalah *Time* (15-6-98) dengan Mahathir, yang diterjemahkan dari versi Internet:

Kami ada satu soalan yang tidak akan mengembirakan anda....

Saya tahu, mengenai anak saya. Memang tidak ada apa yang boleh saya kata untuk hilangkan itu. Kerana orang sudah bersungguh mengatakan saya menolong anak saya. Jadi apa gunanya mencuba untuk berkata lain daripada itu. Ia akan terus diperkatakan, seperti juga soal Yahudi itu. Tidak kiralah walau macam manapun saya cuba menjelaskannya, mereka akan bercakap sama juga.

Hakikatnya saya cukup bertegas dalam hal ini. Saya telah halang anak-anak saya daripada terlibat dalam politik. Saya telah halang mereka daripada terlibat dalam kerajaan. Saya halang mereka daripada menjalankan perniagaan dengan kerajaan. Tetapi secara kebetulan firma perkapalan (syarikat Mirzan Mahathir yang telah diselamatkan) itu kepunyaan sebuah syarikat kerajaan. Itu bukan salah saya. Saya tidak mem-

buat sebarang keputusan. Terpulang kepada mereka apa yang mereka hendak lakukan. Adakah saya berka-ta kerana dia anak saya, maka kamu patut (tolong dia)? Dia juga seorang peniaga. Saya tidak ada suara dalam hal ini, saya tidak campur dalam hal ini.

Tetapi tidak mungkin dia boleh meminjam AS\$250 juta untuk membeli syarikat itu pada mulanya kalau dia bukan anak anda. Pemilik bank tempatan tidak mungkin meminjamkannya wang sebanyak itu.

Berani kamu cakap benda-benda ni! (*How dare you say these things!*) Dia beli syarikat-syarikat di Hong Kong. Apakah anda fikir saya ada pengaruh di Hong Kong? Dia juga beli syarikat-syarikat di Jerman. Apakah anda fikir saya ada pengaruh di Jerman?

Anda boleh mempengaruhi pemilik bank tem-patan.

Anda membuat andaian bahawa kerana saya seorang Perdana Menteri, jadi saya mestilah telah menggunakan kuasa saya. Ini sebabnya saya kata tidak ada gunanya menjawab soalan-soalan anda. Kerana anda telah tetapkan dalam fikiran anda bahawa orang ini mesti korup, dia mesti telah menolong anaknya.

Jurang perbezaan antara anda dan Menteri Kewa-ngan anda semakin melebar beberapa tahun kebelakangan....

Perlukah saya mencium dia di jalan sehingga orang berhenti menuduh kami bergaduh? Kami sesuai bersama, kami duduk bersama, kami mengurus negara

ini bersama-sama. Saya fikir Anwar adalah seorang timbalan yang paling kerap merujuk kepada saya - saya tak mahu kata rapat dengan saya, sebab orang tidak akan percaya. Setiap pagi, malah sebelum timbulnya krisis, kami duduk dan berbincang mengenai pelbagai masalah. Sekarang kerana kami mempunyai MTEN, kami duduk berbincang bersama Daim, kerana Daim berpengalaman sebagai Menteri Kewangan ketika krisis 1985-86.

Saya tidak faham mengapa orang mengatakan kami ada pergeseran. Pandangan orang itu salah. Dia tinggal sebelah rumah saya. Isteri saya dan isteri dia kawan rapat. Dari segi politik kami melihat dari sudut yang sama. Saya yang membawa dia masuk parti. Saya mengaku kami ada juga beberapa perbezaan, tetapi akhirnya tercapai satu pandangan bersama. Kadang-kadang pandangan dia, kadang-kadang pandangan saya.

Tetapi tidakkah merisaukan anda apabila setengah orang berkata Menteri Kewangan memahami ekonomi global, sementara anda kelihatan dalam keadaan terus menafikan?

Saya tidak kata saya pakar dalam ekonomi pasaran. Tetapi saya rasa tidak semua perkara dalam ekonomi pasaran itu betul. Dan saya fikir orang menggunakan ekonomi pasaran untuk mendapatkan faedah yang lebih bagi diri mereka sendiri. Saya telah menerajui negara ini selama 17 tahun, tidak mungkin tidak memahami apa-apa tentang ekonomi. Jika anda mengimbas pada perubahan-perubahan yang berlaku

dalam negara ini selepas saya mengambil alih, semuanya bersifat ekonomi. Itulah puncanya kami berkembang pesat. Kami fikir idea Persyarikatan Jepun, yang mungkin tidak digemari pihak lain, adalah satu perkara yang baik, kerana kita patut bekerjasama dengan sektor swasta bagi membangunkan negara.

Bagaimana kehidupan peribadi anda berubah sejak krisis?

Saya terpaksa bekerja lebih kuat. Saya terpaksa membaca lebih banyak, cuba memahami kuasa pasaran yang sangat rumit ini, yang dikatakan hendak mendisiplinkan saya. Saya rasa saya belum lagi didisiplinkan, kerana saya masih bercakap perkara-perkara yang (dianggap) salah. Itu tidak bermakna saya akan mengikut apa yang mereka suruh. Saya akan buat perkara-perkara yang baik untuk negara saya. Itu saja.

“Kalau ada
tanda-tanda ekonomi
akan meruap pun, mereka
tak ambil endah....

Pihak kita sendiri pun
begitu juga. Walaupun sejak
dulu lagi ahli-ahli ekonomi
mengatakan kemungkinan
ekonomi kita berlaku *overheating*,
pendapat demikian
dianggap sumbang. Malah
ada yang mengatakan
anti-nasional.”

9

Swasta Punya Hal, Seluruh Rakyat Kena Tanggung

MASALAH sekarang ini bukan masalah sektor awam, tetapi masalah sektor swasta. Puncanya daripada sektor swasta. Mereka banyak meminjam daripada luar negeri, dan menggunakannya untuk sektor yang tidak produktif.”

Ini pendapat Timbalan Pengarah MIER (Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia), Dr Mohd Haflah Piei. “Dalam beberapa tahun yang lepas,” katanya, “kerajaan tidak meminjam dari luar. Malah kita bayar balik pinjaman luar lebih awal. Ini pengajaran dari kemelesetan 1985. Tahun 1985 kerajaan banyak meminjam. Jadi untuk mengatasi kemelesetan itu kita buat penswastaan.”

Pendapat ini disetujui oleh seorang lagi pakar ekonomi kita, Dr Ismail Mohd Salleh, bekas Timbalan Ketua Pengarah ISIS (Institut Strategik dan Kajian

Antarabangsa), yang kini menjadi Ketua Eksekutif L&G-Twintech Sdn Bhd dan Presiden L&G Twintech Institute of Technology.

Mengikut Dr Ismail Mohd Salleh, kemelesetan 1985 adalah disebabkan oleh sektor awam, yang meminjam begitu banyak, (di samping beberapa faktor lain). “Oleh yang demikian pada 1987 kita ubah haluan, kita jadikan sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan, dan kita juga mengadakan banyak program penswastaan, terutamanya dalam sektor infrastruktur. Ini juga bertujuan untuk memindahkan risiko pinjaman awam kepada sektor swasta.”

Tetapi malangnya, kata Dr Ismail, sektor swasta masih lagi banyak ikatannya dengan sektor awam. “Jadi, dalam keadaan kegawatan sekarang kita dapati sungguhpun sektor swasta yang menghadapi masalah hutang, tetapi bebanannya masih lagi dipegang dan ditanggung oleh sektor awam. Kita belum dapat memisahkan sektor swasta dengan sektor awam.”

Inilah masalahnya. Segelintir orang kaya tokoh swasta yang buat hal, seluruh rakyat kena tanggung balanya. Mereka yang banyak meminjam di luar negeri, dan juga di dalam negeri, untuk menjalankan pelbagai macam projek yang oleh ahli-ahli ekonomi disifatkan sebagai terlebih daripada kemampuan yang boleh ditampung oleh sumber negara ini. Mereka juga yang banyak bermain di pasaran saham, mengaut keuntungan berjuta-juta sewaktu pasaran sedang menguntungkan.

Hal ini semua tidak mahu diakui oleh Dr Mahathir sekarang. Sedangkan di waktu pasaran saham sedang

meningkat harganya gila-gila tak lama dulu, Mahathir sendiri pernah menegur bahawa harga-harga saham telah meningkat ke tahap yang tidak munasabah, melebihi nilai aset sebenar syarikat. Pada waktu itu ramai orang menjadi jutawan, dan yang jutawan pula menjadi bertambah-tambah kaya dan mewah. Bank-bank pun mudah memberi pinjaman kepada orang-orang tertentu untuk mengaut duit di pasaran saham. Siapakah orang-orang tersebut?

Kawan-kawan saya banyak yang menjadi kaya-raya beberapa tahun lalu, bukan kerana untung dalam perniagaan, tetapi kerana untung bermain saham. Dengan menggunakan saham-saham yang sedang tinggi nilainya itu sebagai koleteral pula, mereka meminjam lagi wang dari bank. Sama ada untuk berniaga atau tujuan lain.

Bayangkanlah kekayaan yang melimpah-limpah waktu itu hasil daripada pasaran saham. Apakah kekayaan itu yang dimaksudkan sebahagian daripada fundamental ekonomi kita yang kukuh itu?

Biarlah kita bincangkan perkara itu dalam kesempatan lain. Sekarang mari kita kembali kepada Dr Ismail dan Dr Haflah.

“Hanya kerajaan atau sektor awam sahaja yang boleh mencetuskan semula pertumbuhan,” kata Dr Haflah. “Itu sebabnya kerajaan telah membuat beberapa rangsangan fiskal. Pertama sekali, Timbalan Perdana Menteri mengumumkan Belanjawan Tambahan sebanyak RM7 bilion. Kemudian ditambah dengan Dana Infrastruktur RM5 bilion, dana untuk Industri Kecil dan Sederhana RM1.5 bilion, Dana Untuk

Makanan, dan sebagainya. Semuanya kira-kira RM20 bilion. Itu tidak termasuk suntikan ke dalam sistem perbankan apabila Keperluan Rizab Berkanun (SRR) diturunkan daripada 10 peratus kepada 8 peratus, yang bernilai kira-kira RM8 bilion.”

Kerajaan juga telah mengumumkan penubuhan syarikat Danaharta dan Danamodal, dengan dana masing-masing berjumlah RM25 bilion dan RM16 bilion. Untuk apa? Tiada lain melainkan untuk membantu sektor swasta.

(Saya terfikir, sekiranya kerajaan benar-benar serius hendak memajukan sistem kewangan Islam, maka dana sebanyak itu disalurkan secara sistem Islam, tentulah sistem kewangan Islam boleh dimajukan.)

Dr Ismail pula mencadangkan: “Kita perlu melihat semula sama ada kita hendak memberi penekanan kepada satu sektor ini atau sektor itu, dalam menjana pertumbuhan ekonomi. Mungkin kita perlu balik semula kepada konsep keseimbangan, dimana kedua-dua sektor awam dan sektor swasta memainkan peranan masing-masing. Kita tak boleh letak satu lebih dan satu kurang. Masing-masing mempunyai tugas-tugasnya, yang perlu kita kaji semula untuk keseimbangan itu.”

Maksudnya, terlalu sangat memberi kepercayaan dan keutamaan kepada sektor swasta bukanlah satu dasar yang baik. Lihatlah kepada apa yang berlaku sekarang. Apabila sektor swasta menghadapi masalah, kerajaan juga yang terpaksa membantu mereka. Namun Mahathir masih juga berkata bahawa sumber

kewangan kerajaan adalah bergantung kepada cukai dari sektor swasta.

Sejauh manakah sahiknya dakwaan Mahathir itu? Memang kerajaan selama ini banyak menerima sumbangan cukai dari sektor swasta. Tidak dinafikan. Tetapi sebagai satu dasar kerajaan, tentulah tidak bijak kerajaan bergantung sumber kewangannya kepada cukai sektor swasta sahaja. Sekolah-olah orang swasta pula lebih berkuasa daripada orang kerajaan.

Maka tidak hairanlah Timbalan Perdana Menteri mengkritik dan mengecam gelagat tokoh-tokoh swasta tertentu, yang katanya: "Dalam zaman mewah mereka mahu membolot segala habuan. Tatkala kita berdepan dengan kesusahan mereka mahukan mereka dibantu dengan segera, terlebih dahulu dari yang lain dan dengan apa cara sekalipun. Bahkan mereka mengger-tak sesiapa saja termasuk institusi-institusi kerajaan agar memberikan keutamaan terhadap menyelesaikan masalah mereka. Mereka ini merasakan diri mereka sebagai anak emas, perlu sentiasa ditatang, kemahuan mereka mesti dilayan, martabat mereka lebih tinggi daripada seluruh rakyat jelata yang lain."

Itulah dia hasil daripada dasar yang lahir dari Formula Mahathir. Tokoh-tokoh swasta jadi "mua", kata orang Kedah. Maka apabila tiba zaman kesukaran seperti ini tahulah kita siapa yang selama ini membantu siapa? Dan siapa yang sebenarnya dibantu, bukannya membantu, seperti yang kita difahamkan selama ini.

Seerti kata Dr Ismail, "dalam keadaan kegawatan sekarang kita dapati sungguhpun sektor swasta yang

menghadapi masalah hutang, tetapi bebanannya masih lagi dipegang dan ditanggung oleh sektor awam.”

Dalam pertemuan dengannya di pejabatnya pada 11 Ogos 1998 itu saya bertanya Dr Ismail, bolehkah kita longgarkan hubungan kerajaan dengan swasta yang terlalu rapat itu, dalam konteks ekonomi dan politik negara kita?

“Ia perlu dilakukan,” jawabnya tegas. “Kita perlu memperbaiki *corporate governance*, supaya sektor korporat atau swasta benar-benar boleh mengambil risikonya. Dalam mengurus aktiviti mereka, mereka mestilah berpandu kepada kenyataan bahawa mereka mengambil risiko. Ini adalah satu kaedah untuk menjamin supaya satu-satu perkara itu diurus dengan cara yang betul. Kalau mereka fikir risiko itu dapat dipindahkan kepada orang lain, kadangkala mereka tidak begitu kritikal sangat dalam membuat keputusan, kerana memikirkan bahawa orang lain boleh menanggung risiko itu.”

Demikian itulah pun yang telah berlaku. Orang-orang tertentu yang termasuk dalam golongan PMBM (rujuk bab 3) berani membuat pinjaman beratus juta atau berbilion ringgit, dan menjalankan projek-projek besar (sambil mereka sendiri menikmati kehidupan mewah dan membazir), bukannya kerana apa. Tidak lain kerana mereka tahu akhirnya risiko mereka itu akan dapat dipindahkan kepada orang lain, iaitu pihak kerajaan.

Inilah yang berlaku sekarang. Risiko swasta dipindahkan kepada kerajaan. Apakah ertinya? Rakyatlah akhirnya yang terpaksa menanggung bebanan. Tak

pasal-pasal! Orang lain yang menikmati kemewahan, orang lain pula yang terpaksa menanggung deritanya. Dana berpuluh bilion ringgit diwujudkan untuk membantu swasta dan orang-orang kaya, sedangkan rakyat yang miskin diminta supaya memberi sumbangan pula kepada Dana Khas Negara dan sebagainya. Terbalik kot!

Dengan menyatakan pendapat seperti di atas itu, tentulah kita sudah tahu bahawa kedua-dua pakar ekonomi ini pun tidak bersetuju dengan pendapat yang mengatakan kegawatan ekonomi yang melanda negara kita ini disebabkan semata-mata oleh spekulator matawang dari Barat.

Dalam konteks ini Dr Ismail Salleh menjelaskan bahawa kita sekarang telah memasuki era liberalisasi ekonomi. Salah satu cirinya ialah pergerakan modal yang bebas, yang telah melahirkan dunia tanpa sempadan. Modal-modal itu kebanyakannya berupa dana-dana pencen di Amerika dan Eropah.

"Pergerakan modal ini," terangnya, "sentiasa mencari di mana tempat yang mereka boleh buat untung banyak, di manakah tempat yang *they can best take advantage of*. Pada masa itu ialah di Asia. Mereka pun datang ke Asia, dan mereka tahu terdapat pula beberapa kelemahan dari segi dalaman negara-negara Asia ini.

"Pertama, kebanyakan negara-negara ini - Thailand, Indonesia, Malaysia, malah Filipina juga - menghadapi defisit akaun semasa yang tinggi. Kedua, kebanyakannya mempunyai pinjaman yang tertumpu kepada sektor hartanah. Ketiga, kebanyakan wang itu

masuk ke sektor pasaran saham, bukan dalam sektor yang *real*. Keadaan itu semua memberi peluang kepada manipulator. Mereka masuk dengan membawa wang panas, untuk mengambil peluang dari keadaan tadi, dan mereka boleh tarik keluar wang itu dengan cepat, untuk mendapatkan pulangan yang mereka kehendaki. Itu yang menyebabkan matawang merudum.”

Nyatalah bahawa pengurus-pengurus dana asing itu, ataupun para spekulator matawang dan pasaran saham itu, sentiasa mencari di manakah tempat yang mereka boleh buat untung banyak. Mereka “menyerang” Thailand, Indonesia dan Malaysia kerana mereka mendapat tahu dalam ekonomi negara-negara ini terdapat beberapa kelemahan.

Sebagai seorang pakar dalam bidang ekonomi makro dan fiskal, Dr Ismail Salleh memerhatikan yang ekonomi Malaysia telah berkembang lebih pesat daripada sepatutnya. Pengurusan ekonomi makro kita telah dipecut terlalu laju hingga melebihi keupayaan sebenar sumber ekonomi yang dimiliki oleh negara.

“Lebih kurang setahun setengah sebelum berlakunya kegawatan,” katanya, “terdapat beberapa tanda yang menunjukkan ekonomi kita bergerak begitu pantas, sehinggakan ia menampakkan tanda-tanda yang ekonomi mungkin menghadapi masalah.”

Beliau menjelaskan lagi: “Dalam tahun 1995-96 kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran telah menjadi begitu buruk. Pada tahun 1995 defisitnya hampir 10 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). Pada masa yang sama keadaan arah aliran upah kita pun meningkat lebih tinggi berbanding

dengan produktiviti. Ciri-ciri ini menampakkan yang ekonomi kita berada dalam keadaan meruap (*over-heating*). Tetapi kita tidak begitu bersedia sangat dari segi dasar untuk mengatasi masalah itu.”

Pendapat Dr Ismail itu disokong oleh kajian MIER, yang mendapati sejak 1991 pertumbuhan ekonomi Malaysia berlaku lebih pesat daripada potensi sumbernya. Ertinya kita berkembang lebih daripada sumber yang kita miliki. Pada tahun 1996 pertumbuhan benar (*real GDP*) ekonomi Malaysia mengatasi output potensinya sebanyak 6-10 peratus. Keadaan ini telah menimbulkan tekanan harga, terutamanya dalam bentuk peningkatan upah yang mengatasi produktiviti.

Keadaan itu dijelaskan oleh Dr Mohd Hafilah seperti berikut: “Wujud keadaan kekurangan dari segi sumber tenaga buruh, untuk menyokong pertumbuhan yang pesat itu. Jadi, kadar upah pun meningkat, dan berlaku *over-stretch* dalam infrastruktur - kekurangan api, air, pengangkutan dan sebagainya. Walaupun kadar inflasi tidak meningkat dengan ketara, tetapi wujud tekanan ke atas harga yang kalau tidak dikawal akan menyebabkan inflasi yang tinggi.

“Tidak semestinya harga CPI atau IHP (Indeks Harga Pengguna) sahaja yang naik. Kita ada banyak harga. Selain CPI kita juga ada Indeks Harga Penge-luar. Kadar tukaran asing pula ialah harga ringgit kita. Juga mulai meningkat. Apabila nilai ringgit meningkat, harga eksport kita juga meningkat. Apabila harga eksport meningkat, daya saing kita pula merosot. Ia berkait-kait. Dan selain itu, kadar bunga juga adalah harga.”

Di samping itu ekonomi kita juga menunjukkan tanda-tanda yang semakin tidak cekap. Ada dua indikator yang digunakan untuk menilai kecekapan ekonomi. Pertama, *Total Factor Productivity* (TFP), dan satu lagi, *Incremental Capital Output Ratio* (ICOR).

“Akhir-akhir ini belaku kemerosotan dalam TFP kita,” kata Mohd Haflah. “Malah 1997 TFP kita menjadi negatif, menunjukkan ekonomi kita semakin kurang cekap. Manakala ICOR kita pula semakin meningkat. Ertinya, untuk mengeluarkan satu unit barangan kita memerlukan tambahan modal yang banyak. Sepatutnya semakin lama semakin kurang modal yang diperlukan bagi mengeluarkan satu unit barangan, kerana kita menjadi semakin cekap. Itu menunjukkan ketidak-cekapan.”

Apa yang menyebabkan berlaku begitu? Pertama, buruh kita masih di tahap yang lama. Walaupun banyak usaha pembangunan sumber manusia dilakukan, tetapi masih banyak lagi yang perlu dilakukan. Sebahagian besar kemahiran yang diperlukan belum ada.

“Teknologi kita berkembang amat perlahan,” kata Haflah lagi. “Proses pemindahan teknologi tidak berlaku seperti yang diharapkan. Sektor perkilangan kita masih banyak mengeksport barangan berdasarkan OEM - *Original Export Manufacturers*, iaitu barangan yang *design* dan teknik pengeluarannya masih berasal dari luar, khasnya Jepun. Sepatutnya kita bergerak kepada ODM (*Own Design Manufacturers*) dan seterusnya OBD (*Own Brand Design*).”

Dr Mohd Haflah membahagikan punca-punca kegawatan ekonomi kepada dua kategori. Pertama,

punca yang mencetuskan kegawatan. Kedua, punca yang disebabkan oleh wujudnya kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan dasar-dasar ekonomi kita, sama ada yang kita sedari atau tidak sedari.

“Sewaktu ia mula berlaku dulu saya ingat sekejap saja. Paling lama pun enam bulan,” katanya.

“Kenapa kegawatan ini jadi berpanjangan, sehingga lebih daripada setahun pun belum berakhir lagi?”

“Setelah berlaku krisis,” jelas Mohd Hafiah, “pelabur-pelabur asing mula mengkaji semula kedudukan ekonomi kita. Dulu, waktu kita mewah dulu mereka tak peduli, mereka tak kesah sangat tentang risiko, sebab mereka lihat ekonomi kita berkembang pesat. Mereka tak buat pun analisa risiko. Mereka curahkan saja dana-dana ke sini. Pada masa tersebut kalau mereka lihat kelemahan dalam ekonomi kita pun mereka tak ambil endah sangat.”


“Waktu itu yang banyak ialah pujian,” kata saya.

“Ya, sampai mereka panggil *miracle*. Ajaib. Bukan senang nak dapat panggilan begitu. Kebetulan pula negara-negara yang ajaib itu berada berdekatan di rantau yang sama. Jadi, kalau ada sedikit kelemahan dan ketidak-cekapan di sana sini, ataupun kalau ada tanda-tanda ekonomi akan meruap pun, mereka tak ambil endah. Mereka menjangkakan pertumbuhan pesat ini berterusan, dan mereka pun menuai pada masa itu.

“Pihak kita sendiri pun begitu juga. Walaupun sejak dulu lagi ahli-ahli ekonomi mengatakan kemungkinan ekonomi kita berlaku *overheating*, pada masa itu pendapat demikian dianggap sumbang. Malah ada yang mengatakan anti-nasional.”

Dalam sektor kewangan dan perbankan pula, pertumbuhan kredit kita berkembang dengan amat pesat. Dan yang memburukkan lagi sebahagian besar kredit tersebut disalurkan kepada sektor-sektor yang kurang produktif, seperti sektor hartanah dan saham, (kira-kira 40 peratus).

Ini diakui sendiri oleh Bank Negara. Pada bulan April 1997 Bank Negara mengambil langkah-langkah untuk mengawal kredit, tetapi sudah terlewat.



“Tengoklah masa
kita ikut rombongan dia
ke Afrika Selatan, bukan main
lagi dia disanjung. Dulu dia cuba
konfrantasi dengan Keating,
dia menang. Dia cuba
lawan dengan akhbar di
London, dia menang. Apalagi,
dia dah rasa terlalu berkuasalah.
Sekarang ni barulah
nak bertemu buku
dengan ruas.”

10

Strategi Mahathir Menentang Soros (Catatan 1)

SAYA seorang yang sangat meminati Dr Mahathir. Dalam beberapa situasi saya melihat Mahathir seorang yang sangat bijak menyusun strategi bagi menghadapi serangan pihak-pihak tertentu. Contohnya seperti yang telah kita lihat bagaimana dia berjaya memenangi serangan pihak NGO (badan bukan kerajaan) dunia mengenai alam sekitar, di Sidang Puncak Bumi, di Rio de Janeiro; penentangannya terhadap percubaan Amerika hendak menguasai ekonomi negara-negara Asia Timur melalui sidang tidak rasmi ketua-ketua negara APEC; dan konfrantasi dengan media Britain berhubung dengan tuduhan rasuah terhadapnya.

Berdasarkan peristiwa-peristiwa seperti itu, maka apabila tercetus konfrantasi Mahathir dengan George Soros, saya sangat berminat mengikuti bagaimana

strategi Mahathir untuk memenangi konfrantasi tersebut. Dengan tujuan itu saya telah menulis beberapa catatan pada akhir Ogos hingga awal September 1997. Saya kira catatan tersebut sangat sesuai untuk dibaca semula dalam konteks buku ini.

Saya mula menulis catatan ini pada 28 Ogos, iaitu setelah melihat kejatuhan luar biasa dalam pasaran saham BSKL. Catatan awal ini agak panjang, kerana sebagai memulakan catatan bagi peristiwa yang telah berlaku selama lebih sebulan, saya tidak sekadar mencatatkan peristiwa hari tersebut, tetapi turut membuat rumusan bagi hari-hari sebelumnya juga. Dan kadangkadangkad berbaaur pula dengan unsur cereka.

Catatan ini ditulis oleh orang yang percaya bahawa Mahathir selalu mempunyai cara dan strategi tersendiri untuk menyelesaikan masalah. Memang saya percaya begitu waktu itu. Dan untuk itulah saya menulis catatan ini:

Khamis 28 Ogos 1997:

Harga-harga terus berjatuhan di BSKL. Begitu cepat sekali. Apakah ini yang dikatakan "Kuasa Pasaran" (*Market Forces*)? Siapakah yang membelinya? Siapakah yang punyai wang sebanyak itu? Kenapakah pula mereka menjualnya hingga harga-harga berjatuhan begitu deras seolah-olah ada suatu perlumbaan?

Dalam beberapa hari sahaja Indeks Komposit terus meluncur jatuh hingga ke paras 777.9 mata. Sesuatu yang sukar untuk dipercayai. Tetapi inilah yang sedang berlaku. Percaya atau tidak, sesuatu yang luar biasa sedang menyerang Kuala Lumpur.

Ringgit juga semalam jatuh ke paras paling rendah dalam sejarahnya, iaitu RM2.82 bagi US\$1. Berbanding dengan dolar Singapura juga ia mencapai paras terendah sejak diapungkan pada nilai yang sama dengan dolar Singapura dan Brunei pada tahun 1973. Semalam nilainya RM1.88 bagi satu dolar Singapura.

Mahathir melihat perubahan nilai ringgit dan saham syarikat-syarikat negaranya dengan penuh rasa marah dan geram. Dia tahu apabila dia membuat tuduhan terhadap George Soros sebagai penyebab kejatuhan nilai ringgit dan lain-lain matawang negara-negara Asean lima minggu lalu, spekulator Amerika itu tidak akan berdiam diri. Dan sebagai pemimpin yang berkali-kali menyatakan kepada bangsanya bahawa "kita mesti menebus maruah kita di mata dunia", dia juga semestinya tidak boleh berdiam diri membiarkan penyangak antarabangsa merosakkan kestabilan dan pertumbuhan ekonomi negaranya yang sedang pesat membangun.

Schebat manakah benar kuasa Soros? Apakah begitu hebat sekali sehingga tidak boleh disentuh? Apakah tamadun dunia hari ini tidak mempunyai sebarang sistem yang boleh mempertahankan umat manusia daripada diserang dan dipermain-mainkan oleh kekuasaan individu kaya seperti Soros?

Tidak mungkin tidak ada cara untuk menghalang kekuasaan oleh seorang individu atau sekumpulan orang-orang yang membuat kerosakan seperti ini.

"Kalau kita ini Amerika, memang kita boleh menghalang. Senang saja, kita tangkap saja orang seperti Soros itu. Amerika pernah tangkap orang se-

perti Ivan Bosky dan Michael Milken yang cuba menguasai pasaran modal Amerika melalui pasaran *junk bond* ciptaan mereka. Amerika juga boleh tangkap orang di luar negaranya walaupun orang itu pemimpin negara lain. Tetapi kita bukan Amerika. Kita tidak ada kuasa seperti yang ada pada Amerika.”

“Saya fikir kita semua maklum dengan hakikat itu,” jawab Mahathir dalam suatu sesi perbincangan dengan beberapa orang pakar ekonomi dan pakar strategi, ketika mereka dipanggilnya untuk memikirkan tindakan bagi menghadapi serangan Soros.

“Kita tentu tidak perlu menunggu hingga menjadi berkuasa seperti Amerika untuk bertindak terhadap orang seperti Soros ini,” jelas Mahathir. “Dengan kedudukan yang telah kita capai setakat ini, apakah kita masih tidak mampu untuk berbuat sesuatu terhadap penyangak seperti itu? Dia bukannya Presiden Amerika atau Perdana Menteri Israel. Dia cuma seorang spekulator rakyat Amerika yang berketurunan Yahudi, dan dia ada duit yang banyak.”

Barangkali begitulah mereka berdebat di peringkat atasan sana. Dan di peringkat bawahan kita mendengar ramai orang menyalahkan Mahathir kerana berlagak berani-sombong menuduh Soros sebagai penjenayah yang perlu ditangkap dan dihukum, sedangkan tidak pernah ada undang-undang di mana-mana negara di dunia yang menyatakan bahawa membuat spekulasi matawang adalah satu kesalahan jenayah. Bank Negara kita sendiri pun pernah membuat spekulasi matawang.

Berikutan kenyataan Mahathir menuduh Soros itu ramai orang sudah menjangka yang ekonomi Malay-

sia akan menghadapi masalah, pasaran saham Kuala Lumpur akan jatuh, dan sebagainya.

“Kalau Bank of England lagi boleh jatuh kerana Soros, dan kerajaan Britain tak boleh buat apa-apa terhadap dia, sekarang kita nak lawan Soros? Dia tak hairanlah. Kita ni kecil sangat buat dia.”

Kata-kata begitu boleh di dengar di mana-mana. Sama ada mereka serius tidak bersetuju dengan tindakan Mahathir memarahi Soros itu ataupun sekadar sedap-sedap bercakap sahaja, tidaklah dapat dipastikan.

Orang ramai memang suka bercakap sedap-sedap mulut tanpa memikirkan masak-masak apa maknanya cakap mereka itu terhadap tindakan yang telah dibuat oleh Mahathir, atau terhadap apa-apa pun. Apakah mereka mahu supaya Mahathir membiarkan sahaja penyangak seperti Soros itu menyamun kekayaan Malaysia, dan seterusnya membiarkan ekonomi Malaysia menuju ke arah kehancuran, dan seterusnya memaksa Malaysia kembali menjadi sebuah negara miskin dan tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menghadapi ancaman dari luar?

Begitulah tabiat orang ramai. Suka-suka berlagak tahu dan pandai. Mereka fikir cakap-cakap mereka itu akan habis di situ sahaja, tidak akan memberi kesan kepada keputusan negara. Tidak mereka sedari bahawa kadang-kadang cakap-cakap begitu memberi kesan kepada pasaran saham.

Kenapa orang menjual saham-saham mereka ketika harga sedang jatuh kalau tidak ada kepercayaan dalam diri mereka bahawa harga akan terus jatuh disebabkan oleh pertembungan Mahathir dengan Soros?

Melihat harga-harga terus berjatuh-turun seolah-olah tidak mengenali paras sokongan itu, Mahathir mengambil keputusan untuk memasuki pasaran. Dia mengeluarkan arahan kepada institusi-institusi dana tempatan seperti Perbadanan Nasional Berhad (PNB), Tabung Haji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Holdings dan Kumpulan Amanah Wang Pencen, supaya membeli saham-saham di pasaran. Ini untuk mengelakkan daripada saham-saham tersebut dibeli oleh agensi-agensi luar, yang akan mengakibatkan syarikat-syarikat awam Malaysia terjatuh ke tangan pelabur asing.

BSKL mengenakan peraturan "*delivery before sale*", iaitu jualan dimestikan bersama dengan penyerahan skrip. Seratus syarikat komponen Indeks Komposit dijadikan saham bertanda (*designated stock*). Urusniaga singkat (*short selling*) tidak dibenarkan. Dan bank-bank diarahkan supaya tidak memberi pinjaman untuk tujuan jualan singkat. Tindakan Mahathir ini ternyata berjaya menyelamatkan pasaran. Harga-harga meningkat semula, dan apabila pasaran ditutup hari ini, Indeks Komposit berada pada paras 812 mata.

Dengan demikian berakhirkah sudah episod peperangan Mahathir lawan Soros? Tentu tidak, kerana peristiwa Mahathir vs Soros ini bukan sekadar soal meningkatkan semula harga di pasaran saham atau meningkatkan semula nilai ringgit ke paras sebelum ia diserang, tetapi lebih daripada itu.

Ketika mula-mula menyebut nama Soros sebagai penyangak spekulator matawang, Mahathir mengatakan bahawa orang ini dengan duitnya yang banyak,

dalam masa 10 hari sahaja dia merosakkan segala usaha kita membangun dan memajukan Malaysia selama 40 tahun. Orang ini seorang penjenayah antarabangsa yang berbahaya. Sama seperti penjenayah dadah, dia juga mesti ditangkap dan dihukum.

Kenyataan Mahathir itu sangat besar ertinya. Pertama mengenai spekulasi, dan kedua mengenai spekulasi matawang sebagai satu perbuatan jenayah antarabangsa yang pesalahnya mesti ditangkap dan dihukum. Saya sangat tertarik dengan kedua-dua soal ini. Hal ini merupakan satu daripada sebab mengapa saya menulis catatan ini, di samping satu sebab lain iaitu minat saya membaca strategi Mahathir menghadapi situasi seperti ini.

Menarik juga diperhatikan bagaimana Mahathir walaupun harus menumpukan perhatiannya untuk menghadapi serangan Soros, masih lagi memberikan perhatian kepada satu soal lain yang tidak kurang rumitnya, iaitu soal status mufti. Mahathir telah menimbulkan soal ini berikutan seorang mufti menuduhnya hampir murtad berikutan dia tidak bersetuju dengan tindakan Jabatan Agama Islam Selangor menangkap dan membicarakan tiga orang gadis kerana mengambil bahagian dalam pertandingan ratu cantik.

Ini soal agama, dan soal seperti ini dalam masyarakat Melayu di Malaysia adalah satu soal yang sangat sensitif. Mufti adalah satu status yang paling tinggi bagi orang yang alim atau pakar dalam ilmu-ilmu agama Islam. Mempersoalkan status mufti dalam hal mengeluarkan fatwa, yang boleh dibaca sebagai usaha untuk menghilangkan kuasa mufti daripada menge-

luarkan fatwa, adalah satu tindakan yang boleh mengakibatkan timbul kemarahan di kalangan orang-orang Islam.

Bayangkan dalam situasinya yang begitu rumit, ketat dan gawat, Mahathir masih lagi mahu menangani masalah lain, yang sebenarnya boleh ditangguhkan dahulu buat sementara ini. Soal mendefinisikan semula status atau fungsi mufti itu bukan satu perkara yang mesti diselesaikan segera pada masa ini juga. Ia boleh ditangguhkan dulu, atau ia juga boleh diserahkan supaya ditangani oleh menteri yang berkenaan, iaitu Datuk Abdul Hamid Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab mengenai hal-hal agama.

Tetapi inilah Mahathir. Dulu orang pernah mengatakan dia sombong kerana beberapa faktor. Kemudian apabila dia berjaya memulihkan ekonomi Malaysia, dan terus melakukan pelbagai usaha dan membuktikan projek-projek yang dianggap mustahil oleh pakar-pakar ekonomi sebenarnya tidak mustahil, dan mengangkat kemajuan ekonomi Malaysia menjadi suatu contoh yang ingin dipelajari oleh negara-negara membangun di seluruh dunia, kata-kata Mahathir sombong itu tidak lagi kedengaran. Tetapi kini kata-kata itu muncul semula.

Apabila nama George Soros disebutkan, dan kemudian media mula menceritakan kehebatan dan kepintaran manusia bernama Soros ini, orang ramai ragu-ragu apakah kali ini Mahathir akan berjaya. Keraguan itu timbul kerana masing-masing rasa takut dan gentar kalau-kalau Soros bertindak, dan dengan

disokong oleh Amerika dia akan berjaya menjatuhkan ekonomi Malaysia. Dan apabila ekonomi Malaysia jatuh, rakyat ramailah yang akan menderita.

“Kenapalah mesti nak lawan orang yang macam Soros tu? Dia ada Amerika di belakang dia. Dia ada Yahudi di belakang dia. Kita dah terima sistem ekonomi pasaran bebas. Selama ini pun kita dah terima yang spekulasi itu sebahagian daripada sistem ekonomi bebas. Bank Negara kita sendiri pernah buat spekulasi. Sekarang bila matawang kita jatuh sikit, kita nak tuduh Soros yang bersalah. Aku tak setuju.” Kata seorang pengusaha berjaya yang turut aktif dalam pasaran saham.

“Mahathir kata dia ada bukti yang ringgit jatuh disebabkan oleh Soros. Apa buktinya? Dia kata kemajuan ekonomi yang kita usahakan selama 40 tahun habis dimusnahkan oleh seorang spekulator yang bernama Soros? Aku tak boleh terima hujah macam itu. Selama ini kita megahkan yang ekonomi kita kukuh dan mampan, tiba-tiba seorang individu dari Amerika boleh musnahkan ekonomi kita, hanya dengan membuat spekulasi di pasaran matawang? Mana yang kata ekonomi kita kukuh dan mampan tu? Sebenarnya Mahathir dah tahu yang ekonomi kita akan jatuh, jadi dia cuba mencari salah orang lain. Dia tuduh orang lain sebagai penyangaklah, penjenayahlah, supaya orang tidak nampak salah dia. Pakar ekonomi dah kata yang ekonomi kita *overheating*, dia tak mahu terima. Sekarang macam mana?”

Cuaca berjerubu yang menyelubungi Kuala Lumpur menjadikan prospek pelaburan di BSKL turut ber-

jerubu. Padang golf tempat para eksekutif korporat muda itu bertemu di pinggir Kuala Lumpur, bermain sambil berbincang soal perniagaan, pun turut berjerrubu.

“Mahathir ni dia dah rasa terlalu berkuasa. Sana sini dia pergi ke negara-negara Dunia Ketiga, orang hormat dia, orang sanjung dia, angkat dia sebagai jurucakap negara Dunia Ketiga dan sebagainya. Tengoklah masa kita ikut rombongan dia ke Afrika Selatan, bukan main lagi dia disanjung. Dulu dia cuba konfrantasi dengan Keating, dia menang. Dia cuba lawan dengan akhbar di London, dia menang. Apalagi, dia dah rasa terlalu berkuasalah. Sekarang ni barulah nak bertemu buku dengan ruas.”

“Yalah, itu masalah dia,” mencelah si pengusaha muda yang telah banyak menikmati kemewahan hasil suatu projek penswastaan. “Dia nak bermegah dengan sanjungan dunia, bermegahlah. Tetapi jangan kerana dia nak puaskan ego dia sebagai pemimpin yang paling disanjung, kita yang baru nak merasa nikmat kemewahan negara contoh ini yang menjadi mangsa. Aku tak mahu.”



Pasaran
saham sedemikian
besar, merangkumi begitu
banyak perusahaan dan
perniagaan dalam negara,
bermakna seluruh usaha ekonomi
kita adalah terdedah kepada
permainan judi oleh
penjudi-penjudi kaya yang
tiada niat lain melainkan
membuat keuntungan
sebanyak-banyaknya
untuk diri sendiri.

11

Strategi Mahathir Menentang Soros (Catatan 2)

RUPA-RUPANYA, berbeza dengan peristiwa-peristiwa sebelumnya, dalam konfrantasi dengan Soros itu, apabila direnung kembali sekarang, nampak yang Mahathir bersikap kurang stabil dan kurang meyakinkan. Belum pernah Mahathir menjadi gelabah seperti yang kelihatan dalam peristiwa itu. Satu demi satu langkah yang diambilnya gagal memberikan kesan yang dikehendaki.

Apabila nilai ringgit jatuh dan terus jatuh, kerajaan memasuki pasaran dan cuba menahannya. Mengikut satu laporan, pada 3 Ogos kita telah kehilangan hampir AS\$3 bilion atau 12 peratus daripada simpanan asing, kerana mempertahankan ringgit.

Berikut saya salin terus sambungan catatan yang telah saya buat pada akhir Ogos hingga awal September 1997 itu (sambungan bab 10):

Jumaat 29 Ogos 1997:

Lewat malam tadi berbual-bual seperti biasa dengan kawan-kawan di kedai kopi Mamak yang buka sampai awal pagi. Salah seorang kawan kami itu kebetulan seorang remisier. Dia pulang kerja lewat malam tadi, dan panggil member-member keluar kena teh tarik.

Nampak betul dia resah dan tidak senang dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan pimpinan Mahathir.

“Mahathir ni dia tahukah pasal pasaran saham? Siapa yang nasihat dia? Mana boleh buat peraturan baru tiba-tiba macam itu. Pengurus-pengurus dana asing takut dengan pasaran kita sekarang.” Dia melepaskan resah dan gundahnya.

“Dia kata pelabur-palabur *abused the system*. Dia nak haramkan manipulasi. Dia tahukah apa yang dia cakap?” Kawan saya itu terus marah-marah dengan Mahathir.

“Kau tahu apa kata seorang pengurus dana kanan Morgan Stanley? Dia kata buat apa lagi mereka nak tunggu di pasaran kita kalau kita nak kenakan macam-macam peraturan yang pelik-pelik ni. Kita sendiri sedang mengusir pengurus dana asing. Kau tahu apa akibatnya nanti?”

Soalannya tidak perlu kami jawab, kerana dia sendiri yang menjawabnya. Memang, Mahathir sedang melakukan sesuatu yang belum pernah dilakukan. Tetapi akibatnya belum pasti seburuk yang diduga oleh kawan saya itu. Sama-samalah kita tunggu.

Sementara itu pasaran BSKL dibuka dengan In-

deks Komposit di paras 812.75, jatuh hingga ke paras 777.96 dan naik semula untuk ditutup pada 804.4 mata. 558 kaunter rugi, 185 untung. Volium urusniaga 545.668 juta saham, bernilai RM2.051 bilion.

Sabtu 30 Ogos 1997:

Mahathir menafikan khabar angin yang mengatakan Timbalannya Anwar Ibrahim meletak jawatan berikutan masalah kewangan yang melanda negara dan tindakannya mencampuri urusan Kementerian Kewangan.

Sewaktu merasmikan persidangan agung MCA, Mahathir mengatakan pasaran BSKL akan pulih sepenuhnya dalam tempoh satu minggu lagi.

Dia juga berkata, akibat kejatuhan matawang dan pasaran saham, kini Malaysia mengalami kerugian Permodalan Pasaran (*Market Capitalisation*) di BSKL sebanyak RM450 bilion; pendapatan perkapita jatuh sebanyak RM350; dan kerugian 10 peratus dalam pinjaman asing.

Katanya lagi, Malaysia tidak mahu pinjaman dari IMF kerana Thailand yang meminjam sebanyak US\$30 bilion dari IMF masih tidak berjaya mengatasi masalah ekonominya. Nilai baht juga masih tidak dapat dipulihkan.

Rabu 3 September 1997:

Pasaran saham menjunam teruk hari ini. Jatuh lebih 40 mata. Ditutup pada paras 750. Kelmarin harga-harga kebanyakan kaunter naik, tetapi Indeks Komposit jatuh sedikit.

Hari ini Mahathir menyampaikan Amanat Presiden untuk perwakilan Umno yang akan menghadiri Perhimpunan Agung 1997. Soal kejatuhan pasaran saham menjadi agenda utamanya, manakala agenda kedua ialah soal pelaksanaan hukum Islam dan kuasa Mufti.

Mahathir juga mengumumkan Kerajaan telah mengumpul RM60 bilion (melalui Khazanah Holdings) untuk membeli saham-saham di BSKL. Dia juga menyebut yang BSKL telah kerugian RM500 bilion dalam *Market Capitalisation* (iaitu nilai semasa semua saham-saham di BSKL).

“Kita telah membuat keputusan untuk membeli semua saham yang dijual oleh pelabur tempatan, pada harga premium,” kata Mahathir. “Kita mempunyai cukup wang untuk melakukan ini. Bahkan KWSP mempunyai lebih daripada RM100 bilion.”

Ditanya oleh pemberita bagaimana dia menjangka reaksi dari pasaran, Mahathir menjawab: “Kita akan tengok. Saya tidak tahu, sebab pasaran ini sangat pelik. Apabila syarikat-syarikat membuat keuntungan, sahamnya boleh turun. Mereka tidak melabur berdasarkan fundamentals. Ini perjudian.”

Mahathir juga menafikan yang tokoh perbankan terkemuka Tan Sri Rashid Hussein sedang disiasat kerana terlibat dalam jualan singkat. Dia juga menafikan siasatan sedang dijalankan ke atas RHB, dan Arab Malaysian Bank kepunyaan Tan Sri Azman Hashim.

Ada satu hal yang menimbulkan kemusykilan di sini. Mahathir mengatakan pihak kerajaan akan membeli saham yang dijual oleh orang tempatan pada harga

premium, lebih daripada harga pasaran, supaya penjualnya tidak rugi. Apa yang dimaksudkannya? Bagaimana nak tahu harga yang tidak merugikan penjual? Di sini orang mulai tidak faham. Apakah Mahathir tersilap?

Kalau Mahathir boleh tersilap dalam hal ini..., ah kacau!

Anwar Ibrahim nampaknya lebih banyak diam. Mahathir yang banyak bercakap dan membuat keputusan. Sedangkan Anwar yang Menteri Kewangan. Dalam situasi kewangan yang gawat seperti ini seharusnya Anwar yang paling sibuk, berusaha bagi menyelesaikan krisis. Tetapi... tak tahulah.

Anwar juga ada membuat penafian akan khabar angin yang mengatakan seorang tokoh bank telah ditahan kerana kesalahan dalam urusaniaga saham. Sebelum itu Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Affifuddin Omar, ada mengatakan satu atau dua buah bank terlibat dalam kesalahan tersebut, dan tindakan akan diambil.

Di luar sana orang memang heboh bercakap mengatakan Tan Sri Rashid Hussein telah ditangkap.

Khamis 4 September 1997:

Hari ini saham jatuh lagi. Kenapa? Dana RM60 bilion Khazanah Holdings itu belum mula beroperasi agaknya. Tetapi institusi dana tempatan sudah diarah oleh Mahathir supaya membeli saham sejak minggu lalu lagi. Beli dan pegang. Ada berita menganggarkan jumlah dana milik institusi-institusi tersebut sebanyak RM260 bilion.

Kenapa institusi dana tempatan belum masuk pasaran? Sedangkan Mahathir hampir tiap hari menyeyru mereka yang berkenaan supaya masuk dan pertahankan pasaran saham dan ekonomi kita. Kenapa mereka ini tidak masuk? Apakah mereka tidak sokong Mahathir? Atau tidak setuju dengan cara Mahathir?

Nampaknya Mahathir semakin tertekan. Macam mana lagi dia hendak buat? Pagi esok dia akan merasmikan Perhimpunan Agung UMNO. Tentu akan bercakap lagi pasal pasaran saham dan matawang. Tak boleh elak. Ini isu yang paling penting sekarang. Para perwakilan tentu rimas, risau dan resah kerana nilai saham dan matawang yang semakin jatuh.

Bagaimana Mahathir akan mententeramkan mereka? Kalau mereka tak dapat ditenteramkan, kacau jadinya nanti. Banyak masalah lagi akan timbul.

Sementara itu... saya semakin tertarik dengan perkara ini kerana saya beranggapan Mahathir sedang “mencungkil satu lagi barah dalam tamadun manusia hari ini”, iaitu sistem kewangan yang banyak mengandungi unsur riba dan judi. Kenapa mesti ada pasaran matawang? Kenapa nilai saham dibiarkan supaya ditentukan oleh spekulasi dan sentimen para “pelabur” yang sebenarnya lebih bersifat pemain judi?

Apabila wujud pasaran saham sedemikian, dan pasaran itu begitu besar hingga merangkumi begitu banyak perusahaan dan perniagaan dalam negara, bermakna seluruh usaha ekonomi kita adalah terdedah kepada permainan judi oleh penjudi-penjudi kaya yang tiada niat lain melainkan membuat keuntungan sebanyak-banyaknya untuk diri mereka sendiri.

Sistem ini adalah jelas tidak betul. Ia mesti diperbetulkan. Saya melihat krisis yang dicetuskan dan sedang dihadapi oleh Mahathir sekarang adalah menuju ke arah itu, sama ada Mahathir menyedarinya atau tidak.

Beberapa orang kawan mengatakan Mahathir sudah buat silap. Dia fikir dia boleh kontrol pasaran saham, sedangkan pasaran saham tidak boleh dikontrol walaupun dia seorang Perdana Menteri. Pasaran saham turut dikuasai oleh pengurus-pengurus dana dari luar. Mahathir tak boleh kontrol pengurus dana dari luar, melainkan kita tutup pasaran saham kita dari pelabur asing. Hal ini tentu tak akan dilakukan oleh kerajaan Malaysia.

Maksud Mahathir menggembelng dana tempatan untuk membeli semua saham-saham yang hendak dijual di pasaran itu adalah satu usaha untuk "menutup" pasaran daripada pelabur luar, secara tidak langsung. Tetapi bolehkah ini dilakukan?

Jumaat 5 September 1997:

Di samping berperang dengan Soros, nampaknya Mahathir juga punya kerja berat untuk mententeramkan rakyatnya sendiri supaya yakin dengan strateginya menghadapi serangan luar ke atas matawang dan pasaran saham yang semakin teruk. Minggu lalu dia berkata pasaran saham akan mulai pulih dalam minggu ini. Tetapi sehingga kelmarin Indeks Komposit terus juga jatuh.

Minggu ini tinggal satu hari sahaja lagi bagi pasaran saham, iaitu hari ini. Maka terbukti kata-kata

Mahathir bagi mententeramkan keresahan rakyat minggu lalu itu sudah meleset.

Dalam ucapan perasmian Perhimpunan Agung Umno hari ini Mahathir tidak sentuh pun soal pasaran saham dan kejatuhan ringgit. Dalam ucapan lebih satu jam itu dia menumpu kepada huraian budaya bangsa yang tidak maju dan budaya bangsa yang maju, yang antaranya bekerja dengan bersungguh-sungguh, dan rajin merakamkan ilmu untuk dapat digunakan dan dimajukan oleh orang lain dan generasi akan datang.

Satu perkara lagi yang juga ditumpunya ialah huraian mengenai pemahaman terhadap Islam yang boleh memajukan umat, iaitu yang tidak ekstrim dalam melaksanakan hukum.

Dia tidak menunjukkan sedikit pun keresahannya terhadap kejatuhan ringgit dan pasaran saham. Dia menunjukkan bahawa walau apa pun berlaku, kerja mesti diteruskan macam biasa.

SETAKAT itu sahaja catatan yang saya buat untuk mengesan strategi Mahathir bagi mengatasi masalah kegawatan ekonomi pada akhir Ogos hingga awal September 1997. Selepas 5 September itu saya pun berhenti menulis catatan itu. Tidak tahu kenapa.

Walau bagaimanapun, saya ada menyimpan potongan akhbar *Utusan Malaysia* keluaran 12 November 1997. Ada berita yang menarik di halaman dua, dengan tajuk "Gerakan Kebangsaan Pulih Ekonomi Akan Dilancar".

Beritanya: Mahathir mengumumkan kerajaan akan melancarkan satu Gerakan Kebangsaan besar-

besaran bagi memulihkan segera kegawatan ekonomi. Bunyinya macam ada satu strategi yang sangat berkesan. Tetapi ternyata hingga hari ini kegawatan masih tak berkurangan.

Walau bagaimanapun, saya kira menarik juga kalau kita baca semula potongan akhbar tersebut. Tujuannya, sama seperti tujuan saya menulis catatan di atas, untuk menilai keberkesanan strategi Mahathir yang pernah saya kagumi.

KUALA LUMPUR 11 Nov. - Kerajaan akan melancarkan gerakan kebangsaan untuk menggemblengkan segenap lapisan rakyat membantu memulihkan segera kegawatan ekonomi negara berikutan serangan terhadap ringgit, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, gerakan besar-besaran itu akan memperincikan kepada rakyat mengenai apa yang boleh dan tidak boleh mereka lakukan di semua sektor dalam menghadapi ekonomi sekarang.

Menurut beliau, gerakan itu membolehkan rakyat melakukan tindakan yang secocok dengan cadangan-cadangan yang terkandung dalam Belanjawan 1998 yang antara lain mahu menambah eksport dan mengurangkan import.

"Kerajaan mempunyai cara untuk mengatasi masalah ini, tetapi rancangan dan cara yang dibuat oleh kerajaan tak akan mencapai kejayaan melainkan rakyat sendiri dapat mendisiplinkan diri dan menerima rancangan ini.

"Jadi saya akan melancarkan gerakan kebangsaan secepat mungkin untuk menentukan bahawa ekonomi

kita diuruskan oleh kita sendiri, supaya kuasa untuk membangunkan negara kembali ke tangan kita,” katanya.


Perdana Menteri berkata, kempen itu akan memba-bit segenap lapisan rakyat dan sektor baik golongan korporat, peguam, doktor, pekerja, buruh, peniaga-peniaga kecil dan banyak lagi.

Menurutnya, kerajaan telah mengenal pasti beberapa bidang yang akan terbabit dalam kempen ini, antaranya tabiat kerja, belajar, melancong dan beberapa perkara lain.

Dr Mahathir menjelaskan, kempen ini juga adalah sebahagian daripada usaha untuk menangkis perbuatan spekulator menyerang matawang ringgit sejak beberapa bulan lalu.

Menurut beliau, selama ini Malaysia bertindak mengatasi masalah ekonomi dengan hanya menunggu reaksi daripada pihak luar dengan harapan mereka menghentikan serangan ke atas ekonomi.

“Keadaan ini tidak boleh dibiarkan berterusan. Jadi sekarang ini kita kena berbuat sesuatu mem-babitkan rakyat kita sendiri agar tindakan kita itu berkesan,” ujarnya.



“Sepatutnya dia
mesti fikir macam
itu juga untuk rakyat dia.
Semua rakyat Selangor mesti ada
rumah dan tanah beribu ekar di luar
negeri supaya mudah anak-anak
belajar. Semua rakyat Selangor mesti
mampu bawa wang tunai
RM8 juta dalam beg
bimbit untuk keluar
negeri, supaya mudah
membeli-belah dan belanja
kawan-kawan
makan.”

12

Apa Hal Duit Kita Berbilion di Luar Negeri?

AKU nak minta kau tolong aku buat satu karangan, boleh?" Dia kawan saya, CEO atau Ketua Eksekutif sebuah syarikat yang disenaraikan di papan utama BSKL. Bila orang macam dia itu kata nak minta saya tolong buat karangan, saya teringat kepada beberapa permintaan serupa itu sebelum ini. Biasanya yang mereka maksudkan ialah menulis Kenyataan Pengerusi atau Laporan Pengarah untuk buku Laporan Tahunan, ataupun Laporan Khas Eksekutif untuk diberikan kepada pihak tertentu.

Menulis Kenyataan Pengerusi atau Laporan Pengarah untuk buku Laporan Tahunan itu satu perkara biasa sahaja. Yang bukan perkara biasa ialah Laporan Khas Eksekutif, kerana ia biasanya sulit dan rahsia, ditulis khas untuk dibaca oleh orang-orang tertentu.

Baru-baru ini kawan-kawan saya mengambilalih sebuah syarikat besar, yang salah satu anak syarikatnya disenaraikan di papan utama BSKL. “Terperanjat gila” saya, (mengikut istilah budak-budak sekarang). Kawan saya yang sedikit hari lalu bermuram durja kerana terpaksa berhenti kerja akibat kegawatan di pasaran saham, tup tup menjadi CEO sebuah syarikat korporat besar dan sekaligus pengarah beberapa syarikat, termasuk syarikat tersenarai. Kereta pun bertukar, dan macam-macam lagi.

Wah, apa mereka buat? Mereka masih muda-muda lagi. Usia masih 30-an. Boleh ambilalih satu kumpulan syarikat-syarikat yang terkenal di Kuala Lumpur. Wah, hebat kau orang!

Tak berapa lama kemudian mereka pun minta saya “buat satu karangan”, khas untuk diberikan kepada orang paling atas di negara ini (mengikut kata mereka). Menceritakan apa sebenarnya telah berlaku ke atas syarikat itu. Tentang pelbagai penyelewengan dan salahguna kuasa yang mengakibatkan kerugian berjuta-juta kepada syarikat, tetapi menjadikan pengarah-pengarah dan pengurus-pengurusnya kaya raya. Tentang bagaimana saham berjuta-juta yang diberikan oleh kerajaan dari peruntukan Bumiputera dan disimpan oleh syarikat sejak bertahun-tahun lalu telah habis dijual oleh pengarah-pengarah sebelum ini. Dan macam-macam lagi.

Mengapa laporan itu perlu dihantar kepada orang di atas sana, saya pun tak faham sangat, dan saya pun tak mahu tanya sangat kepada kawan-kawan saya itu. Entah ya entah tidak, tak tahulah

Di situ saya pun mengenali beberapa orang tokoh yang selama ini saya hormati mereka, tetapi rupa-rupanya mereka itu tak lebih baik daripada lanun belaka. Berlagak menjadi pejuang bangsa Melayu, tetapi merekalah sebenarnya lanun di zaman moden. Sehingga hari ini pun nama-nama mereka masih tergolong dalam senarai orang-orang kenamaan yang dihormati.

Saya pun menyiapkan Laporan Khas Eksekutif yang diminta kawan-kawan saya itu, untuk diberikan kepada pihak tertentu. Rupa-rupanya kawan-kawan saya itu semuanya proksi sahaja. Nama tercatat sebagai tuanpunya saham berjuta, tetapi borang tukar milik sudahpun ditandatangani. Tetapi tak mengapalah, sekurang-kurangnya mereka senang, dan kawan-kawan mereka pun boleh juga tumpang senang.

Jadi, janganlah kita hairan kalau ada beberapa nama yang kita fikir patut ada dalam senarai yang dikeluarkan oleh Mahathir sewaktu Persidangan Agung Umno Jun 1998 itu, tetapi nama-nama itu tak kita temui dalam senarai. Bukan senarai itu menipu. Tidak. Hanya secara teknikalnya sahaja ia tidak menggambarkan realiti sebenar. Atau cerminnya tidak begitu telus. Itu sahaja.

Itu satu cerita. Ada macam-macam cerita lain lagi dalam dunia korporat kita. Seorang lagi kawan saya berhenti dari dunia akademik untuk masuk dunia korporat. Diberi pejabat yang canggih, diberi Mercedes siap drebar, naik kapalterbang kelas satu, duduk hotel lima bintang dan mulalah belajar main golf.

Jawatannya CEO sebuah syarikat tersenarai di papan utama juga. Memang hebat. Tetapi setelah lebih

setahun bekerja, apa satu pun tak dapat nak buat. Bukan kerana syarikat tak ada duit akibat dihempap kegawatan ekonomi, tetapi kerana semua keputusan mesti dirujuk kepada Menteri Besar, dan Menteri Besar kena rujuk pula kepada orang lain.... Kebetulannya orang lain itu dengan orang yang dalam cerita di atas tadi adalah orang yang sama....

Ah, melalut ke cerita lain pula. Kalau hendak diikuti cerita-cerita itu alamat tak baliklah kita ke cerita di pembukaan bab ini tadi. Okey, mari kita tinggalkan dulu cerita-cerita lain itu semuanya, kita balik kepada kawan saya yang meminta saya “buat satu karangan” untuk dia.

“Karangan apa?” Saya tanya dia. “Kau baru saja keluarkan Laporan Tahunan.”

“Bukan untuk Laporan Tahunan,” kata dia. “Ini tak ada kena mengena dengan syarikat. Ini aku punya *personal*. Aku nak hantar surat kepada PM. Tapi aku tak tahu nak tulis. Kau kenalah tolong aku. Kau penulis.”

Saya senyum sahaja pandang muka dia. Hendak bergurau dia ni, bisik hati saya. Kami agak lama tak berjumpa. Tentu dia saja-saja hendak bergurau.

“Sungguh ni Din. Bukan nak bergurau.” Dia macam dapat membaca apa yang tersirat dalam kepala saya. “Aku dah lama fikirkan perkara ini.”

“Perkara apa?” Tanya saya lagi.

“Kau tahu, masalah negara kita sekarang masalah *cash flow* (aliran tunai). Bank-bank kita sekarang tak ada duit. Jadi untuk mengatasi masalah ini, kita mesti cari duit. Itu kau tahu ‘kan? Tetapi janganlah minta

duit dengan orang kampung. Menteri-menteri kita suruh orang kampung berjimat dan simpan duit dalam bank. Macam mana mereka nak berjimat lagi? Nak suruh mereka jangan makan, kerana nak bantu negara?

“Suruh mereka jual barang kemas dan ambil duit itu simpan dalam bank. Berapa banyak duit boleh dikumpulkan dengan cara itu? Aku tak setuju. Bila kita ada masalah macam ini kita balik cari orang kampung, minta mereka berkorban. Mengapa orang kampung yang mesti kita minta supaya berkorban? Kegawatan ini bukan disebabkan oleh mereka, tetapi disebabkan oleh orang-orang kaya yang ada banyak duit.”

“Bukankah disebabkan oleh serangan pedagang matawang dari Barat?” Saya cepat-cepat memotong cakap dia dengan soalan.

“Itu tak payahlah kau sebut. Pedagang spekulator itu memang kerja mereka macam itu. Kau tahu eriang, tak?”

“Burung eriang.”

“Burung tu, bila ada saja binatang yang luka nak mati, mereka mesti tahu. Cepat mereka sampai. Lepas makan kenyang-kenyang mereka pun hilang. Mereka tak akan datang kalau tak ada binatang yang dah luka nak mati. Macam itulah juga spekulator. Bezanya sikit spekulator ni lebih pandai. Dia dah tiba sebelum kita luka. Apabila ekonomi kita sudah meruap, *overheating*, mereka sudah nampak yang tak lama lagi kita akan jatuh. Sebelum kita jatuh, mereka *short* ringgit. Bila mereka *short*, jual gila-gila, merudumlah duit kita.”

“Okey,” sekali lagi saya potong cakap dia. “Aku cuma nak test kau saja. Balik kepada surat yang kau nak tulis kepada PM tadi. Kau nak beritahu yang kau tak setuju kita minta orang kampung beri sumbangan kepada Dana Khas Negara. Itu saja.”

“Aku ada cadangan mengenai apa yang kita patut buat.”

“Bagus. Kalau ada cadangan, bagus. Jangan pandai nak kritik saja. Semua orang tahu kritik. Okey, apa cadangan kau?”

“Inilah yang aku hendak kau tulis. Pakai nama aku. Ini bukan surat layang. Aku sendiri nak sain. Pakai nama aku.”

“Apa yang kau nak cadangkan?”

“Problem kita problem *cash flow*. Bank tak ada duit. Nisbah pinjaman dengan deposit bank-bank sekarang lebih daripada 100 peratus. Sepatutnya 70 peratus sahaja, ataupun 72 peratus setelah SRR (Keperluan Rizab Berkanun) dikurangkan dua peratus baru-baru ini. Dulu SRR 10 peratus, sekarang 8 peratus. 20 peratus lagi untuk mudah tunai, untuk orang tulis cek, ambil duit untuk kegunaan dan sebagainya. Tinggal yang boleh digunakan untuk beri pinjaman hanya 72 peratus sahaja daripada jumlah deposit.

“Sekarang bank sudah gunakan lebih daripada 100 peratus dana deposit itu untuk pinjaman. Jadi, habislah duit. Bila duit deposit sudah habis, bank terpaksa cari dari sumber-sumber lain, buat pinjaman dari luar negeri dan sebagainya. Problemlah. Bukan senang nak dapat pinjaman luar dalam keadaan sekarang. Orang tak yakin pada ekonomi kita. Kalau ada pun yang nak

beri pinjaman, faedahnya terlalu tinggi. Itu sebabnya kadar faedah bank-bank kita pun terpaksa dinaikkan sekarang.”

Panjanglah dia bercerita, kerana hal itu menyentuh bidang yang diceburinya sebelum ini. Dulu dia pernah jadi pengurus bank. Memang dia tahu sangatlah selok belok perbankan. Sewaktu negara meleset dalam pertengahan tahun 80-an, dia turut terjebak dalam masalah, lalu berhijrah ke Amerika, bekerja di sana dua tahun. Apabila kembali semula ke Kuala Lumpur, dia memulakan perniagaan sendiri. Sekarang jadi CEO satu kumpulan syarikat besar.

“Macam mana bank-bank kita boleh tak ada duit?” Sengaja saya tanya, untuk memancing pandangannya.

“Ada dua sebab. Tapi ini tak perlu cerita kepada Mahathir.”

“Tahu! Bukan untuk surat kau tu. Aku saja nak tahu pendapat kau.”

“Ada dua sebab. Pertama, NPL (*non-performing loan*) meningkat, iaitu pembayaran balik pinjaman yang tersangkut. Kedua, apabila berlaku kegawatan, orang-orang kaya yang menyimpan banyak duit dalam bank, ramai yang mengeluarkan deposit mereka, dan menyimpannya di bank-bank asing.”

“Jadi, apa yang kau nak cadangkan kepada Mahathir?”

“Aku nak cadangkan supaya kerajaan memberikan beberapa insentif untuk memujuk orang-orang kita yang mempunyai banyak simpanan di luar negeri, supaya membawa balik duit mereka dan simpan di dalam bank-bank tempatan. Mesti ada insentif yang

menarik, kalau tidak mereka tak akan bawa balik. Setakat nak kata kerajaan tak akan kenakan cukai pendapatan sedangkan undang-undangnya tetap begitu, tak guna.”

“Banyakkah duit orang Malaysia yang disimpan di luar negeri?”

“Hui... banyak Din, banyak! Berbilion-bilion. Kalau duit-duit itu boleh dibawa balik dan simpan dalam bank-bank kita, kita tak ada masalah *cash flow* lagi. Cukup dengan duit-duit itu.”

Mengikutnya, orang Malaysia yang banyak menyimpan duit di luar negeri boleh dibahagikan kepada empat kategori utama. Pertama, tokoh-tokoh politik daripada parti-parti pemerintah, Barisan Nasional, daripada menteri-menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, setiausaha politik, ketua bahagian dan sebagainya. Mereka bukan sahaja simpan duit dalam bank, tetapi juga banyak membeli harta, seperti rumah dan tanah.

“Mudah saja nak tahu. Kau tengok apabila Muhammad Taib, bekas Menteri Besar Selangor ditangkap di Australia baru-baru ini.”

“Oh, dia kena beli tanah dan rumah di Australia, supaya mudah anak-anak dia belajar di sana.” Saya cepat-cepat menyambut ceritanya.

“Dan tak boleh kecil-kecil, mesti besar. Mesti luas beribu-ribu ekar, supaya mudah anak-anak nak berlari.” Kawan saya pula menyambut. Dan selepas itu kami pun sambut menyambut bercerita.

“Bukanlah lama sangat dia jadi Menteri Besar, dah berfikir macam itu. Dulu dia pun orang kampung juga.

Hidup macam orang kampung juga. Kalau anak dapat biasiswa pergi belajar di luar negeri pun sudah besar tuah. Tiba-tiba tak berapa tahun jadi Menteri besar, kena ada tanah dan rumah sendiri di luar negeri untuk anak mudah belajar di sana. Bolehkah dia fikir sama macam itu untuk rakyat dia?"

"Ya, sepatutnya dia mesti fikir macam itulah juga untuk rakyat dia, 'kan?"

"Semua rakyat Selangor mesti ada rumah dan tanah beribu ekar di luar negeri, supaya mudah anak-anak belajar. Semua rakyat Selangor mesti mampu bawa wang tunai RM8 juta dalam beg bimbit untuk keluar negeri, supaya mudah membeli-belah dan belanja kawan-kawan makan."

"Cukup, cukup. Itu baru kategori pertama. Lagi tiga kategori?"

"Kategori yang kedua ialah golongan bangsawan dan kuncu-kuncu atau kroni mereka, termasuklah orang-orang seperti Tengku Wong dan sebagainya. Golongan ini pun serupa dengan golongan pertama tadi. Wang dan harta mereka berbilion tersimpan di luar negeri."

"Kategori yang ketiga ialah tauke-tauke Cina. Kajian aku menunjukkan kalau kita baling 10 ketul batu di Cheras, tujuh ketul akan jatuh ke atas kepala jutawan Cina. Itu baru di Cheras. Belum lagi di kawasan lain - Ipoh, Seremban, Johor bahru, Pulau Pinang. Begitu ramainya jutawan di Malaysia ini. Ke mana perginya duit-duit itu, tidak ada dalam bank? Di luar negerilah. Dan baru-baru ini golongan inilah yang paling banyak mengeluarkan wang dari bank-bank

tempatan, untuk disimpan dalam bank asing.”

“Golongan keempat?”

“Tokoh-tokoh korporat baru. Syarikat-syarikat mereka memang menghadapi masalah. Tetapi untuk diri mereka dan keluarga mereka sendiri, jangan risau. Makan tak habis. Semuanya di simpan di luar. Berbilion juga jumlahnya.”

“Apa insentif yang kau nak cadangkan supaya diberikan kepada mereka oleh kerajaan, kalau mereka bawa balik duit?” Tanya saya.

“Bagi jaminan imuniti,” jawabnya. “Tak boleh ambil apa-apa tindakan undang-undang ke atas mereka. Jangan tanya dari mana datangnya duit itu. Sumber halalakah, sumber haramkah, jangan tanya. Dan berikan anugerah Tan Sri, atau Datuk, malah Tun pun tak mengapa kalau jumlah yang dibawa balik itu begitu besar.”

“Bagi yang sudah ada gelaran Tan Sri ataupun Tun, apa pula anugerah yang kerajaan patut bagi?” Tanya saya.

Terdiam sekejap kawan saya itu. “Kita kenalah fikirkan apa yang patut,” katanya kemudian.

“Kau percaya dengan insentif yang macam itu orang-orang itu semua akan bawa balik duit mereka ke Malaysia?” Tanya saya lagi, cuba menguji keampuhan proposalnya.

“Kalau cara insentif tak jalan, buat cara *legislation*. Ambil tindakan undang-undang. Tangkap mereka, denda apa yang patut.”

“Itu lebih praktikal,” kata saya. “Tetapi adakah undang-undang yang boleh membenarkan kerajaan

menangkap mereka?”

“Itu perkara mudah,” jawabnya. “Kalau Mahathir setuju, dia boleh gubal undang-undang baru.”

“Adakah cara untuk mengesan dan membuktikan seseorang itu mempunyai simpanan sekian-sekian banyak di bank-bank tertentu di luar negeri?” Tanya saya lagi.

“Boleh. Aku ada cara, dan aku bersedia untuk menjalankan kerja itu, kalau Mahathir bersetuju.”

“Bagus, kalau macam itu. Barulah tidak bercakap kosong. Macam ini kalu, Mahathir tentu suka. Ada cadangan, dan sanggup pula melakukannya sendiri.”

Kami pun terus berbincang memperincikan lagi idea dan proposal tersebut, hinggalah tercetus satu kemusykilan dari antara kami, yang menyebabkan idea hendak menulis surat kepada PM itu terpaksa dibatalkan. Tidak praktikal. Dari pandangan kita memang praktikal, tetapi dari pandangan pihak yang akan menggubal dasar dan undang-undang, ia tentulah tidak praktikal, kerana kebanyakan dari mereka akan turut terlibat.

Sebagai bangsa
yang merdeka dan bermaruah,
kita hairan mengapakah dokumen
sepenting Ucapan Wawasan 2020 itu,
yang menetapkan langkah-langkah
untuk masa depan bangsa dan
negara ini, tidak diucapkan
dalam bahasa Melayu,
bahasa yang diiktiraf sebagai
bahasa rasmi dan bahasa
kebangsaan kita? Kalau
memang Mahathir
tidak pandai....

13

Malay Dilemma: Mengata Orang Aku Yang Lebih

MANUSIA boleh ternoda oleh kuasa, dan kuasa hampir mutlak yang diperolehi Kerajaan Perikatan telah menodai fikiran pemimpin-pemimpin Perikatan secara hampir mutlak." (*But power corrupts, and the near-absolute power that the Alliance obtained corrupted the thinking of the leaders almost absolutely.*)

Itu kata-kata Dr Mahathir Mohamad pada tahun 1970, dalam bukunya *The Malay Dilemma*. Sebuah buku yang cukup besar pengaruhnya dalam menentukan kerjaya Dr Mahathir Mohamad dalam politik Malaysia.

Melalui buku tersebut (di samping suratnya kepada Perdana Menteri waktu itu, yang tersebar di kalangan orang ramai) Mahathir melancarkan kritiknya yang sangat tajam dan pedas terhadap Tunku Abdul Rahman

Putra, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Banyak dasar dan pelaksanaan pentadbiran oleh Tunku yang tidak disetujui Mahathir. Tragedi berdarah pergaduhan kaum 13 Mei 1969, oleh Mahathir dipersalahkan pada pimpinan Tunku.

“Malangnya, apabila pemimpin parti juga menjadi pemerintah yang tertinggi dan berkuasa dalam Kerajaan, peruntukan-peruntukan dalam perlembagaan parti sudah tidak cocok dan dianggap tidak penting lagi,” kata Mahathir dalam bab 2 buku tersebut. “Perdana Menteri pula menjadi begitu berkuasa oleh sebab kedudukan dan kepopularannya sehinggakan parti harus tunduk kepadanya.”

Waktu itu Mahathir belum menjadi menteri. Fikirannya belum ternoda (*corrupted*) oleh kuasa. Dia masih dapat melihat bagaimana Perdana Menteri yang menjadi begitu berkuasa oleh sebab kedudukan dan kepopularannya, “sehingga parti harus tunduk kepadanya”.

Mahathir tidak senang melihat Perdana Menteri waktu itu terlalu berkuasa, hingga parti harus tunduk kepada Perdana Menteri. Tetapi hari ini Mahathir tidak senang kalau parti tidak tunduk kepada Perdana Menteri, kerana Perdana Menteri hari ini ialah dia.

Membaca semula buku *The Malay Dilemma* atau terjemahannya *Dilema Melayu*, sungguh menarik. Kita dapat melihat dengan jelas bagaimana seorang manusia berubah fikirannya, dan pendiriannya, di antara waktu dia belum berkuasa dengan waktu dia sudah berkuasa. Waktu dia belum berkuasa dia mengkritik orang yang berkuasa, tetapi apabila dia yang duduk

di tempat yang berkuasa itu, dia pula yang melakukan sendiri perkara-perkara yang dulu dikritiknya. Memang benarlah kata-kata bahawa “manusia boleh ternoda oleh kuasa”, dan Mahathir juga tidak terkecuali.

Waktu itu, belum menjadi menteri, dia berkata: “Sewaktu berkuasa, Umno mempunyai lebih banyak suara daripada yang diperlukan.” Sekarang, setelah menjadi Perdana Menteri, apakah anda fikir kata-kata yang sama itu boleh lagi terucap dari mulut yang sama, yang pernah mengucapkannya 28 tahun dulu? Tidak mungkin, kerana sekarang Mahathir tidak mengerti lagi makna “lebih banyak suara daripada yang diperlukan” itu. Sekarang Mahathir nampaknya sentiasa sahaja memerlukan lebih banyak suara lagi.

Seterusnya Mahathir menulis di dalam buku itu: “Parti tersebut terus wujud bukan kerana ahli-ahlinya mempunyai idea-idea politik yang sama, tetapi melalui satu sistem naungan dan paksaan yang berdasarkan kepada kuasa kerajaan lebih daripada kuasa parti.”

Melalui sistem tersebut, jelas Mahathir, “pemimpin-pemimpin parti tidak lagi bertanggungjawab kepada ahli-ahli biasa dan penyokong-penyokongnya yang tidak dikenali, mereka hanya bertanggungjawab kepada diri mereka sendiri. Perasaan takbur biasanya akan mula meresap dalam diri orang-orang yang berkuasa memberi naungan, perasaan bahawa mereka boleh membentuk dan mencorak orang lain serta pendapat ramai mengikut kehendak mereka. Pemimpin-pemimpin Umno yang menjadi sekutu terkanan dalam Kerajaan Perikatan telah diserang penyakit ini. Mereka

merasakan bahawa mereka tidak perlu mempedulikan pendapat-pendapat para penyokong mereka, lalu pendapat-pendapat tersebut sentiasa sahaja diketepikan.”

Waktu itu Mahathir mengatakan pemimpin-pemimpin Umno diserang penyakit takbur, tidak mempedulikan pendapat ahli, kerana mereka berasa bahawa mereka “boleh membentuk dan mencorak orang lain serta pendapat ramai mengikut kehendak mereka.” Sekarang, hal itu tepat terjadi ke atas diri Mahathir sendiri.

Mahathir telah menjadi takbur dan tidak mempedulikan pendapat orang lain, hinggakan pendapat ulamak pun hendak dibentuknya supaya mengikut kehendak dia. Apatah lagi pendapat ahli-ahli Umno biasa. Pantang dia mendengar ada yang berbeza dengannya. Akan dituduhnya itu talibarut asing yang hendak merosakkan kestabilan politik negara.

“Namun sikap tidak mempedulikan kritik-kritik dan tidak mengendahkan penyokong-penyokong yang mula berpaling tadah sudah tentulah mempunyai kesan ke atas parti,” tulisnya lagi. “Umno menjadi semakin lemah dan menjelang pilanraya 1969 kekuatan pengaruhnya begitu merosot sekali hinggakan terpaksa bergantung kepada sumbangan wang Kerajaan yang banyak untuk mendapatkan sokongan di beberapa buah kawasan yang tidak menyokongnya.”

Itu dulu. Mahathir nampak kelemahan Umno dan sebab-sebab mengapa berlaku kelemahan tersebut, kerana bukan dia yang berada di tampok kekuasaan. Sekarang dia berada di tampok kekuasaan. Dia tidak nampak lagi akan kelemahan Umno. Biarpun habis

semua kerusi di Kelantan dirampas oleh PAS, Mahathir tidak akan mengaku bahawa itu adalah kelemahan Umno akibat kelemahan pimpinannya.

Dan yang terakhir pilihanraya kecil kawasan parlimen Arau, Perlis, pada 4 Julai 1998. Belum pernah Umno kalah di Perlis, tetapi kali ini dia kalah, walaupun dalam pilihanraya lalu Umno menang dengan majoriti besar, 6,889 undi. Kali ini dia kalah di tangan PAS, dengan kelebihan 1,323 undi untuk PAS. Semua orang tahu kekalahan itu disebabkan wujudnya nepotisme dalam kerajaan pimpinan Mahathir. Tetapi sudiakah Mahathir mendengar kritikan mengatakan wujudnya amalan nepotisme dalam kerajaan pimpinannya?

Seperti disebut di atas tadi, Mahathir pantang mendengar kritikan terbuka terhadap pimpinannya, walaupun kritikan itu datangnya daripada Ketua Pergerakan Pemuda Umno sendiri. Maka akibat mengkritik Mahathir, walaupun dengan niat untuk memperbaiki Umno, Zahid Hamidi telah dibelasah habis-habisan.

Dalam buku *The Malay Dilemma* itu seterusnya Mahathir mengkritik pimpinan Tunku, dengan berkata: "Oleh kerana Kerajaan mempunyai majoriti yang besar di Parlimen, kritik-kritik yang ditujukan kepada kerajaan biasanya dipandang rendah. Dasar-dasar kerajaan ditetapkan tanpa menghiraukan pendapat-pendapat dari orang ramai."

Sekarang Mahathir bukan sahaja tidak menghiraukan pendapat orang ramai, malah dia juga tidak menghiraukan pendapat ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat. Misalnya banyak projek-projek mega yang

dijalankan, tidak terdapat pun di dalam Belanjawan tahunan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan di Parlimen pada setiap Oktober.

Malah yang terakhir, Plan Pemulihan Ekonomi Negara yang dikemukakan oleh Menteri Tugas-tugas Khas yang baru dilantik, Tun Daim Zainuddin, pada 23 Julai 1998, langsung tidak dibentangkan di Parlimen. Walaupun plan itu dianggap begitu penting, lebih penting daripada Langkah-langkah Tambahan yang beberapa kali dibentangkan oleh Anwar Ibrahim (Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri) di Parlimen; kali terakhir pada 13 Julai 1998. Maka ada orang mengatakan itu satu penghinaan terhadap Parlimen. Mahathir tidak peduli. Semua rancangan yang dibentangkan oleh Daim di luar Parlimen itu, kata Mahathir, diterima pakai oleh kerajaan.

Dan seterusnya... petikan berikut ini kalaulah tidak disebut bahawa ia diambil dari buku *Dilema Melayu*, nescaya orang akan mengatakan ini adalah satu kritikan yang dibuat oleh seorang yang anti Mahathir, terhadap pimpinan Mahathir hari ini. Cubalah anda perhatikan:

"Sidang-sidang parlimen hanya dianggap sebagai suatu formaliti yang tidak bermakna, semata-mata memberi peluang kepada para ahli untuk berucap agar suara mereka dapat didengar dan dihebahkan. Meskipun begitu, hujah-hujah tersebut tidak berkesan langsung kepada pentadbiran kerajaan. Perasaan umum ialah walau parlimen bersidang ataupun tidak, kerajaan tetap memerintah. Sidang-sidang tersebut diadakan hanyalah sebagai mematuhi amalan demokrasi.

Tujuan utama sidang ialah untuk menunjuk-nunjukkan kekuatan kerajaan. Dari masa ke semasa, kekuatan ini telah digunakan untuk meminda Perlembagaan. Cara dan kerapnya Perlembagaan dipinda kerana sebab-sebab yang tidak penting telah menjatuhkan taraf undang-undang tertinggi negara kepada lembaran kertas yang tidak berguna."

Hari ini, kerana Mahathir adalah Perdana Menteri, tentulah dia tidak senang membaca kritikan begini terhadap pimpinannya. Padahal kritikan ini bukan orang lain yang menulisnya. Dia sendiri yang menulisnya, pada tahun 1970.

Inilah dia kata pepatah Melayu: "Mengata dulang paku serpih, mengata orang aku yang lebih". Bayangkan dulu Mahathir sanggup berkata bahawa cara dan kerapnya Perlembagaan dipinda telah "menjatuhkan taraf undang-undang tertinggi negara kepada lembaran kertas yang tidak berguna". Kalau sekarang orang berkata begitu kepada dia, sudikah dia mendengarnya? Mahukah dia menerima alasan-alasan orang yang berkata demikian terhadapnya? (Saya berharap Mahathir sudi mendengar dan mahu menerima!)

Walau bagaimanapun, mari kita lihat lagi apa yang telah ditulis oleh Mahathir dalam bukunya yang sangat masyhur itu. Kita lihat dalam bab 2 sahaja, jangan lihat bab-bab lain lagi. Kita lihat dia beralih kepada soal perlantikan ahli kabinet pula. Katanya:

"... pemilihan ahli-ahli kabinet ditetapkan sebagai satu ganjaran kepada kesetiaan terhadap ketua-ketua parti dan orang-orang yang diterima oleh Perdana Menteri. Selepas mereka dilantik, walaupun mereka

tidak menjalankan tugas dengan sempurna, kedudukan mereka sebagai menteri tidak tergugat. Sebaliknya, walaupun seorang menteri itu telah menjalankan tugasnya dengan baik tetapi gagal untuk berbaik-baik dengan Perdana Menteri maka dia akan disingkirkan dari kementerianannya.

"Akibatnya, orang-orang yang kurang berkebolehan dibiarkan untuk mentadbir negara ini. Orang-orang yang berkebolehan tidak dapat berkhidmat dengan kerajaan dan walaupun mereka diterima untuk berkhidmat mereka tidak pula kekal lama. Walaupun kabinet silih berganti dengan pola yang sama berte-rusan, namun harapan seluruh negara untuk melihat orang-orang yang betul-betul berkebolehan berada di dalam kerajaan ternyata hampa. Rakyat mula bersikap sinis dan mereka kurang menghormati para menteri. Perasaan ini bukan sahaja terserap di kalangan mereka yang membangkang kerajaan, malah juga pada mereka yang menjadi penyokong kerajaan."

Nyata. Terang benderang. Sejarah berulang lagi Seperti yang digambarkan oleh Mahathir 28 tahun du-lu itu, tepat seperti itulah yang berlaku hari ini. Orang-orang yang kurang berkebolehan dilantik untuk men-tadbir negara, manakala orang-orang yang berkebo-lehan tidak diberi peluang.

Seorang kawan saya, penulis juga, tetapi ki-berjaya menjadi tokoh korporat dan menjalin hub-ngan baik dengan beberapa menteri kabinet, berka-kepada saya baru-baru ini, bahawa dia tetap saya-kepada Mahathir. "Masalah negara kita ini bul-Mahathir," katanya. "Masalahnya ialah menta-

menteri yang ada kebanyakannya tidak dapat membantu Mahathir.”

Dia menyebut nama seorang menteri dan berkata, “Aku tak boleh bercakap lama dengan dia. Lima minit saja bercakap, aku nak muntah.”

Begitu sekali teruknya menteri kita yang ada. Soalnya macam mana menteri yang sebegitu rendah kualitinya boleh dilantik oleh Mahathir? Bukankah pemilihan dan perlantikan menteri itu kuasa mutlak Perdana Menteri? Kawan saya menyalahkan kebanyakan menteri kerana tidak berkebolehan untuk membantu Perdana Menteri. Soalnya mengapa Mahathir melantik mereka? Kenapa tidak lantik orang yang memang layak dan berkebolehan untuk menjalankan tugas sebagai menteri?

Tentulah ada sebab-sebabnya. Mahathir sendiri telahpun menjelaskan sebab-sebab tersebut dalam bukunya *The Malay Dilemma*, yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Mahathir memang menulis dalam bahasa Inggeris. Fikiran-fikiran pentingnya dilahirkan keluar melalui bahasa Inggeris. Bukan sahaja *The Malay Dilemma*, tetapi yang lebih penting lagi daripada itu, yang menjadi asas perjalanan Malaysia menuju ke tahun 2020, iaitu ucapannya yang kemudian dikenali sebagai ucapan “Wawasan 2020” itu, pun ditulis dan diucapkan dalam bahasa Inggeris juga.

Yang terakhir, bukunya yang terbaru, *The Way Forward*, bukan sahaja ditulis dalam bahasa Inggeris, tetapi dilancarkan pun di negeri Inggeris, oleh orang Inggeris, pada 8 Julai 1998, oleh bekas Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher. Mengapa? Agaknya

Mahathir memang tidak pandai menulis dalam bahasa Melayu. Maka tidak hairanlah dia tidak begitu bersimpati dengan bahasa Melayu, dan tidak dapat merasakan hubungan antara bahasa Melayu dengan semangat nasionalisme dan jatidiri bangsa Melayu.

Sebagai bangsa yang merdeka dan bermaruah, kita memang hairan mengapakah dokumen sepenting Ucapan Wawasan 2020 itu, yang menetapkan langkah-langkah untuk masa depan bangsa dan negara ini, tidak diucapkan dalam bahasa Melayu, bahasa yang diiktiraf sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan kita?

Kalau memang Mahathir tidak pandai menulis dalam bahasa Melayu, tidak mengapalah. Itu sama sekali tidak menjejaskan hormat kita kepada kebolehannya dalam bidang-bidang lain. Tetapi fahamlah kita mengapa selama ini Mahathir tidak bersimpati apabila melihat bahasa Melayu dihina. Fahamlah kita

sa
n-
an
at
ta
ng
n-
k
af

a-
li
ra
a,
n
a.

“Akhbar memang perlu
bertanggungjawab.
Tetapi pemerintah juga harus
turut bertanggungjawab
untuk mendengar suara rakyat....
Dan sebahagian suara itu
tentulah tidak akan disenangi.
Akhbar memang
perlu bertanggungjawab,
tetapi akhbar yang tidak
diyakini oleh pembaca
tidak banyak gunanya
untuk negara.”

14

Tak Akan Sama Seperti Dulu Lagi

SEHARI selepas berakhirnya Perhimpunan Agung Umno 1998, melalui ruangan "Nota Kaki" dalam akhbar *Utusan Malaysia* 22 Jun, Johan Jaaffar berkata: "selepas ini Umno dan negara *'will never be the same again'*." Beliau meminjam ungkapan Inggeris untuk mengatakan maksud bahawa selepas ini Umno dan negara Malaysia tidak akan sama seperti sebelumnya lagi.

Johan Jaaffar berkata demikian dengan merujuk kepada tindakan drastik pimpinan Dr Mahathir Mohamad mengeluarkan dan menghebahkan lima senarai panjang nama individu dan syarikat yang telah mendapat nikmat kemakmuran dari limpah kurnia kerajaan Malaysia, iaitu projek penswastaan, kontrak kerajaan, saham, lesen dan permit, yang selama ini dianggap sebagai satu rahsia umum.

Siapa yang pernah terfikir sebuah kerajaan seperti kerajaan Malaysia akan tiba-tiba menjadi begitu telus, sanggup membuka rahsia yang selama ini disimpan dalam lipatan fail rahsianya? Siapa pernah sangka Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bertindak sedemikian drastik bagi menjawab dakwaan Ketua Pergerakan Pemuda Umno yang mengatakan wujudnya secara serius amalam nepotisme dan kronisme dalam pembahagian projek oleh kerajaan?

Orang seperti Datuk Johan Jaaffar, Ketua Pengarang kumpulan akhbar Utusan Melayu sendiri pun tidak menduganya. Sebagai seorang yang berpengalaman lebih lima tahun memimpin kumpulan akhbar milik Umno sendiri, dan sebagai seorang penelaah yang rajin serajin Johan itu pula, apabila dia membuat rumusan sedemikian, tentulah itu merupakan satu rumusan yang perlu diberi perhatian.

"Kesannya pasti luar biasa," kata Johan. "Cara Umno melihat diri, cara Umno mendepani isu dalaman dan cara para pemimpin Umno menangani soal-soal parti juga mungkin akan berbeza. Malah hukum-hukum berparti juga nampaknya akan mengambil bentuk baru."

Seterusnya Johan menegaskan: "Sekali Umno mengambil langkah sedemikian, ia tidak boleh berpaling lagi. Pantai sebenarnya sudah berubah. Kalau itu merupakan sebahagian dari reformasi budaya dalam Umno, maka Umno sedang berada pada persimpangan yang pasti amat menarik, jauh lebih mencabar, malah bagi sesetengah pihak cukup menakutkan."

Akhirnya Johan merumuskan: "Umno yang sedemikian telus, demokratis dan terbuka tentulah Umno yang bersedia berdepan dengan kritikan. Bagi pengkritik dalamannya selama ini, terimalah Umno Era Baru."

Itu Johan Jaaffar yang masih memegang amanah selaku Ketua Pengarang kumpulan akhbar Utusan Melayu. Sama ada telahan dan bacaan Johan pada 22 Jun itu tepat atau tidak, minggu ketiga bulan Julai 1998 telah menyaksikan satu peristiwa yang tidak kurang drastiknya dalam sejarah media di negara ini.

Pada 14 Julai Johan berhenti dari Utusan Melayu, dan pada 18 Julai Datuk Ahmad Nazri Abdullah, Pengarang Kumpulan akhbar Berita Harian, berhenti dari Berita Harian. Dua orang ketua pengarang bagi dua buah kumpulan akhbar utama berbahasa Melayu berhenti kerja secara serentak. Belum pernah kejadian begini berlaku dalam sejarah media Malaysia.

Inikah pantai yang telah berubah itu, Johan?

Cakap-cakap yang tersebar menjadi buah mulut awam mengaitkan perletakan jawatan Johan dan Nazri dengan tulisan-tulisan dan laporan-laporan akhbar pimpinan mereka yang dikatakan tidak disenangi oleh pimpinan Mahathir. Nazri malah dikatakan telahpun pernah diarahkan supaya berhenti sebelum ini lagi, iaitu apabila beliau mengkritik pihak pucuk pimpinan yang memberikan gambaran mengelirukan mengenai pendirian dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan sewaktu kegawatan ekonomi mula melanda negara. Walau bagaimanapun, kerana sebab-sebab tertentu beliau masih mengekalkan jawatannya

hingga ke minggu ketiga Julai yang bersejarah itu.

Media asing telah menyambut peristiwa dua pertukaran jawatan serentak itu sebagai satu peristiwa besar dalam perkembangan politik dan ekonomi Malaysia semasa. Namun saya tidak ingin melibatkan diri dalam hal tersebut. Saya hanya ingin mengimbaskan sedikit pemerhatian terhadap sikap dua pengarang ini dalam kaitan dengan isu nepotisme-kronisme dan reformasi yang dibangkitkan oleh Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Kesan daripada isu yang dibangkitkan oleh Zahid itu memang luar biasa hebatnya. Dan kesan sehebat itu mungkin tidak terjadi sekiranya akhbar pimpinan Johan Jaaffar tidak memainkan peranan.

Isu nepotisme-kronisme dan reformasi mula menggemparkan masyarakat Malaysia pada 8 Jun 1998 apabila akhbar *Utusan Malaysia* menyiarkan tiga berita serentak pada hari tersebut. Kalau anda membaca *Utusan Malaysia* 8 Jun, selepas melihat tajuk besar yang terpampang di muka depannya, "Nepotisme kian serius - Zahid dedah pemberian projek kerajaan kepada syarikat gergasi", anda buka halaman dua terpampang pula tajuk "Anwar: Kikis unsur nepotisme, kronisme", dan di halaman tiga di sebelahnya terdapat satu tajuk lagi, iaitu "Bertindak lebih telus isu nepotisme - Dr Siddiq".

Apakah itu suatu kebetulan? Atau memang wujud suatu perancangan yang rapi? Tidak perlulah saya menjawab soalan itu.

Zahid Hamidi berucap merasmikan Kongres Pemantapan Ekonomi Negara anjuran Pergerakan

Pemuda Umno. Datuk Seri Anwar Ibrahim menulis dalam buku cenderamata Konvensyen Umno Johor, yang akan berlangsung esoknya, bertemakan "Agenda Ekonomi Negara: Reformasi, Keadilan dan Keseimbangan". Manakala Dr Siddiq Fadil, bekas Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia, berucap di majlis syarahan anjuran ABIM, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), di Kuala Lumpur. Ucapannya bertemakan "Penyelesaian Kegawatan Ekonomi Semasa: Perspektif Islam".

Zahid dalam ucapannya itu dilaporkan mendakwa unsur-unsur nepotisme dalam pembahagian projek-projek kerajaan kepada syarikat gergasi Bumiputera kini berada pada tahap serius.

Sebelum ini, semasa ekonomi baik, kata Zahid, unsur nepotisme kurang dibicarakan kerana agihan ekonomi dilihat adil dan memanfaatkan banyak pihak. Apabila kegawatan ekonomi berlaku sehingga menyebabkan agihan kek ekonomi semakin mengecil, soal agihan mula dirasakan dan rakyat mula menyuarakan rasa tidak puas hati. Mereka bertanya sama ada kepentingan mereka diutamakan atau kelompok tertentu yang diberi lebih perhatian.

"Kelompok ini ketika ekonomi sedang memuncak diberi peluang kerana mereka membayar cukai korporat, tetapi ketika gawat golongan ini yang diutamakan kononnya mereka juga membayar cukai korporat," katanya.

“Tetapi jika kita diberikan peluang sepertimana orang ini, kita bukan saja boleh bayar cukai korporat, malah boleh beri derma dan pertolongan serta tidak melupakan tanggungjawab sosial,” kata Zahid lagi.

“Inilah masanya kita melakukan pembaharuan,” tegas Zahid. “Sementara kita mengakui wujudnya serangan luar, faktor dalaman yang berkaitan dengan amalan tidak amanah, tidak jujur dan tidak bermoral perlu dibendung supaya tidak meruntuhkan sistem yang dibina selama ini.”

Pada waktu yang sama Anwar juga dilaporkan bercakap mengenai perkara yang sama. Dalam kata-katanya di buku cenderamata Konvensyen Umno Johor, Anwar menyeru ahli-ahli UMNO supaya mengikis unsur-unsur nepotisme, gejala rasuah dan kronisme untuk memenuhi prinsip asas kekuatan parti. Perkataan nepotisme dan kronisme itu disebut.

Dan ketika merasmikan Konvensyen Umno Johor pada 8 Jun, Anwar dilaporkan berkata Malaysia perlu bersedia menerima hakikat bahawa sistem dalaman negara ini mempunyai kelemahan yang perlu diperbaiki. “Kalau kita enggan menerima kenyataan ini, sepertimana pimpinan lepas Indonesia, maka rakyat akan bangun menuntut diadakan perubahan secara kasar.”

Seterusnya Anwar berkata: “Sebab itu saya bersejutu dengan gesaan sementara kita menuntut sistem kewangan antarabangsa dirombak dan mengalami reformasi, sistem di negara kita juga harus menerima kenyataan perubahan.”

Dan seterusnya Anwar mengingatkan: “Kalau kita

tidak bersedia untuk membawa perubahan ini, ia akan mengundang malapetaka yang lebih dahsyat.”

Selepas itu banyaklah berita *follow-up* dan reaksi pelbagai pihak terhadap isu tersebut disiarkan. Namun itu kurang penting. Yang pentingnya ialah pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno. Menjelang ucapan penggulungan oleh Presiden parti di sebelah petangnya, pagi itu Johan Jaaffar dan Nazri Abdullah secara berani dan berterus terang mengutuskan mesej mereka kepada Mahathir, melalui tulisan masing-masing dalam *Berita Minggu* dan *Mingguan Malaysia*.

Mereka menunjukkan sokongan yang jelas dan nyata terhadap tindakan Zahid dan Pergerakan Pemuda menimbulkan isu nepotisme. Secara berasingan, tetapi serentak, mereka menghantar mesej agar dipertimbangkan oleh Presiden Umno sebelum dia menyampaikan ucapan pentingnya menggulung persidangan.

Nazri Abdullah, melalui ruangan Komentari dalam *Berita Minggu*, menulis dengan tajuk “Mencanai kesedaran mengatasi kegawatan”. Secara tegas dia memulakan tulisannya begini:

“Parti tidak akan berpecah malah Umno akan bertambah kukuh dan mantap seandainya kebebasan menegur dan mengkritik secara bertanggungjawab menjadi sebahagian daripada budaya Umno. Dengan membenarkan ahli mengkritik dan membahaskan setiap isu secara ikhlas, segala kekusutan dapat dirongkai dan perasaan marah atau kecewa tidak akan membuku di dada. Hujah yang bernas dan benar mestilah diterima dengan dada yang terbuka dan jika yang

berhujah melakukan kesilapan atau tersalah tafsir, bimbing dan tegurlah dengan pandangan membina.”

Nyata dan jelas maksudnya meminta supaya pucuk pimpinan Umno jangan menolak teguran dan kritikan yang dibuat oleh Zahid dan Pergerakan Pemuda. Sebaliknya terimalah kritikan tersebut dengan dada terbuka, sekalipun didapati ada kesilapan di dalamnya.

Tegas Nazri selanjutnya: “Memandangkan Pergerakan Pemuda dan Wanita adalah asas pembinaan barisan pelapis pemimpin parti, maka sewajarnya lah perhimpunan agung Pemuda dan Wanita menjadi sebahagian daripada proses epistemologi menjana kekuatan mental dan menajam ketaakulan berfikir bakal pemimpin masa depan. Walaupun kadangkala suara mereka mungkin kritikal, asalkan niatnya ikhlas dan untuk kebaikan, ketrampilan mereka tidak sepatutnya dipadamkan dengan kutukan dan cemuhan.”

Tetapi rupa-rupanya apa yang diminta oleh Nazri itu tidak diendahkan oleh Mahathir. Nazri meminta supaya ketrampilan Pemuda jangan “dipadamkan dengan kutukan dan cemuham”, tetapi itulah yang dilakukan oleh Mahathir dalam ucapan penggulungannya di akhir hari yang sama dengan terbitnya tulisan Nazri itu. Ucapan yang panjang itu digunakan oleh Mahathir untuk membelasah Zahid seolah-olah hendak memadamkan terus nama Ahmad Zahid Hamidi dalam karier politik Umno.

Johan Jaaffar pula melalui ruangan Selayang Pandang dalam *Mingguan Malaysia* terbitan hari yang sama, membicarakan topik tersebut dengan pendekatan agak berbeza.

“Malah nepotisme tiba-tiba menjadi isu besar - siap dengan teori konspirasinya - serta telahan mengenai siapa di belakang Zahid atau siapa yang menjadi sasaran Zahid. Perwakilan Umno... datang kali ini dengan pelbagai tafsiran apakah sebenarnya motif Zahid. Malah Zahid dituduh tidak wajar, berbahaya, ada udang di sebalik batu, bermotif tertentu, didalangi dan berkemungkinan akan memecah-belah Umno.”

Demikian Johan memperihalkan suasana yang dihadapi oleh Zahid akibat keberaniannya meletupkan “bom” dakwaan wujudnya nepotisme dalam pembahagian kontrak kerajaan. Maka di tengah suasana yang hirok-pikok itu, kata Johan, “muncul suara kebijaksanaan dari orang muda sendiri - Datuk Hishammuddin Tun Hussein - orang kanan Zahid sendiri dalam wawancaranya dengan akhbar *New Straits Times*. Kata Hishammuddin, kenapa tidak lihat apa yang dibangkitkan itu secara “*sincere*” dan dengan “*good faith*”?”

Dan seterusnya Johan memetik Hishammuddin sebagai berkata bahawa “Pergerakan Pemuda Umno diwakili oleh orang-orang muda. Maka adalah menjadi tanggungjawab “ayah-ayah” dalam parti untuk memberi tunjuk ajar sekiranya mereka membuat kesilapan.”

Demikianlah sekadar imbasan kembali.

Setelah meletakkan jawatan, Johan masih menulis di ruangan “Selayang Pandang” akhbar *Mingguan Malaysia* 19 Julai, sebagai tulisan terakhirnya untuk ruangan popular itu. Kebetulan sehari sebelum itu Perdana Menteri merasmikan kompleks percetakan terbaru syarikat Utusan Melayu di Bangi, Selangor. Johan memanfaatkan kebetulan itu untuk mengimbas sedikit

sejarah Utusan Melayu, sebagai landasan untuk membicarakan hak dan tanggungjawab kewartawanan.

"Apakah yang menyebabkan akhbar-akhbar Melayu begitu istimewa bagi negara ini?" tanya Johan di dalam tulisannya. Lalu dia menjawab: "Suara kebebasan akhbar-akhbar ini bergema membelah suasana kerisauan, kegelisahan dan ketidakpastian pada zaman penjajahan. Golongan wartawan - yang sebenarnya sasterawan dan nasionalis sekali gus - menjadi tunggak kekuatan bangsa. Dari teriakan dan suara keberanian inilah munculnya Umno, citra dan harga diri Melayu.

"Akhbar *Utusan Melayu* tidak terkecuali dari melayani arus perubahan ketika itu. Akhbar itu lantang menyuarakan apa yang dianggapnya hak. Apa lagi yang melibatkan kepentingan Melayu. Akhbar ini berani, tegas dan tidak berkompromi dalam menyuarakan hak dan kepentingan orang Melayu. Itu zaman gemilang kebebasan akhbar negara ini."

Dengan berkata demikian ("itu zaman gemilang kebebasan akhbar negara ini"), tentulah Johan bermaksud bahawa zaman gemilang kebebasan akhbar di negara ini sudahpun berlalu. Zaman gemilang itu mula digugat apabila wujud usaha untuk "menguasai" Utusan Melayu oleh pimpinan politik pada tahun 60-an. Waktu itulah para wartawan Utusan Melayu melancarkan mogok selama 63 hari.

"Memang mereka tewas," kata Johan. "Tetapi mesej dari peristiwa mogok itu terdengar jelas pada orang Melayu ketika itu." Dan Johan membangkitkan semula cerita itu pun tentulah dengan tujuan untuk memperdengarkan semula mesej tersebut.

“Sampai ke hari ini hubungan ‘cinta benci’ antara pemerintah masih terasa,” tulis Johan seterusnya. “Para wartawan merasakan dalam menjadi kritikal dan membuat teguran, faedahnya pada pemerintah juga. Akhbar memang perlu bertanggungjawab. Tetapi pemerintah juga harus turut bertanggungjawab untuk mendengar suara rakyat. Suara itu tersalur melalui akhbar. Dan sebahagian suara itu tentulah tidak akan disenangi.”

“Akhbar memang perlu bertanggungjawab,” ulang Johan sekali lagi, “tetapi akhbar yang tidak diyakini oleh pembaca tidak banyak gunanya untuk negara.”

Sedemikian jelasnya mesej daripada Johan Jaaffar itu, tentulah sukar untuk kita mempercayai bahawa perletakan jawatan serentak dua pengarang yang berpengaruh itu terjadi tanpa wujudnya tekanan politik.

Inikah pantai yang telah berubah itu, Johan? Atau ini hanya sekadar satu permulaan untuk sesuatu yang lebih besar? Bahawa Umno dan negara kita sedang memasuki Era Baru, yang tak akan sama seperti dulu lagi.

Johan sudah berhenti dari Utusan Melayu. Nazri sudah berhenti dari Berita Harian. Yunus Said (Pengarah Operasi TV3) juga sudah berhenti dari TV3 (tak lama selepas Johan dan Nazri). Mereka dikatakan orang-orang kuat Anwar Ibrahim. Pemberhentian mereka tepat pada waktu Anwar Ibrahim sedang lemas dipukul ombak masalah peribadinya yang sangat rumit.

Nampaknya Era Baru dalam Umno belum lagi

bermula pada 21 Jun 1998, seperti yang difikirkan oleh Johan Jaaffar. Dan nampaknya mungkin bukan Mahathir yang akan menyebabkan bermulanya Era Baru Umno itu. Sebaliknya mungkin Anwar Ibrahim yang menyebabkannya.

Umno tidak akan sama seperti dulu lagi. Seperti Dr Mahathir, Anwar Ibrahim juga secara sengaja dan tak sengaja telah meninggalkan kesan yang sangat besar ke atas pemikiran, perasaan dan sikap orang Melayu. Hanya kesan yang ditinggalkan masing-masing itu yang tak serupa.



Puisi-puisi saya
sendiri yang memberitahu
saya bahawa waktu untuk Mahathir
mungkin sudah berlalu.
Sebenarnya saya masih terus
mencuba untuk
membela dan menyanjung
Mahathir melalui puisi,
walaupun sekadar untuk simpanan
sendiri. Tetapi ia tak mahu lagi
menjadi. Waktu itulah
saya memikirkan kembali
sikap saya.

15

Tujuh Belas Tahun Mengkagumi Mahathir

SAYA seorang yang mengkagumi Dr Mahathir sejak dia mula menjadi Perdana Menteri pada Julai 1981, hinggalah akhir-akhir ini. Bagi saya Dr Mahathirlah pemimpin Melayu yang benar-benar berjaya mengangkat maruah dan martabat bangsa Melayu di mata dunia. Dr Mahathirlah pemimpin yang berjaya mengubah sikap dan pemikiran orang Melayu menjadi bangsa yang begitu yakin dengan kemampuan diri sendiri untuk bersaing di persada antarabangsa.

Dr Mahathir juga adalah seorang pemimpin Islam dari negara membangun yang berani mengemukakan nilai Islam dan mengkritik sikap dan tindakan negara-negara kaya Barat yang tidak adil dan bertentangan dengan nilai-nilai yang dianjurkan

kan oleh mereka sendiri. Dr Mahathir adalah pemikir yang mempunyai pemikiran yang tajam dan jelas, dan mampu berhujah menjelaskan perspektif yang adil bagi kepentingan sejagat yang tidak memihak kepada kepentingan Barat.

Sebagai seorang yang meminati bentuk penulisan puisi, saya telah menyatakan pandangan dan penghargaan terhadap Mahathir dan kepemimpinannya melalui lebih 40 buah puisi. Puisi yang pertama berjudul "Puisi Panjang Untuk Mahathir" ditulis pada awal tahun 1982. Ia dibacakan di hadapan Mahathir di suatu majlis khas dimana saya dan kawan-kawan mengumpulkan ramai penulis, seniman, ilmuwan dan budayawan, hadir bagi menyatakan sokongan terhadap pimpinan Dr Mahathir.

Waktu itu di seluruh negara orang sedang sibuk berkempen kerana pilihanraya umum 1982 tinggal tidak berapa hari sahaja lagi. Dr Mahathir pun sangat terharu melihat penghargaan yang ditunjukkan kepadanya pada malam 14 April itu, hingga dia terpaksa berhenti berucap kerana tidak dapat menahan sebaknya.

Sejak itu dari semasa ke semasa saya terus menulis dan tulisan saya semuanya menyatakan persetujuan dan sanjungan terhadap kepimpinan Mahathir, di samping sesekali mengkritik juga secara yang lembut, iaitu kritikan dari orang yang sebenarnya mengkagumi kepemimpinannya.

Hanya puisi yang pertama itu sahaja dibacakan di hadapan Mahathir. Yang lainnya tidak dibaca-

kan di hadapannya, dan ada juga yang tidak pernah dibacakan di mana-mana pun. Sebagai contoh, dan untuk membuktikan atau melihat betapa tingginya sanjungan saya terhadap Mahathir, eloklah kita baca sebuah puisi yang di bawah ini. Judulnya "Dengan Apakah Kurakamkan Penghargaan". Ditulis pada tahun 1415 Hijrah.

Dengan apakah kurakamkan penghargaan ini
menyaksikan suatu bangsa sebuah negara bangkit
mencampakkan gehar lembut menyelimuti tubuh
lalu memakai uniform pekerja memasuki kilang
kerana mempercayai kehidupan sebenarnya
bukan mengharapkan hasil kerja orang lain

Dengan apakah kurakamkan penghargaan ini
seorang pemimpin berani mengambil bahaya
meminta cerdik pandai alim ulama mentafsir semula
al-Quran - kitab sucimulia anugerah Tuhan mahabesar
selamanya menyentuh mengupas meneroka maknanya
dalam konteks kehidupan moden adalah dosa

Kehidupan hari ini. Hijrah 1415, jauh di depan
amat jauh di depan meninggalkan zaman Rasulullah
inilah zaman kita, hari kita, inilah kehidupan kita
yang berbeza, walau manusia di dalam diri kekal sama
hidup kita bukan semata di dalam diri

Apabila kita berjalan siapakah menyediakan motokar
dan kapal terbang buat kita? Apabila kita berniaga
siapakah menguruskan tabungan dan pasaran wang kita?
Apabila orang asing kuat dan lengkap menipu menindas
kita siapakah yang membantu? Apabila orang Islam di
Bosnia diperkosa disembelih siapakah kita harapkan

menamatkan kezaliman? Apabila umat di Sudan Somalia kebuluran kenapakah tidak kita memberi makanan? Apabila budaya bebas buas berbau seks dadah *rock-rap* masuk ke rumah menjemput anak-anak keluar berhibur cukupkah kita menyalahkan orang lain menguasai media antarabangsa yang hebat kuasanya?

Dengan apakah kurakamkan penghargaan ini menyaksikan suatu bangsa sebuah negara bangkit menyusun kejayaan kegemilangan di bumi kecil ini sedekad sahaja membuktikan ke mata dunia bahawa ada cara lain membina kemajuan manusia cara yang lebih baik daripada Amerika dan British lebih baik daripada Jepun dan Perancis

Dengan apakah kunyatakan penghormatan ini
 seorang lelaki gigih tabah tekun nekad
 sesekali melakukan silapnya sang manusia lemah
 namun tekadnya kuat merangsang umat bangkit
 menukar semangat mengubah tabiat bahawa kita
 bangsa bermarwah
 mampu bersaing
 menunjukkan teladan baik
 dihormati
 seantero dunia

Dengan apakah kunyatakan penghormatan ini kepadanya?

Aku yang juga menghormati golongan lain yang menjunjung hasrat mulia menegakkan Islam aku menyaksikan Mahathir bukan sekadar menjunjung hasrat mulia tetapi menukangnya dengan kebijaksanaan seorang ulama moden, mekanik

perubahan, industrialis Islam, *salesman* yang cerdik membina rangkaian kedai hujahnya serata dunia tanpa menjual ayat Islam dengan harga yang meruntuhkan umat. Dengan apakah kurakamkan penghargaan ini?

Bukan aku menafikan di sini masih berleluasa kemungkaran rasuah maksiat riba penyelewengan kuasa dan kemiskinan. Aku menyanjung perubahan dan arah hasanah yang dituju

Mahathir telah memilih prioritinya
Tiada pimpinan insan yang sempurna
Sedekad dia membuka kelopak hati dunia
Ada cara lain membina kemajuan manusia

Dengan apakah kurakamkan penghargaan ini kepadanya?

Begitulah satu daripada 39 buah puisi yang terdapat dalam buku *Puisi Panjang Untuk Mahathir*. Saya mempunyai banyak sebab dan alasan untuk menghargai dan menyokong kepemimpinan Mahathir. Apa yang dinyatakan melalui puisi di atas hanya sebahagian sahaja. Ada banyak lagi. Bolehlah anda baca sendiri dalam buku tersebut.

Saya melihat Mahathir mempunyai strateginya tersendiri untuk memperjuangkan syi'ar Islam, di samping mengangkat maruah dan martabat bangsa Melayu. Dan yang paling penting, saya melihat Mahathir mempunyai kemampuan untuk melakukannya. Dia bukan sahaja pandai bercakap,

tetapi dia juga pandai bekerja melakukannya. Dan dia bukan sekadar pandai bekerja melakukannya, tetapi dia juga rajin dan tekun dan tabah melakukannya, dan terus melakukannya hingga berjaya.

Walaupun di dalam proses itu terdapat beberapa hal yang saya kurang setuju, saya boleh mengkesampingkan dahulu hal tersebut, demi memberi peluang kepada Mahathir melakukannya mengikut cara dan strateginya. Saya percaya pada keikhlasan Mahathir dalam perjuangannya untuk mengangkat bangsa Melayu dan Malaysia menjadi bangsa dan negara maju, yang tidak boleh dipermain dan diperbudakkan lagi oleh negara-negara kaya Barat.

Apabila kerajaan kita berkonfrantasi dengan peniaga dan pelabur Inggeris berikutan sebuah akhbar mereka menuduh Perdana Menteri kita rasuah, misalnya, kerajaan pimpinan Mahathir berani mengambil tindakan mengharamkan pelabur-pelabur Inggeris daripada menyertai projek-projek ekonomi dan pembangunan di Malaysia. Tindakan itu telah memberi kesan yang tidak baik kepada pengusaha dan pelabur Inggeris. Bukan kepada kita. Menteri mereka terpaksa datang ke Malaysia beberapa kali merayu supaya kerajaan kita menarik balik pengharaman tersebut. Pengusaha-pengusaha Inggeris terpaksa membuat iklan besar-besar memohon maaf kepada kita.

Peristiwa itu membuktikan bahawa ekonomi kita sudah begitu kuat, hingga Inggeris yang dulu pernah menjajah kita, sekarang terpaksa datang

merayu kepada kita supaya membenarkan mereka mengambil bahagian dalam ekonomi kita. Tidakkah itu tandanya ekonomi kita sudah mencapai satu taraf kekuatan yang tinggi? Kita telah mampu memberi syarat kepada sebuah negara kaya di Eropah, bukannya mereka yang memberi syarat kepada kita.

Demikian juga apabila kita berbalah dengan Australia. Perdana Menteri Australia Paul Keating mengatakan Dr Mahathir keras kepala (*recalcitrant*) kerana tidak hadir pada pertemuan ketua-ketua negara APEC di Seattle, Amerika Syarikat. Kesan daripada perbalahan itu bukannya menyusahkan kita, tetapi sebaliknya menyusahkan pihak peniaga dan pengusaha Australia sendiri.

Itu semua adalah pencapaian hasil daripada usaha dan pimpinan Mahathir, yang mengutamakan kekuatan ekonomi. Sewaktu perusahaan membuat kereta nasional Proton Saga hendak dimulakan, lebih ramai orang yang menentang daripada menyokong projek itu dijalankan. Tetapi Mahathir berdegil. Dia buat juga. Akhirnya seperti yang kita semua tahu, dia berjaya.

Bagi saya, projek Proton itu bukan sahaja merupakan satu projek ekonomi, tetapi juga yang tidak kurang pentingnya ialah sebagai satu projek psikologi. Ia memberi kebanggaan kepada rakyat Malaysia. Kita mampu mengeluarkan kereta sendiri. Sesuatu yang sepuluh tahun sebelumnya tidak pernah terfikir pun dalam kepala orang Malaysia.

Mahathir membuktikan kemampuannya, satu demi satu.

Saya mempunyai ramai kenalan yang tidak menyokong Mahathir, terutamanya golongan agama dan budayawan. Memang, dari segi agama dan budaya, ada banyak alasan untuk kita menolak pimpinan Mahathir. Tetapi saya tidak mahu terima alasan-alasan itu, kerana saya tidak mahu disebabkan perkara itu maka kita harus menolak semua kebaikan dan kekuatan dalam pimpinan Mahathir, seperti yang saya sebutkan tadi, dan banyak lagi yang telah saya rakamkan dalam puisi.

Mahathir bukanlah orang yang tidak minat kepada seni dan budaya. Saya kenal dia sewaktu dia menjadi Timbalan Perdana Menteri. Saya jemput dia datang tengok show saya, dia datang. Dan selepas itu dia pula jemput saya pergi tengok drama Inggeris dari London yang diadakan di hotel Regent (sekarang Park Royal). Selepas itu saya dan kawan-kawan pernah pergi ke rumah dia berbincang mengenai masalah teater Melayu selama berjam-jam. Dan apabila dia jadi Perdana Menteri saya pernah duduk bersama dengan dia dalam kapal terbang peribadinya pergi ke Alor Setar, bercakap mengenai acara “Pembacaan Puisi Tanah-air”, anjuran Grup Teater Elit yang diadakan di beberapa buah negeri dengan biaya oleh Kerajaan Negeri. Siapa kata Mahathir tidak minat dengan kebudayaan dan tidak sokong kegiatan kebudayaan?

Yang ternampak Mahathir tidak sokong kebu-

dayaan Melayu ialah kerana dia terlalu sangat mementingkan bahasa Inggeris. Alasan dia, bahasa Inggeris itu penting untuk orang Melayu yang hendak maju dalam bidang sains, teknologi dan ekonomi. Banyak ilmu ada dalam bahasa Inggeris. Nak tunggu diterjemahkan dulu ke bahasa Melayu supaya orang Melayu boleh membacanya, akan terlambat. Kalau kita nak kejar kemajuan, kita mesti timba ilmu dalam bahasa Inggeris. Apabila kita sudah jadi bangsa yang maju nanti, masa itu bahasa Melayu akan maju dengan sendirinya, kerana kita orang Melayu sudah maju.

Itu hujah Mahathir. Kerana dia Perdana Menteri, hujah dia yang menang. Bukan ahli-ahli bahasa dan kebudayaan Melayu tidak berhujah untuk menegakkan kebenaran bahawa bukan bahasa Inggeris yang menentukan sesuatu bangsa itu maju atau mundur. Mereka berhujah. Malah Datuk Hassan Ahmad (bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka) sampai bulan Jun 1998 pun masih berhujah, dalam majalah *Dewan Masyarakat*.

Tetapi Mahathir tak mahu layan hujah-hujah itu. Dia tak ada masa, kerana semua masa yang ada kalau boleh semuanya hendak digunakannya untuk melaksanakan projek-projek ekonomi. Projek seperti KLIA, KLCC, MSC, Putrajaya, Cyberjaya dan banyak lagi. Kita tak cukup waktu. Kita mesti kejar kemajuan. Orang lain sudah lama maju. Kalau kita nak maju macam mereka kita mesti sanggup berlari lebih kuat daripada mereka,

baharulah kita boleh bersaing dengan mereka.

Itulah situasi Mahathir yang saya faham. Saya tengok dia ikhlas bekerja hendak memajukan Malaysia, dan serentak dengan itu juga memajukan Melayu dan Islam. Apa yang mendorong dia sanggup bekerja kuat ke arah itu, tidak perlu dipersoalkan. Mungkin kerana dia pernah dihina oleh penjajah, dan dia menyimpan dendam bahawa satu hari dia akan tunjukkan kepada bangsa yang pernah menjajah dia bahawa dia lebih bijak, lebih berkuasa dan lebih mulia daripada mereka. Mungkin. Tetapi apa perlunya kita persoalkan hal itu?

Yang penting, kita mempunyai seorang pemimpin yang berkemampuan untuk membawa kita duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa yang maju di dunia. Dan pemimpin ini mesti kita hormati, mesti kita bantu, mesti kita beri dia peluang melaksanakan agendanya, dan jangan kita ganggu dia dengan hal-hal yang tak perlu.

Demikianlah sikap saya terhadap Mahathir. Tidak mengapalah dia buat sedikit silap dalam bidang agama dan kebudayaan. Kita tak boleh harapkan seorang pemimpin itu betul dalam semua perkara. Kalau dia terlalu mementingkan ekonomi pun, tak mengapalah. Dia percaya kita tak boleh maju dan dihormati, dan Islam juga tak akan dihormati selagi ekonomi kita tidak dihormati. Tidak mengapalah. Biarlah dia memajukan ekonomi kita. Dan memang telah terbukti yang Malaysia mulai dihormati kerana kekuatan kita dalam eko-

nomi. Malah negara-negara Arab juga mulai menghormati kita dan melihat kita sebagai contoh sebuah negara Islam yang maju.

Demikianlah... kita pendekkan dulu cerita-cerita itu..., maka tibalah satu peristiwa besar dalam sejarah kepemimpinan Dr Mahathir. Matawang negara-negara Asia Tenggara diserang oleh pakar-pakar spekulasi matawang antarabangsa, dan nilai ringgit pun jatuh merudum, diikuti dengan kejatuhan nilai saham-saham di BSKL.

Tidak ada orang yang begitu marah dan kecewa terhadap peristiwa tersebut lebih daripada kemarahan dan kekecewaan yang dialami oleh Dr Mahathir. Tak kiralah apa pun sebabnya. Ada orang kata kerana anaknya sendiri terlibat maka dia jadi begitu marah dan kecewa. Tetapi saya tidak perlu melihat dari sudut itu. Saya melihat kemarahan dan kekecewaan Dr Mahathir adalah kerana peristiwa itu menyebabkan seluruh usahanya hendak memajukan Malaysia dan bangsa Melayu serta agama Islam telah rosak dan runtuh bersama dengan runtuhnya ekonomi Malaysia.

Saya bersimpati dengan Mahathir. Saya boleh rasakan betapa kecewa dan marahnya dia kepada spekulator yang menyerang matawang kita dengan kekayaan mereka berbilion dolar itu. Dan apabila Mahathir mula mengkritik sistem perdagangan matawang dan mencadangkan supaya perdagangan matawang untuk tujuan spekulasi diharamkan, saya sangat bersetuju dengan dia. Memang sepatutnya spekulasi dalam perdagangan mata-

wang dan juga dalam perdagangan saham diharuskan. Tetapi siapa yang berani dan boleh menyuarakan perkara ini kepada pihak-pihak yang berkenaan di peringkat antarabangsa?

Maka apabila Mahathir dengan berani menyuarakan cadangan ini di persidangan Bank Dunia/IMF di Hong Kong pada 20 September 1997, saya terus mengkagumi keberanian dan perjuangan dia. Saya tak fikir ada orang lain di dunia yang berani dan sanggup bercakap begitu di hadapan tokoh-tokoh kewangan dan perbankan serta pakar-pakar spekulator matawang antarabangsa. Silap-silap orang boleh tuduh kita “gila” bercakap begitu di tempat begitu. Tetapi Mahathir sanggup melakukannya. Bagaimana saya tidak terus mengkagumi dia?

Dipendekkan cerita lagi... kita semua dilanda kegawatan ekonomi. Orang yang dulu senang, sekarang dah jadi susah. Orang yang dulu susah, sekarang apatah lagi. Mula-mula dulu kerajaan kata tak lama lagi selesailah kegawatan. Ekonomi kita akan pulih semula. Tunggulah kita sebulan ke sebulan, akhirnya dah jadi setahun. Bukan ada tanda-tanda nak pulih. Sebaliknya tanda-tanda nak bertambah teruk lagi ada.

Sebagai seorang yang meminati puisi, saya terus juga menulis puisi walaupun ekonomi gawat. Tetapi ada satu perkara yang telah terjadi pada puisi-puisi saya akhir-akhir ini. Biar bagaimanapun saya mencuba untuk menulis seperti dulu, iaitu seperti puisi-puisi yang terkumpul dalam buku

Puisi Panjang Untuk Mahathir, saya dapati saya tidak dapat lagi melakukannya. Beberapa buah yang ditulis sejak April 1998 saya dapati rupanya tidak lagi menyebelahi Mahathir.

Begitulah - puisi-puisi saya sendiri yang memberitahu saya bahawa waktu untuk Mahathir mungkin sudah berlalu. Sebenarnya saya masih terus mencuba untuk membela dan menyanjung Mahathir melalui puisi, walaupun sekadar untuk simpanan saya sendiri (seperti saya menyimpan kebanyakan puisi yang kemudiannya diterbitkan dalam buku *Puisi Panjang Untuk Mahathir* itu). Tetapi ia tak mahu lagi menjadi. Maka waktu itulah saya memikirkan kembali sikap saya terhadap Dr Mahathir Mohamad.



Mahathir leafing through a book entitled *Puisi Panjang Untuk Mahathir* before the start of the supreme council meeting.

Mahathir sedang membuka buku *Puisi Panjang Untuk Mahathir* karya Dinsman, sebelum memulakan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di PWTC, pada 11 November 1997.

(Dari akhbar *Sun*, 12 November 1997)

